

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI SELASA : 9 JULAI 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.
MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kewajaran dasar penyatuan tanah untuk sektor padi, menyentuh perkara-perkara berikut :-

- (a) model penyatuan tanah yang akan digunapakai dan agensi yang terajui inisiatif penyatuan tanah ini; dan
- (b) jaminan terhadap kepentingan tuan tanah, pesawah dan Kerajaan dalam pelaksanaan langkah penyatuan tanah itu nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Cadangan untuk penyatuan tanah selaras dengan Hala Tuju 3 Strategi 1 Inisiatif 6 dan Hala Tuju 4 Strategi 1 Inisiatif 1 dalam dokumen Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (2019-2020) bagi sektor padi. Pelaksanaan penyatuan tanah ini akan hanya melibatkan penyatuan pengurusan tanah tanpa sebarang pengambilalihan atau pertukaran hak milik tanah pesawah. Konsep penyatuan pengurusan tanah ini adalah pengurusan ladang dari peringkat penanaman, penuaian sehingga ke pemasaran yang akan diuruskan oleh satu badan pengurusan samada seperti syarikat atau koperasi. Cadangan ini dibuat bagi memastikan pengurusan yang

NO SOALAN : 1

lebih cekap dengan ladang bersaiz ekonomi (*economic of scale*) memandangkan didapati kebanyakan sawah yang diusahakan dalam skala kecil sukar untuk meningkatkan produktiviti dan menjana pendapatan pesawah; selain menyukarkan pengurusan ladang dan pengurusan bantuan dilaksanakan. Buat masa ini, beberapa program sedia ada di bawah Projek Pemacu Pertanian (PPP) seperti *Entry Point Project*, EPP#10 dan EPP#11 yang akan tamat pada tahun 2020 boleh diambil sebagai asas pelaksanaan konsep penyatuan tanah ini.

Agensi yang dikenalpasti untuk menerajui inisiatif ini buat masa ini adalah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Hal ini kerana ketika ini LPP telahpun melaksanakan konsep pengurusan ini di beberapa kawasan. Sebagai contoh, di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Lahar Bubu, Pulau Pinang seluas 756 hektar yang melibatkan lebih 429 peserta telah diuruskan secara mini estet berpusat. Ahli-ahli bersetuju menyerahkan kawasan sawah mereka kepada PPK untuk diusahakan. Sawah ini telah diuruskan secara sistematik bermula dari penanaman benih yang sah, pembajaan dan pembajakan, pengurusan air, penuaian dengan mekanisasi sehingga kepada pemasaran padi ke kilang. Hasil yang diperolehi melalui kaedah ini adalah melebihi purata hasil 5.5 metrik tan per hektar.

Selain itu, pihak Kerajaan juga sedang meneliti beberapa model penyatuan tanah lain yang pernah dilaksanakan bagi mendapatkan pendekatan terbaik berhubung kaedah pelaksanaan cadangan tersebut. Pertimbangan yang dibuat mengambilkira pelbagai aspek seperti berikut:

- i. saiz optimum keluasan yang wajar;
- ii. isu-isu pengedaran bekalan dan pengurusan;
- iii. pengawalan penyakit;
- iv. penggunaan jentera dan mekanisasi bersesuaian;
- v. aspek pemilikan tanah;
- vi. kesediaan industri; dan
- vii. penerimaan pesawah dan pemilik tanah.

NO SOALAN : 1

Kaedah pulangan kepada pesawah samada dalam bentuk kerjasama strategik, pembayaran secara langsung dalam bentuk sewaan atau pajakan, perkongsian keuntungan (*profit sharing*) atau seumpamanya masih dalam penelitian lagi. Libat urus (*engagement*) akan dilakukan bagi memastikan pesawah dan pemilik tanah memahami konsep pelaksanaan model ini.

Berdasarkan maklumat awal yang diperoleh, keluasan tanah yang bersesuaian untuk penyatuan adalah dalam lingkungan 50 hektar hingga 500 hektar, kerana sekiranya kawasan lebih luas dikhuatiri akan menyebabkan keberkesanan pemantauan tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Isu-isu seperti serangan penyakit, bekalan benih padi, bekalan input pertanian dan penggunaan mekanisasi dan automasi di kawasan yang luas yang akan menyukarkan pelaksanaan pertanian tepat (*precision farming*) perlu diberikan perhatian untuk memastikan penanaman padi mengikut *Good Agricultural Practice (GAP)*.

(b) Faktor kejayaan utama bagi penyatuan tanah adalah penerimaan pesawah dan tuan tanah terlibat. Cadangan penyatuan tanah ini bukan sahaja dengan hasrat untuk meningkatkan produktiviti hasil, tetapi yang lebih utama juga adalah bahawa manfaat daripadanya harus diraih oleh kelompok tuan tanah dan pesawah yang terlibat itu, selain juga kepentingan Kerajaan sendiri. Justeru itu, sudah semestinya kepentingan semua pihak yang terlibat menjadi keutamaan dan akan diberikan perhatian oleh Kerajaan. Sekiranya sokongan diperoleh daripada pemilik tanah dan pesawah terhadap cadangan ini maka sebarang model yang akan diperkenalkan kelak akan dapat dilaksanakan tanpa halangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA (KETEREH)**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah baharu untuk meningkatkan kebajikan bekas perajurit khususnya perajurit yang tidak berpencen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa membela dan menjaga kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan menyediakan pelbagai bentuk bantuan kebajikan kepada veteran ATM sama ada veteran berpencen atau tidak berpencen bagi membantu meringankan beban hidup mereka.

Terkini, kerajaan telah meluluskan pemberian inisiatif Bantuan Harapan Negara (BHN) 2019 yang merupakan inisiatif baharu bagi menggantikan Bantuan Bakti Negara (BBN) 2017 dan Sumbangan Veteran Tidak Berpencen 1Malaysia (SVTB1M) 2013. Pelaksanaan inisiatif ini adalah lebih bersasar di mana penerimanya adalah veteran ATM di dalam kategori isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40). Pemberian ini merupakan sebagai penghargaan daripada kerajaan kepada veteran ATM di atas kesetiaan dan pengorbanan mereka kepada negara serta menjaga kebajikan semua golongan veteran ATM.

NO SOALAN : 2

Bagi melaksanakan inisiatif ini, kerajaan telah memperuntukan sebanyak RM79.68 juta untuk diagihkan secara *one-off* kepada seramai 159,368 orang Veteran ATM Berpencen dan Veteran ATM Tidak Berpencen yang layak untuk menerimanya, dengan kadar pemberian sebanyak RM500 seorang.

Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) telah pertanggungjawabkan untuk melaksanakan inisiatif ini di mana permohonan untuk BHN telah dibuka mulai 14 April 2019 dan pembayaran pertama telah dilaksanakan pada 27 Mei 2019 yang lalu di mana seramai 95,110 veteran ATM.

Kerajaan akan terus membuat penambahbaikan skim kebajikan bagi veteran ATM dari semasa ke semasa bagi kesejahteraan veteran ATM. Walau bagaimanapun, ia perlu berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang sedang berkuat kuasa serta perlu diimbangi dengan kemampuan kewangan kerajaan untuk melaksanakannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KAPAR]**

TARIKH : 9.7.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 3

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah penerima “food bank” sejak ianya dilancarkan dan apakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah baik program tersebut agar tidak ada pelajar yang tercicir sebagai penerima.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga kini, seramai **177,245 ahli isi rumah** telah berjaya mendapat manfaat daripada Program Food Bank Malaysia ini. Secara tidak langsung, Program ini juga telah berjaya menyelamatkan sebanyak **1424 metrik tan lebih makanan**.

Bagi Program Food Bank peringkat Universiti atau dikenali sebagai Program Food Bank Siswa pula, **sebanyak 3820 pelajar telah mendapat manfaat** sejak ianya mula dijalankan pada Februari 2019. Ianya telah dilaksanakan di 11 buah Universiti Awam iaitu di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Cheras, Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Kuala Lumpur, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Kementerian melalui Yayasan Food Bank Malaysia sedang meluaskan Program Food Bank Siswa ke semua Universiti Awam. Sebagai penambahbaikan, satu jadual telah dirangka bagi merancang kelancaran pengagihan makanan yang disumbang ke semua universiti. Kerjasama bersama pihak pasaraya dan pengilang juga giat dijalankan bagi mendapatkan penglibatan lebih ramai penyumbang untuk terlibat di dalam Program Food Bank Siswa ini. Ini adalah bagi memastikan kesemua pelajar yang layak menerima akan mendapat manfaat daripada program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah segera yang telah dilakukan oleh jawatankuasa petugas khas yang diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan disertai Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pertahanan dan Kementerian Luar serta tujuh agensi penguatkuasaan bagi mengekang masalah pencerobohan nelayan asing daripada terus berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mesyuarat pertama taskforce yang diterajui oleh Kementerian Dalam Negeri pada 25 April 2019 telah memutuskan penubuhan dua jawatankuasa pelaksanaan iaitu Jawatankuasa Penguatkuasaan Secara Bersepadu dan Jawatankuasa Dasar dan Perundangan. Jawatankuasa Penguatkuasaan Secara Bersepadu yang diketuai oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan dianggotai bersama oleh Tentera Laut DR. 9.7.2019 21 Diraja Malaysia (TLDM), Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Pasukan Polis Marin, Jabatan Perikanan Malaysia, Jabatan Laut Malaysia dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah melancarkan operasi penguatkuasaan bersepadu yang dikenali sebagai OPS Naga bermula 2 hingga Jun 2019 dan OPS Naga telah berjaya melaksanakan pemeriksaan secara keseluruhan terhadap 983 buah vessel yang membawa kepada tangkapan 52 buah vessel secara keseluruhannya. Operasi OPS Naga fasa kedua telah diteruskan dengan pelancaran OPS Naga Barat bermula 1 Jun 2019 dan berfokus di sebelah pantai timur Semenanjung Malaysia dan operasi ini akan diteruskan sehingga aktiviti pencerobohan nelayan asing di perairan maritim negara dapat dibanteras secara maksimum.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN NEGARA MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA 2019, PENGGAL KE-2

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO 5

TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan, mengikut pecahan negeri, untuk program "Readiness Assessment (RA)" di bawah Pelan Industri 4.0, dan apakah hasil penilaian program RA setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Permohonan atas talian bagi Program Penilaian Kesiediaan (Readiness Assessment (RA)) telah dilancarkan pada 28 Januari 2019. Setakat 30 Jun 2019, MITI telah menerima sebanyak 475 permohonan daripada syarikat-syarikat di seluruh Malaysia kecuali Perlis. Permohonan tersebut akan melalui tapisan bagi memastikan maklumat yang dinyatakan dalam permohonan adalah benar dan memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Pecahan permohonan mengikut negeri adalah seperti berikut :

i. Selangor	: 205	viii. Negeri Sembilan	: 18
ii. Johor	: 59	ix. W. Persekutuan	: 13
iii. Pulau Pinang	: 57	x. Kelantan	: 7
iv. Perak	: 32	xi. Sabah	: 7
v. Kedah	: 25	xii. Terengganu	: 7
vi. Sarawak	: 22	xiii. Pahang	: 5
vii. Melaka	: 18		

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan ketelusan dan integriti dalam pemilihan syarikat untuk menjalani program RA, saringan ke atas setiap syarikat dibuat melalui Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu RA. Jawatankuasa-jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil dari kementerian, agensi dan juga industri yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi dan industri. Pemilihan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang ditetapkan bagi memastikan aspirasi untuk menggalakkan peralihan industri ke Industri 4.0 dapat dicapai.

Sehingga 3 Julai 2019, sebanyak 60 syarikat daripada 475 telah dipilih untuk menjalani program RA yang pertama. Pecahan syarikat yang dipilih mengikut negeri adalah seperti berikut:

i. Selangor	: 23	vii. Perak	: 2
ii. Pulau Pinang	: 13	viii. Sarawak	: 1
iii. Johor	: 5	ix. Sabah	: 1
iv. Melaka	: 5	x. Kelantan	: 1
v. Kuala Lumpur	: 4	xi. Terengganu	: 1
vi. Kedah	: 4		

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan agensi-agensi berkaitan akan meneruskan program seranta ke seluruh bagi memupuk kesedaran dan menggalakkan lebih banyak syarikat untuk menyertai program RA.

Dengan sokongan dan bantuan daripada semua pihak, aspirasi Kerajaan untuk membangunkan industri ke arah Industri 4.0 akan menjadi kenyataan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 6

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah keputusan Kementerian terhadap pengurusan sisa buangan daripada kilang memproses nadir bumi, Lynas Corp apabila Kerajaan bersetuju untuk membenarkan kilang tersebut untuk memperbaharui lesen dan terus beroperasi di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Syarat-syarat pengurusan residu Water Leached Purification (WLP) yang akan dikenakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (Lembaga) kepada Lynas untuk beroperasi akan mengambilkira semua peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), syarat pelaburan yang dikenakan oleh pihak MITI serta syor oleh *Parliament Select Committee (PSC)* 2012 dan syarat-syarat lain yang akan diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah aktiviti perjudian mesin kuda, "*online gambling*" dan 4D haram yang dikatakan telah dibendung melalui operasi-operasi di seluruh negara kini telah menular semula dan apakah tindakan yang akan terus diambil untuk membanteras aktiviti perjudian mesin kuda, "*online gambling*" dan 4D haram memandangkan kegiatan tersebut telah mula menapak untuk berleluasa semula terutama di Sibu.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat peka dan juga sensitif pada isu permasalahan perjudian mesin judi haram, online gambling dan 4D haram dalam negara termasuk di daerah Sibul, Sarawak. Kawalan atas aktiviti perjudian dilaksanakan melalui pengubalan undang-undang dan peraturan DR. 9.7.2019 29 oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan penguatkuasaan yang dijalankan secara berterusan oleh Polis Diraja Malaysia di seluruh negara. Berdasarkan statistik daripada PDRM sebanyak 297 serbuan ke atas pusatpusat perjudian tidak berlesen telah berjaya dilakukan di daerah Sibul, Sarawak bagi tahun 2018 hingga 31 Mei 2019.

Kejayaan operasi berkenaan telah menyebabkan 439 orang telah ditangkap dan selain itu 72 unit mesin perjudian dan wang tunai berjumlah RM95,024 telah turut dirampas. Dalam hal ini PDRM akan terus melakukan tindakan penguatkuasaan untuk membanteras sindiket perjudian tidak berlesen sehingga membawa kepada penutupan premis berkenaan. Pada masa yang sama, Kementerian Dalam Negeri juga turut dilibatkan dalam kajian undang-undang berkaitan perjudian yang sedang pun dijalankan oleh Kementerian Kewangan Malaysia untuk ditambah baik supaya sentiasa selaras dengan perkembangan semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN
TUANKU JAAFAR [SANTUBONG]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah menengah dan rendah bakal dicantum di Sarawak, apa persediaan awal di buat supaya pelajar tidak terperangkap oleh situasi nanti, dan bila percantuman ini akan selesai? Selain dari surat pekeliling kepada sekolah-sekolah, adakah perbincangan-perbincangan dibuat dengan masyarakat setempat berhubung perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam meningkat taraf pendidikan negara ke arah yang lebih cemerlang, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berhasrat untuk menggabungkan sekolah kurang murid (SKM) seperti yang digariskan dalam Inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 kepada semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Walau bagaimanapun, KPM akan bekerjasama dengan ibu bapa dan pihak berkepentingan setempat bagi menentukan masa depan sekolah dan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif untuk semua murid bagi memastikan kualiti pendidikan anak mereka diberi keutamaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini KPM melalui Jabatan Pendidikan Sarawak dengan kerjasama Kerajaan negeri sedang dalam proses melaksanakan libat urus bersama-sama ibu bapa dan komuniti setempat bagi mendapatkan persetujuan sebelum sebarang proses penggabungan sekolah dilaksanakan. Sehingga kini, KPM tiada cadangan untuk menggabungkan sekolah menengah yang berstatus sekolah kurang murid. Manakala bagi sekolah rendah pula, KPM tidak menetapkan bilangan sebenar sekolah rendah yang perlu digabungkan kerana pertimbangan penggabungan sekolah ditangani secara kes demi kes dan tertakluk kepada kriteria seperti yang berikut:

1. Enrolmen yang sangat rendah dan tidak optimum dari segi pengurusan sekolah;
2. Keadaan fizikal atau persekitaran sekolah yang tidak selamat atau kondusif;
3. Terdapat sekolah yang sama aliran dalam jarak yang boleh diakses;
4. Kesediaan murid dan juga ibu bapa; dan
5. Persetujuan komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.

RJM 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO.9

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tentang Meter Pintar TNB:

- (a) adakah pembeliannya dibuat secara rundingan terus atau tender terbuka; dan
- (b) adakah kos penukarannya ditanggung pelanggan TNB atau oleh TNB.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Perolehan meter pintar oleh TNB dibuat secara tender terbuka kepada pembekal-pembekal tempatan dan penilaian teknikal serta kewangan/komersial dilaksanakan bagi memilih pembekal yang layak.
2. Mengenai kos penukaran meter kepada meter pintar, pengguna terlibat tidak perlu membuat sebarang pembayaran kepada pihak TNB.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI**
ALIAS [JELEBU]
TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 10

Dato' Haji Jalaluddin Bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah pihak Kementerian melihat jumlah kes penceraian di kalangan pasangan muda atau baru berkahwin berada di tahap yang membimbangkan dan apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Penceraian 2018 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, bilangan perkahwinan menurun 4.9 peratus daripada 200,274 orang pada tahun 2016 kepada 190,532 orang pada tahun 2017. Peratusan tertinggi perkahwinan berlaku dalam kumpulan umur 25 hingga 29 tahun bagi kedua-dua jantina. Bilangan perceraian juga menurun kepada 3.2 peratus daripada 51,642 orang pada tahun 2016 kepada 49,965 orang pada tahun 2017. Peratusan tertinggi perceraian berlaku dalam kumpulan umur 30 hingga 34 tahun bagi kedua-dua jantina. Kes perceraian tertinggi bagi orang Islam mengikut negeri adalah di negeri Selangor, diikuti negeri Johor kedua tertinggi dan seterusnya negeri Kedah. Manakala kes perceraian tertinggi bagi orang bukan Islam mengikut negeri adalah di negeri Selangor, diikuti negeri Johor kedua tertinggi dan seterusnya negeri Perak.

Kajian Penduduk dan Keluarga Kelima (KPKM-5) juga mengenal pasti punca utama perceraian atau perpisahan yang berlaku dalam kalangan pasangan muda di seluruh Malaysia. Bagi wanita lebih satu per tiga menyatakan punca utama mereka bercerai adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan suami curang dan suami tidak bertanggungjawab. Bagi lelaki pula, lebih separuh menyatakan punca utama mereka bercerai adalah kerana tiada persefahaman. Ini diikuti dengan campur tangan mertua dan isteri curang.

Di samping itu, statistik permohonan tribunal (2013 hingga 31 Mei 2019) dari Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan tiga kategori masalah utama yang direkodkan ialah masalah kewangan (17,359 kes), gangguan pihak ketiga (6,574 kes) dan bertindak kasar secara fizikal/mental (4,884 kes).

LPPKN telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memantapkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan melalui program seperti berikut;

- a) Program Pra Perkahwinan *SMARTSTART*; dan
- b) Program *SMARTSTART 2nd Honeymoon*.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (Selasa)

SOALAN

TUAN JONATHAN YASIN (RANAU) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan rapi untuk mengelakkan sempadan negara daripada dimasuki secara tidak sah oleh pihak warga negara asing dan nyatakan langkah – langkah yang diambil itu jika ada. Khususnya di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil perhatian yang serius terhadap ancaman kebholan di sempadan DR. 9.7.2019 44 negara, termasuklah di Sabah dan di Sarawak. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa masih terdapat isu kebholan berlaku termasuklah di negeri Sabah. Seperti mana soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Ranau, keadaan ini berlaku khususnya di kawasan Eszon Sabah, disebabkan oleh beberapa faktor seperti tarikan ekonomi, kedudukan yang berdekatan dengan sempadan negara jiran khasnya Indonesia dan Filipina dan peranan pendatang tanpa izin yang berada di kawasan Eszon didapati membawa masuk sanak saudara daripada negara asal untuk bekerja dan menetap di Pantai Timur Sabah.

SOALAN : 11

Untuk mengekang kebanjiran PATI di negeri Sabah, pihak ESSCOM mengambil beberapa pendekatan seperti berikut:

- (i) pasukan keselamatan khususnya di bawah ESSCOM akan mewujudkan satu laluan khas, dengan izin, sea check point atau designated road bagi memantau pergerakan kapal ataupun bot-bot nelayan di kawasan perairan F zon;
- (ii) terus mewujudkan pos-pos road check point, dengan izin, bagi membanteras elemen-elemen pergerakan PATI dan penjenayah yang cuba masuk ke kawasan berkenaan dan menjadikan kawasan ataupun laluan tertentu sebagai transit penyeludupan barang serta kemasukan PATI;
- (iii) meneruskan pemeriksaan individu dengan kerjasama Interpol bagi setiap kemasukan feri dan kapal dagang di laluan pintu-pintu masuk negara;
- (iv) meneruskan serta mendapatkan maklumat-maklumat risikan serta menjalin kerjasama dan bertukar-tukar maklumat dengan pasukan keselamatan daripada negara jiran, khususnya Indonesia dan Filipina; dan
- (v) mengadakan kerjasama antara agensi-agensi penguat kuasa seperti imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, RELA dan PDRM dalam mengesan dan mengenal pasti kawasan penempatan PTI atau suspek-suspek tertentu khususnya yang boleh mengancam keselamatan masyarakat dan negara.

Berdasarkan maklumat-maklumat, pihak keselamatan khususnya ESSCOM, sentiasa meneruskan atur gerak aset-aset bagi mengekang kemasukan elemen luar yang berkepentingan daripada masuk dan melakukan jenayah di perairan negara. DR. 9.7.2019 45 Usaha-usaha yang dilakukan secara berterusan bagi menghalang kemasukan elemenelemen ini telah berjaya menggagalkan beberapa percubaan aktiviti jenayah rentas sempadan dan kemasukan PATI di negeri Sabah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN
BIN MOHAMAD [LIPIS]**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha Kementerian untuk memasarkan durian besar-besaran secara sistematik sekaligus meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran durian bagi menampung permintaan dari China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited untuk memasarkan durian Malaysia secara besar-besaran dan sistematik ke Republik Rakyat China dan lain-lain destinasi eksport yang berpotensi. Usaha ini penting demi memastikan industri durian yang lestari bagi menampung permintaan yang dijangka akan meningkat dan boleh menyumbang kepada ekonomi negara serta pendapatan petani.

Usaha Malaysia untuk menembusi pasaran China bagi buah durian telah dimulakan sejak tahun 2007 lagi. Hasil rundingan di antara Kerajaan kedua-dua buah negara, Malaysia akhirnya telah berjaya mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes bermula pada Mei 2011.

Bagi pengeksportan buah durian sejuk beku dalam bentuk biji pula, Kementerian telah memulakan rundingan ini sejak bulan November

SOALAN NO : 12

2017 lagi. Susulan itu, pegawai-pegawai Kementerian telah meneruskan rundingan untuk memuktamadkan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ketat termasuk lawatan pemeriksaan oleh pegawai daripada *The General Administration of Customs of People's Republic of China* (GACC) di premis dan ladang durian terpilih pada 22 hingga 26 April 2019 yang lalu. Hasilnya, pada 13 Jun 2019 yang lalu, pihak GACC telah memberi kebenaran kepada kumpulan pertama yang terdiri daripada lima (5) syarikat dari Malaysia, untuk mula mengeksport durian sejuk beku bentuk biji ke China.

Selain daripada membuka laluan pasaran, Kementerian juga turut mengadakan program promosi secara berterusan yang diselaraskan oleh Kementerian dengan kerjasama oleh Kedutaan Besar Malaysia dan Konsulat General Malaysia di Republik Rakyat China berserta wakil pengeksport dan ejen pemasar. Program promosi yang dijalankan termasuklah menyertai ekspo perdagangan antarabangsa, menganjurkan program promosi *in-store* di pasaraya-pasaraya terpilih serta bekerjasama dengan pengendali laman e-perdagangan untuk mengadakan program promosi dalam talian.

Sebagai contoh, Kementerian pernah menganjurkan *Malaysian Durian Festival 2017* di Nanning, China pada 3 hingga 5 November 2017. Program yang mendapat kerjasama daripada *The People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region*, iaitu Kerajaan Tempatan di Wilayah Guangxi, bertujuan mempromosikan buah-buahan tempatan Malaysia terutama sekali buah durian di China, dan melibatkan penyertaan beberapa syarikat daripada kategori pengeluar hasilan durian sejuk beku dan juga produk hiliran yang berasaskan durian yang berpotensi dan berminat untuk meneroka pasaran durian di China. Hasil daripada program tersebut, rakyat China makin mengenali durian Malaysia dan kini menjadi permintaan yang besar di negara tersebut.

Selain daripada penyertaan dalam ekspo perdagangan dan program promosi, Kementerian turut bekerjasama dengan *Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia* (MOTAC) untuk menggalakkan pengusaha ladang durian menawarkan pakej agropelancongan berasaskan durian iaitu **Duriotourism** sempena

SOALAN NO : 12

program *Tahun Melawat Malaysia 2020*. Melalui aktiviti ini, para pelancong boleh mendapatkan pengalaman di dusun-dusun durian melalui program Duriotourism yang akan dilancarkan kelak, selain daripada menikmati durian premium Malaysia di negara masing-masing.

Bagi memastikan kelestarian pengeluaran durian bagi menampung keperluan domestik dan juga eksport, Kementerian melalui Jabatan Pertanian (DOA) juga telah merangka pelbagai program bagi menyokong pembangunan industri durian daripada berskala kecil hinggalah berskala besar. Antara usaha yang dilaksanakan adalah *Program Pembangunan Kluster Durian*, *Program Sumber Kekayaan Baharu Tanaman Durian* dan *Program Tanaman Semula Buah-Buahan Terpilih*.

Sebanyak **RM27 juta peruntukan** telah disediakan oleh DOA sebagai insentif bermula tahun 2016 sehingga tahun 2020. Sehingga tahun 2019, seramai **3,200 orang petani** telah menerima insentif melibatkan keluasan tanah **5,000 hektar** dengan pengeluaran sebanyak **30,000 tan metrik**. Program yang dilaksanakan adalah meliputi transformasi ladang dan pengeluaran benih durian premium.

Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan Kerajaan menerusi usaha-usaha ini, peningkatan bekalan produk premium ini akan secara tidak langsung membolehkan eksport ke pasaran antarabangsa khususnya China meningkat. Pembukaan pasaran China dengan penduduk seramai kira-kira 1.4 billion diharapkan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dan sekali gus meningkatkan eksport negara dalam sektor agromakanan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 9.7.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 13

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan penjelasan terhadap perkembangan dasar baharu yang akan dihasilkan oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara untuk menangani masalah kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN:

Yang Di-Pertua,

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) ditubuhkan bertujuan sebagai **badan utama** bagi **menangani isu – isu dan cabaran berhubung kenaikan kos sara hidup** yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Melalui NACCOL, pelbagai strategi telah dirangka bagi mengawal kenaikan harga barang. **Strategi** tersebut boleh dibahagikan kepada **tiga (3) peringkat** iaitu **strategi jangka pendek, jangka sederhana** dan **jangka panjang**.

Strategi **jangka pendek** bagi mengawal kenaikan harga barang ialah **menambah senarai barang keperluan asas sebagai barang kawalan**. Di mana Kerajaan telah bersetuju menjadikan lima (5) barang keperluan asas sebagai barang kawalan. Barangan tersebut ialah **ayam standard, ikan kembung (segar beku) jenama Q-Fish, kobis bulat import, telur ayam gred C dan kelapa biji**.

Strategi **jangka sederhana** pula ialah untuk menjadikan **e-dagang sebagai pemangkin bagi memacu pertumbuhan ekonomi** di Malaysia di mana **pelaksanaan e-dagang di Malaysia mampu mengurangkan peranan orang tengah dan kos jualan barangan pengguna**.

Strategi **jangka panjang** ialah memansuhkan monopoli dan kartel bagi industri tertentu. Jika adanya bukti yang kukuh yang menunjukkan wujudnya amalan monopoli dan kartel, maka tindakan akan diambil di bawah Akta Persaingan 2011.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah jaminan pihak Kementerian bagi memastikan para pelajar di sekolah mendapat akses kepada bantuan pengurusan emosi dan mental bagi membantu masalah kebimbangan melampau (Anxiety Disorders) di kalangan pelajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar akan kepentingan mengenal pasti tahap tahap stres, kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan murid. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah mengeluarkan Garis Panduan Pelaksanaan Program Minda Sihat Menangani Tekanan Emosi (Stres) Dalam Kalangan Murid Di Sekolah. Melalui Program Minda Sihat yang dilaksanakan di sekolah, 20 peratus daripada murid bagi setiap aliran (tingkatan) akan menduduki Ujian Saringan DASS (*Depression Anxiety Stress Scales*).

Pengesanan awal juga dilakukan melalui Program Minda Sihat. Program ini adalah pengesanan awal kesihatan murid berkaitan tahap *anxiety*, kemurungan dan stres. Murid juga diberikan Soal Selidik Kemahiran Gaya Daya Tindak (*Coping Skill*) untuk intervensi bagi memperkasa murid menangani stress dan cabaran kehidupan sehari-hari dengan berkesan melalui kemahiran daya tindak (*coping skills*).

NO. SOALAN : 14

KPM juga bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membantu murid yang menghadapi isu kesihatan mental kebimbangan melampau. Sekiranya murid menunjukkan tanda-tanda kemurungan yang teruk atau mengalami tanda-tanda awal penyakit mental atau dikesan melalui saringan awal, maka guru Bimbingan dan Kaunseling akan mencadangkan kepada pentadbir sekolah dan penjaga untuk merujuk murid berkenaan kepada Pakar Psikiatri di hospital atau Klinik Kesihatan KKM.

Selain itu, Pendekatan Kaunseling Krisis turut dilaksanakan sekiranya murid yang dikenal pasti mengalami kebimbangan melampau disebabkan oleh insiden luar jangkaan panik ketika menghadapi peperiksaan.

Guru-guru bimbingan dan kaunseling juga diberi latihan bagi meningkatkan kemahiran psikologi dan kaunseling dalam mengendalikan murid yang mengalami masalah emosi, tingkah laku dan permasalahan mental.

Sekian, terima kasih.

RJM 69

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI B. GHAZALI
(BAGAN SERAI)**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 15

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian berminat untuk menambahkan peruntukan kepada Persatuan Pencinta Alam (MNS) untuk mereka menjalankan aktiviti–aktiviti pendidikan, konservasi dan penerbitan jurnal pencinta alam (MNJ) dengan terlebih baik lagi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) tidak menyediakan peruntukan khusus kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (*Non Government Organisation – NGO*) untuk melaksanakan aktiviti berkaitan konservasi.
2. Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa menjalin kerjasama strategik dengan NGO dalam memperkukuhkan program kesedaran alam sekitar bagi memberi impak yang berkesan kepada masyarakat.
3. Di samping itu, kesedaran alam sekitar merupakan tanggungjawab semua rakyat dan ahli-ahli Dewan juga digalakkan menyokong aktiviti-aktiviti sebegini juga. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI ROHANI BT. ABDUL KARIM
[Batang Lupar]**

TARIKH : 09 JULAI 2019

SOALAN NO.

Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat dasar baharu yang membenarkan pasangan warganegara asing kepada rakyat Malaysia untuk mendapatkan taraf penduduk tetap atas kepakaran dari segi intelektual dan kemahiran yang mereka miliki seperti saintis, kaunselor terlatih dan sebagainya supaya mereka dapat berkhidmat di negara ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) kepada pemegang Permit Masuk. Justeru, mana-mana warga asing yang berhasrat untuk mendapatkan taraf Pemastautin Tetap perlulah mengemukakan permohonan Permit Masuk di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) terlebih dahulu sebelum merujuk ke JPN untuk pengeluaran MyPR.

Dalam hal ini, pengeluaran Permit Masuk kepada setiap warga asing dipertimbangkan dengan teliti terutamanya daripada segi latar belakang yang merangkumi umur, kelayakan akademik, kemahiran Bahasa Malaysia, tempoh menetap di Malaysia, nilai pelaburan dan pekerjaan / pengalaman serta aspek keselamatan demi kesejahteraan warganegara Malaysia.

Bagi pasangan kepada warganegara Malaysia, mereka layak dipertimbangkan pemberian Permit Masuk kerana termasuk dalam kategori orang yang dikecualikan daripada larangan kemasukan di bawah Perintah Imigresen (Larangan Masuk) 1963. Walau bagaimanapun, permohonan Permit Masuk golongan tersebut masih tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan JIM iaitu:

1. Pemohon perlu mempunyai Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang Pasangan kepada warganegara untuk tempoh melebihi lima (5) tahun;
2. Pemohon perlu mendaftar perkahwinan di Malaysia;
3. Pemohon perlu melepasi tapisan keselamatan (halus) daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan bebas daripada Senarai Syak / Senarai Hitam Jabatan Imigresen Malaysia; dan

SOALAN: 16

4. Pemohon perlu melalui sesi temuduga dan naziran bagi memastikan perkahwinan benar-benar wujud dan teratur.

Bagi permohonan dalam kategori profesional atau pakar yang bukan pasangan kepada warganegara pula, mereka layak memohon Permit Masuk berdasarkan kriteria dan syarat yang ditetapkan seperti berikut:

1. Memiliki kepakaran dalam bidang kritikal di negara ini yang mencapai taraf '*world class*' dan diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa. Kepakaran pemohon juga hendaklah ditentukan dan diperakukan oleh Agensi Kawal Selia yang berkaitan di Malaysia berdasarkan bidang kepakaran masing-masing;
2. Memiliki kemahiran dalam bidang kritikal di negara ini yang telah diperakukan oleh Agensi Kawal Selia yang berkaitan di Malaysia;
3. Mengemukakan Surat Perakuan Kelakuan Baik (*Letter of Good Conduct*) dari negara asal pemohon sebagai jaminan pemohon bersih daripada sebarang rekod jenayah di negara asal;
4. Pemohon telah bekerja dalam mana-mana agensi Kerajaan atau swasta di negara ini bagi tempoh 3 tahun dan ke atas. Jawatan yang disandang perlu disahkan oleh Agensi Kawal Selia yang berkaitan;
5. Semua permohonan hendaklah melalui proses tapisan keselamatan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM); dan
6. Pemohon perlu mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan seperti salinan passport, curriculum vitae dan salinan sijil-sijil kelayakan serta pengiktirafan yang disahkan oleh Kedutaan atau Perwakilan negara asal pemohon di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN
[BANDAR KUCHING]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 17

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan dan rancangan Kementerian untuk mengkaji semula silibus Sejarah untuk memberikan lebih pengiktirafan kepada sejarah Sabah dan Sarawak dalam pembentukan Malaysia untuk mengeratkan lebih hubungan antara semua wilayah di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan kajian semula kurikulum mata pelajaran Sejarah melalui Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah pada tahun 2011 dan laporan telah dibentangkan pada 2012 kepada YAB Menteri Pendidikan pada ketika itu.

Dalam laporan tersebut, Jawatankuasa Khas ini telah mengemukakan cadangan untuk menambah kandungan Sejarah Sabah dan Sarawak adalah wajar dan pembelajarannya tidak seharusnya dipisahkan dengan sejarah negeri lain di Malaysia.

Berdasarkan laporan tersebut, kandungan kurikulum Sejarah Sabah dan Sarawak telah diperkemas dalam aspek sejarah awal, budaya, etnik, pendidikan dan juga menonjolkan peranan tokoh-tokoh tempatan

NO. SOALAN : 17

termasuk peranan Sabah dan Sarawak dalam Pembentukan Malaysia yang mesti dipelajari oleh murid di peringkat sekolah rendah dan menengah. Kandungan kurikulum Sejarah Sabah dan Sarawak disepadukan dengan kandungan sejarah negeri-negeri lain di Malaysia agar dapat mewujudkan perasaan perkongsian sejarah dalam kalangan murid ke arah perpaduan, memupuk integrasi nasional dan rasa bangga terhadap warisan serta memahami proses sejarah berdasarkan perspektif menyeluruh.

Sekian, terima kasih.

RJM 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HJ. AHMAD NAZLAN B. IDRIS
(JERANTUT)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kementerian memantau serta membuat kajian terhadap kebajikan serta kesihatan banduan di penjara seluruh negara khususnya berkaitan rawatan kepada banduan di dalam wad penjara serta adakah ubat-ubatan dan makanan yang disediakan kepada banduan mengikut piawaian antarabangsa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aspek kebajikan dan penjagaan kesihatan penghuni penjara menjadi keutamaan dan sentiasa diambil berat sepanjang tempoh penghuni menjalani hukuman dan penahanan. Segala hak dan pertimbangan sewajarnya yang boleh diberikan kepada banduan daripada segi kebajikan (termasuklah kebajikan keluarga) serta kesihatan tidak akan diabaikan. Malah Jabatan Penjara Malaysia mempunyai sumber manusia, peralatan, peraturan serta prosedur operasi standard bagi menguruskan kedua-dua aspek ini. Di samping itu, usaha berterusan dibuat dengan kerjasama agensi yang berkaitan bagi meningkatkan lagi kedua-dua perkhidmatan tersebut.

Berhubung aspek kesihatan, rawatan untuk seseorang banduan yang memerlukannya boleh dilaksanakan di klinik penjara dan berasaskan pengesyoran pegawai perubatan ia boleh dilaksanakan di hospital kerajaan di luar penjara termasuklah hospital pakar. Setiap klinik di penjara juga perlu menyediakan perkhidmatan yang sistematik untuk banduan bermula daripada pemeriksaan semasa kemasukan, ujian-ujian penyakit, rawatan harian, rawatan lanjutan, pemeriksaan sebelum pemindahan atau pengiringan luar termasuklah pemeriksaan sebelum menyertai latihan.

Dalam aspek pemakanan pula, makanan yang disediakan adalah selaras dengan pematuhan skala diet sepertimana yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Makanan tersebut juga akan diperiksa sebelum ia dibekalkan kepada banduan. Tujuannya adalah untuk mewujudkan persekitaran yang selamat daripada risiko kesihatan sama ada secara fizikal atau mental. Ini merangkumi langkah-langkah rawatan dan pencegahan supaya sebarang komplikasi yang menjurus kepada kehilangan nyawa, kecederaan dan kecacatan kekal, dapat dielakkan daripada berlaku.

Antara langkah-langkah lain yang diambil untuk meningkatkan kemudahan kesihatan di penjara ialah;

- i. Meningkatkan perkhidmatan klinik dan kemudahan kesihatan di penjara. Sejumlah 234 perjawatan perubatan yang terdiri daripada pegawai perubatan, pegawai perubatan (pergigian), penolong pegawai perubatan, penolong pegawai farmasi, dan 60 pegawai psikologi telah diluluskan untuk Jabatan Penjara Malaysia;
- ii. Mewajibkan pemeriksaan kesihatan semasa banduan masuk ke penjara dan dari masa ke semasa apabila wujud keperluan;

SOALAN : 18

- iii. Mengadakan ujian BDI (*Beck Depression Inventory*) semasa kemasukan banduan bagi tujuan mencegah tindakan mencederakan diri atau membunuh diri;
- iv. Menyediakan Perintah Tetap Ketua Pengarah Penjara bagi mempercepatkan tindakan penghantaran banduan yang sakit untuk menerima rawatan di klinik penjara mahupun hospital di luar penjara;
- v. Menyediakan kemudahan 24 jam yang melibatkan kenderaan dan kakitangan, bagi tujuan melaksanakan pengiringan segera banduan yang sakit ke hospital luar untuk rawatan lanjut;
- vi. Menyediakan kemudahan *sick bay* di klinik penjara untuk menempatkan banduan yang tidak sihat bagi tujuan rawatan lanjut dan pemerhatian;
- vii. Penempatan berasingan untuk banduan yang mempunyai penyakit berjangkit;
- viii. Bekerjasama dengan pihak luar seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi tujuan mempertingkatkan kemudahan kesihatan di penjara melalui kajian berterusan; dan
- ix. Penambahbaikan fizikal sel dan dormitori penempatan penghuni bagi menyenangkan kawalan dan pemantauan oleh kakitangan bertugas.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia sentiasa bekerjasama dalam memastikan kebajikan serta kesihatan banduan diberi keutamaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. statistik-statistik terbahagi yang jelas untuk tahap pelaksanaan lima inisiatif dan sembilan intervensi bagi mengurangkan beban tugas guru yang telah dilaksanakan sejak Januari 2019; dan
- b. peratus keseluruhan pengurangan beban tugas guru yang sudah dicapai selama lima bulan pelaksanaan inisiatif dan intervensi.

JAWAPAN

(a) dan (b)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap isu beban tugas guru dan antaranya adalah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru. Jawatankuasa ini telah membahagikan strategi menangani beban tugas guru kepada tiga peringkat iaitu strategi jangka pendek (Fasa 1), jangka sederhana (Fasa 2) dan jangka panjang (Fasa 3). Strategi jangka pendek telah diumumkan oleh YB Menteri Pendidikan semasa Majlis Amanat Tahun Baharu tahun 2019 dan merangkumi lima (5) inisiatif seperti berikut:

1. Memudahkan pengurusan fail dan dokumentasi Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT), Fail Panitia dan Pelaporan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);

2. Pengurusan data dan sistem *online* iaitu pengumpulan data sekolah, guru dan murid dari sumber sedia ada dari KPM dan penggunaan Sistem Kehadiran Murid (APDM) yang mesra pengguna menggantikan jadual kedatangan murid. Bagi sekolah yang tiada capaian internet, kehadiran murid direkodkan secara manual;
3. Pemansuhan Peperiksaan Tahap 1 serta pihak sekolah boleh merangka sendiri pelaksanaan LINUS yang bersesuaian dengan keperluan murid;
4. Penyeragaman pelbagai borang bagi pemantauan kantin dan kontraktor kebersihan dan keselamatan sekolah serta tiada lagi aktiviti berunsurkan pertandingan yang diselaraskan di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) atau Pejabat Pendidikan Daerah (PPD); dan
5. Penyelarasan penubuhan jawatankuasa di peringkat sekolah.

Memandangkan lima (5) inisiatif ini baharu sahaja diumumkan pada Januari 2019, impak pelaksanaannya masih di peringkat awal. Pihak sekolah perlu jelas dan faham dengan tindakan yang perlu diambil. Satu kajian keberkesanan perlu dijalankan selepas satu tempoh masa pelaksanaannya bagi menilai impak dan cabaran pelaksanaan lima inisiatif yang telah diumumkan.

Walau bagaimanapun, lanjutan daripada pengedaran Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) dan surat pemakluman berkaitan inisiatif pengurangan beban tugas guru yang diumumkan pada awal Januari 2019, Kementerian telah menjalankan tinjauan awal kepada para guru berkaitan bebanan tugas guru pada 22 hingga 24 Februari 2019 yang berfokuskan penerimaan, kefahaman dan kebolehlaksanaan. Tinjauan awal tersebut mendapati 60.65 peratus responden mendapat maklumat berkenaan SPI dan surat pemakluman yang diedarkan melalui pelbagai sumber. Daripada 60.65 peratus guru yang mendapat maklumat tersebut, 93.34 peratus daripada mereka faham dan sangat faham isi kandungan SPI dan surat pemakluman yang diterima.

Sekian, terima kasih. RJM 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID
[KEMAMAN]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO.20

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani aduan rakyat berkenaan isu kenaikan tarif elektrik oleh TNB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kejadian bil elektrik tinggi yang dialami oleh sebilangan pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh 15 hingga 20 Mei 2019 adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) TNB dan bukannya disebabkan oleh kenaikan tarif elektrik. Dalam tempoh tersebut, TNB tidak dapat mengeluarkan bil elektrik dan menyebabkan tempoh pengebilan pengguna adalah lebih panjang daripada biasa. Perkara ini memberi kesan kepada jumlah bil elektrik pengguna bagi bulan tersebut yang menjadi lebih tinggi berbanding jumlah bil elektrik dengan tempoh pengebilan biasa dengan corak penggunaan elektrik yang sama. Selain itu, terdapat juga kenaikan bil yang disebabkan oleh kesilapan bacaan meter yang dibuat secara manual semasa tempoh gangguan sistem tersebut. Walau

bagaimanapun, kesilapan ini telah diselaraskan oleh pihak TNB dan pengguna telah menerima bil dengan bacaan sebenar dan lebih bayaran telah dikreditkan semula ke dalam bil.

2. Kerajaan melalui pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengambil tindakan untuk menangani aduan rakyat dengan mengeluarkan notis segera kepada TNB pada 29 Mei 2019 supaya memberi perhatian serius dan mengambil tindakan penyelesaian segera berkaitan aduan bil elektrik yang tinggi serta melaporkannya kepada ST. Aduan rakyat sentiasa boleh diajukan kepada pihak ST melalui laman web aduan.st.gov.my.

3. Setakat 3 Julai 2019, sebanyak 98 peratus daripada 18,965 pertanyaan dan aduan kepada TNB telah diberi maklum balas, disiasat dan diselesaikan oleh TNB. Sehingga 3 Julai 2019 juga seramai 1,800 pengguna terlibat telah menerima bayaran balik lebih caj bil elektrik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan peminjam PTPTN terkini mengikut kaum dan jumlah pinjaman yang dibelanjakan PTPTN sehingga kini serta nyatakan langkah Kementerian bagi mengutip semula pinjaman PTPTN ini secara berkesan dan tindakan kepada peminjam PTPTN yang gagal membuat bayaran pinjaman mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2019, PTPTN telah meluluskan pinjaman kepada seramai 3,044,543 orang peminjam yang terdiri daripada 2,218,948 orang peminjam Bumiputera dan 825,595 orang peminjam bukan Bumiputera. Jumlah pinjaman yang telah diagihkan (pengeluaran) adalah berjumlah RM56.4 bilion.

Pada masa kini, PTPTN masih melaksanakan dasar-dasar kutipan bayaran balik sedia ada kecuali tindakan senarai hitam Jabatan Imigresen Malaysia yang telah dimansuhkan pelaksanaan mulai 8 Jun 2018.

Di samping itu, satu Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) telah disediakan dan disiarkan di laman sesawang PTPTN mulai 16 Mei sehingga 13 Jun 2019 bertujuan untuk mendapatkan input serta cadangan yang menyeluruh daripada segenap lapisan rakyat bagi membantu kerajaan membuat keputusan mengenai dasar serta hala tuju terbaik untuk PTPTN. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MOHD SHAHAR ABDULLAH
(PAYA BESAR)**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah perkembangan terkini proses meratifikasi *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) serta apakah jaminan Kerajaan terhadap keseimbangan dan kesejahteraan ekonomi rakyat hasil meratifikasi perjanjian ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian CPTPP telah ditandatangani oleh 11 negara anggota termasuk Malaysia, pada 8 Mac 2018, dan perjanjian ini telah mula berkuatkuasa, *entered into force* (dengan izin) pada 30 Disember 2018 bagi 6 negara, iaitu Australia, Kanada, Jepun, Mexico, New Zealand dan Singapura. Manakala bagi Viet Nam pula, mulai 14 Januari 2019.

2. Bagi Malaysia dan 3 negara lain yang belum meratifikasikan CPTPP, perjanjian ini hanya akan berkuatkuasa 60 hari setelah negara-negara ini melengkapkan proses domestik dan mengemukakan instrumen ratifikasi kepada New Zealand (yang bertanggungjawab sebagai *depository*).

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan masih belum memutuskan sama ada Malaysia akan meratifikasi perjanjian CPTPP atau tidak. CPTPP adalah suatu perjanjian yang kompleks dan komprehensif di mana komitmen yang dipersetujui di bawah CPTPP mempuyai impak yang besar kepada sebahagian undang-undang, dasar, peraturan dan amalan semasa Kerajaan, termasuk yang melibatkan bidang kuasa Kerajaan-kerajaan negeri. Justeru, Kerajaan memerlukan lebih masa untuk menilai perjanjian ini.

4. Sebagai sebuah negara perdagangan, Kerajaan menyedari bahawa penyertaan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian perdagangan antarabangsa adalah amat penting untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih baik bagi produk-produk tempatan serta menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelaburan pilihan kepada rakan-rakan dagang.

5. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan agar setiap FTA yang disertai oleh Malaysia adalah bebas dan adil, serta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara demi memastikan manfaat ekonomi negara dapat diagihkan kepada golongan sasaran dalam mencapai dan menjamin kesejahteraan sosio ekonomi negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]**

TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 23

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha terkini Kementerian menaik taraf infrastruktur internet dan telekomunikasi di negeri Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di ibu negeri dan bandar-bandar utama di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak melalui projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB). Sehingga kini, sebanyak lebih 269 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 23 ibusawat di Sabah dan Sarawak.

2. Selain daripada itu, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) dan projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan kemudahan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar dan luar bandar di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Lebih dari 70 ribu sambungan telah tersedia melibatkan penaiktarafan 103 ibusawat di Sabah dan Sarawak, manakala sebanyak 16 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019 di bawah projek SUBB dan RBB.

3. Pihak Kerajaan juga turut melaksanakan inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak. Sehingga kini sebanyak 773 menara komunikasi baharu telah siap dibina manakala 88 menara masih dalam peringkat pelaksanaan di Sabah dan Sarawak. Selain itu, sebanyak 2,367 menara komunikasi sedia ada telah dinaiktaraf kepada perkhidmatan 3G/4G manakala 57 menara komunikasi sedia ada masih dalam peringkat penaiktarafan di Sabah dan Sarawak.

4. Selain itu, pihak Kerajaan turut melaksanakan projek Sistem Kabel Dasar Laut yang menghubungkan Semenanjung ke Sabah dan Sarawak yang bertujuan untuk meningkatkan kelajuan internet terutamanya di Sabah dan Sarawak dengan pemasangan rangkaian kabel gentian optik dasar laut berkapasiti 4 Terabit sesaat (Tbps) dengan jumlah jarak keseluruhan melebihi 3,800 kilometer.

5. Pihak Kerajaan juga telah merangka Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) bagi menambahbaik dan meningkatkan liputan jalur lebar seluruh negara bagi tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023). Antara sasaran yang telah ditetapkan di bawah NFCP adalah 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peratuskah jumlah keciciran di dalam persekolahan di kalangan anak-anak masyarakat Orang Asli khususnya melibatkan sekolah rendah, menengah serta Institusi Pengajian Tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memperluaskan akses pendidikan kepada semua golongan masyarakat termasuk masyarakat Orang Asli. Sejak tahun 2012, usaha untuk meningkatkan akses, kualiti dan ekuiti terhadap pendidikan anak-anak Orang Asli telah dipergiatkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) sehingga 31 Mei 2019 didapati maklumat keberadaan murid orang asli di sekolah rendah dan sekolah menengah adalah sebanyak 32278 pada tahun 2019 berbanding 34481 pada tahun 2018. Oleh itu sebanyak 725 murid didapati tiada dalam pendaftaran pada tahun 2019. Antara sebab yang mungkin menyumbang kepada penurunan bilangan pendaftaran murid orang asli di sekolah antaranya kurang berminat untuk meneruskan persekolahan sebaliknya lebih berminat untuk bekerja, berkahwin pada usia muda dan tidak meneruskan pendidikan ke sekolah menengah.

NO. SOALAN : 24

Di peringkat pengajian tinggi pula, berdasarkan statistik tahun 2018, seramai 8.8 peratus atau 51 orang daripada 577 pelajar orang asli direkodkan dengan status berhenti atau diberhentikan daripada universiti awam.

Walau bagaimanapun KPM sentiasa berusaha untuk memberi peluang pendidikan yang sama rata kepada murid-murid orang asli melalui pelbagai program yang dijalankan serta menyediakan kemudahan akses yang sempurna bagi memastikan kelangsungan hidup mereka serta meningkatkan taraf hidup pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

RJM 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

TARIKH : 09 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak memberikan kewarganegaraan secara kuatkuasa undang-undang di bawah Perenggan 1(e) Bahagian II Jadual Kedua Perkara 14(1)(a) Perlembagaan Persekutuan kepada seorang anak kelahiran dalam Persekutuan kepada seorang ibu warga asing dengan seorang bapa warga Malaysia setelah disahkan anak tersebut tidak menjadi warganegara kepada mana-mana negara lain semasa kelahirannya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran. Hal ini adalah kerana peruntukan di bawah Seksyen 1(e) Bahagian II Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat perlu dibaca bersama dengan peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan seperti pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen, keberadaan yang sah, dan lain-lain.

Dalam hal ini, Seksyen 17 Bahagian III Jadual Kedua Perlembagaan Persekutuan telah menetapkan bahawa individu yang dilahirkan di luar perkahwinan yang berdaftar dengan perundangan di Malaysia (anak tidak sah taraf) akan mengikut kewarganegaraan ibunya. Sehubungan dengan itu, anak tidak sah taraf hasil daripada perhubungan wanita warga asing dengan lelaki warganegara Malaysia akan direkodkan sebagai Bukan Warganegara. Adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa atau penjaga untuk menguruskan isu kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal ibunya. Kegagalan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut akan menyebabkan ketiadaan dokumen pengenalan diri dari negara asal yang akhirnya mengakibatkan keberadaan tidak sah di Malaysia. Seterusnya, mereka juga disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

Sekiranya ibu bapa atau penjaga berhasrat untuk memohon kewarganegaraan Malaysia bagi anak tidak sah taraf mereka, pemohonan boleh dikemukakan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan sebelum anak tersebut berumur 21 tahun. Pertimbangan adalah tertakluk kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan seperti pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen, keberadaan yang sah, dan lain-lain.

Bagi memastikan tiada isu berbangkit pada masa hadapan serta membentuk masyarakat yang bermoral dan patuh kepada perundangan yang berkuat kuasa, Ahli Yang Berhormat diseru untuk menyebarkan pengetahuan berkaitan dengan kepentingan mendaftarkan perkahwinan serta mendaftarkan anak bertaraf Bukan Warganegara di kedutaan negara asal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kriteria cara pemilihan syarikat-syarikat yang layak untuk diaudit oleh *General Administration of Customs of the People's Republic of China* (GACC) bagi memasarkan durian Malaysia ke China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kriteria pemilihan sesebuah syarikat untuk tujuan pengeksportan durian Malaysia ke China adalah berdasarkan kepada pematuhan syarikat-syarikat tersebut kepada prosedur dan keperluan yang dinyatakan dalam protokol pengeksportan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua buah negara pada 20 Ogos 2018 yang lalu. Selain itu, syarikat-syarikat yang berminat juga perlu menjalani pemeriksaan audit dan seterusnya diberi kebenaran oleh pihak The General Administration of Customs of The People's Republic of China (GACC) untuk mengeksport durian ke China.

Antaranya kriteria pemilihan yang perlu dipatuhi adalah:

1. pengusaha ladang dan fasiliti pemprosesan durian hendaklah berdaftar dengan Jabatan Pertanian (DOA), selaku *competent authority*;

SOALAN NO : 26

2. fasiliti pemprosesan durian perlu diakreditasi dengan Amalan Pengilangan Baik (*Good Manufacturing Practice – GMP*) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (MOH) dan memperoleh buah dari ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (*Good Agriculture Practice – GAP*) yang diiktiraf oleh DOA;
3. fasiliti pemprosesan durian perlu mempunyai kapasiti untuk menjalankan rawatan sejuk beku durian. Bagi durian dalam bentuk biji, suhu perlu ditetapkan di antara -80°C hingga -110°C selama satu (1) jam. Manakala bagi durian dalam bentuk ulas dan pes perlu melalui rawatan sejuk beku pada suhu di antara -30°C selama 30 minit;
4. buah yang telah dirawat mestilah memenuhi keperluan fitosanitasi yang ditetapkan oleh GACC dan bebas dari perosak dan penyakit kuarantin yang dinyatakan di dalam protokol pengeksportan;
5. ladang perlulah mengamalkan Kawalan Perosak Bersepadu (*Integrated Pest Management – IPM*) dan memasang jaring di bawah pokok bagi mengelakkan buah terkena tanah yang menyebabkan punca kontaminasi daripada tanah. Pemasangan jaring juga dapat mengelakkan buah lebam semasa proses penuaian dan rawatan selepas tuai;
6. ladang perlu menggunakan bahan kimia dan racun perosak/pestisid yang menepati piawaian dan peraturan keselamatan negara China serta menyediakan laporan analisis sekiranya diperlukan; dan
7. menggunakan label yang diluluskan oleh GACC pada pembungkusan.

Usaha Malaysia untuk menembusi pasaran China bagi buah durian telah dimulakan sejak tahun 2007 lagi. Hasil rundingan di antara Kerajaan kedua-dua buah negara, Malaysia akhirnya telah berjaya mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes bermula pada Mei 2011. Sehingga kini, sebanyak 31 syarikat dari

SOALAN NO : 26

Malaysia telah dibenarkan untuk mengeksport durian dalam bentuk ulas dan pes ke China.

Bagi pengeksportan durian sejuk beku dalam bentuk biji pula, Malaysia telah diberi kebenaran mengeksport oleh pihak China mulai 13 Jun 2019. Ini adalah susulan kejayaan lawatan pemeriksaan oleh GACC di premis dan ladang durian terpilih yang telah diadakan pada 22 hingga 26 April 2019 yang lalu. Bagi fasa pertama ini, sebanyak lima (5) syarikat telah diberi kebenaran untuk mengeksport durian sejuk beku bentuk biji dari Malaysia ke China. Kementerian bercadang untuk mengemukakan senarai baharu syarikat-syarikat yang telah memenuhi prosedur dan keperluan protokol pengeksportan untuk pertimbangan pihak GACC dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 27

TUAN PRABAKARAN A/L M PARAMESWARAN [BATU] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengapakah Kementerian tidak mensyaratkan kepada Syarikat Maxis untuk menyediakan infra sendiri malahan diberi ruang untuk menyewa infra TM Unifi dalam kadar yang terlalu rendah berbanding harga yang ditawarkan kepada pengguna. Adakah adil untuk TM Unifi menanggung kos pembinaan infra tersebut dan kadar sewaananya tidak mampu menampung kos pembinaan dalam suatu masa yang berpatutan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sentiasa berusaha menambah dan meluaskan jaringan telekomunikasi. Pelaksanaan rangkaian jalur lebar berasaskan fiber seluruh negara seperti projek jalur lebar berkelajuan tinggi (HSBB) dan projek jalur lebar pinggir bandar (SUBB) merupakan inisiatif kerajaan bagi memastikan perkhidmatan jalur lebar dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia. Untuk makluman projek –projek ini dilaksanakan secara PPP (Private Partnership Project) dimana kos pelaksanaan adalah ditanggung secara bersama pihak Telekom Malaysia Berhad (TM) dan Kerajaan Malaysia. Di dalam perjanjian yang telah dimeterai tersebut, TM dikehendaki memberi akses untuk rangkaian HSBB kepada pengendali perkhidmatan yang lain atas terma dan syarat yang telah ditetapkan.

2. Kerajaan tidak mensyaratkan syarikat MAXIS atau mana-mana syarikat telekomunikasi lain bagi menyediakan infrastruktur sendiri memandangkan ianya memerlukan kos pembiayaan yang sangat tinggi disamping memerlukan tempoh pelaksanaan yang panjang. Walau bagaimanapun pihak syarikat telekomunikasi boleh menyediakan infrastruktur sendiri mengikut keperluan, permintaan disamping menggunakan peruntukan Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) di bawah kendalian SKMM bagi tujuan infrastruktur luar bandar.

3. Mengenai harga sewaan infra TM, ianya adalah tertakluk kepada *“Mandatory Standard On Access Pricing” Direction No. 1 of 2005 by section 55,56,104 (2) & 106 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998* yang mana melibatkan keseluruhan syarikat telekomunikasi dan tidak hanya melibatkan TM dan Maxis sahaja.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah penambahbaikan terbaharu dalam mengukuhkan peranan Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) khasnya dari aspek pemilihan Naib-naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor di Universiti Awam (UA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telahpun melaksanakan Program Penilaian Bakat Kepimpinan Pengurusan Tertinggi yang dikendalikan oleh pihak Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT). Ini merupakan usaha KPM dalam mengenal pasti bakat-bakat yang berpotensi untuk menerajui Universiti Awam. Laporan *profiling* calon-calon yang telah disaring di peringkat universiti dan KPM digunapakai sebagai instrumen dan panduan bagi Jawatankuasa Pemilihan Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor semasa sesi temu bual.

AKEPT menjalankan program pengurusan dan pembangunan bakat bagi staf akademik universiti terpilih secara tersusun berdasarkan tema *Competency-based Framework* kepimpinan universiti. Kesemua Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor universiti awam (UA) yang dilantik telah mendapat manfaat dengan melalui program latihan di

NO. SOALAN : 28

AKEPT secara berterusan. Untuk mengenalpasti calon-calon bagi lantikan jawatan-jawatan utama universiti bagi masa akan datang pula, AKEPT menggunakan kaedah profiling bagi calon-calon yang dikenalpasti dari seluruh negara.

Sehingga ini, AKEPT telah memprofil seramai 494 calon-calon yang dikenalpasti berpotensi tinggi dan berada di bawah program *National Top Talents* (NTT) di mana 89 peratus calon-calon Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor (UA) telah diprofil oleh AKEPT. Senarai ini dikemaskini dari masa ke semasa dan proses profiling dibuat secara berterusan.

Dalam pada itu, AKEPT juga mengadakan program dan kursus untuk meningkatkan kompetensi yang direka khusus bagi NTT, bakat-bakat muda (*Emerging Talent* yang terdiri dari staf akademik dan staf pengurusan, professional dan pelaksana - PPP), termasuk warga akademia dari institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dan politeknik secara umum. Dalam mendepani cabaran masa hadapan dalam pendidikan tinggi, program di AKEPT turut memberi pendedahan kepada *Industrial Revolutions 4.0*, MOOCs, *Digital Leadership* dan *Global Megatrends*. Program pemantapan kepimpinan untuk kelestarian kewangan, minda *entrepreneurial*, kampus pintar, keterlihatan antarabangsa, pengurusan strategik dan kepimpinan berasaskan nilai dilaksanakan bagi memantapkan barisan kepimpinan IPT.

Sekian, terima kasih.

RJM47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
(HULU LANGAT)**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan menilai semula kesesuaian lokasi Pangkalan TUDM seperti di Subang, Kuching, Labuan, Kuantan dan Alor Setar yang berisiko diserang oleh anasir tidak diingini kerana terletak berhampiran dengan lapangan terbang awam seperti yang berlaku di Sri Lanka pada tahun 2001 selain terdedah kepada pengintipan oleh pihak asing

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, lokasi pangkalan-pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) masih relevan dan TUDM tidak mempunyai perancangan bagi memindahkan pangkalan sedia ada dan membangunkan pangkalan baharu selain daripada Pangkalan Udara Sendayan yang menggantikan Pangkalan Udara Kuala Lumpur. Pangkalan Udara Subang, Kuching, Kuantan dan Alor Setar adalah sangat strategik dan memberi impak yang optimum kepada aktiviti operasi dan latihan serta kesiagaan TUDM dalam memantau dan mempertahankan ruang udara negara. Aspek pertahanan dan keselamatan pangkalan sentiasa diberi keutamaan tinggi melalui latihan dan pemeriksaan tahap kesiagaan bagi menghadapi serangan anasir yang tidak diingini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbangkan untuk mengembalikan semula mekanisme bayaran dan sistem rebat bagi kutipan hutang PTPTN sebagaimana yang diperkenalkan Kerajaan Barisan Nasional bagi sebelum ini bagi menggalakkan peminjam PTPTN membayar semula hutang berikutan jumlah kutipan hutang PTPTN semakin menurun selepas pentadbiran Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengambil kira kedudukan kewangan semasa, buat masa ini Kerajaan tidak berhasrat untuk mempertimbangkan semula mekanisme bayaran dan sistem rebat bagi kutipan hutang PTPTN sebagaimana dasar terdahulu. Walau bagaimanapun, apa-apa inisiatif serta dasar baharu bayaran balik pinjaman PTPTN akan dimuktamadkan selepas dapatan Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) diperhalusi dan dibentangkan kepada Kerajaan untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 9.7.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 31

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA** menyatakan :-

- a) usaha Kementerian memantau setiap fasa pelaksanaan program “food bank” seperti yang dijalankan di Perancis (iaitu fasa pelaksanaan pendermaan makanan, penyeragaman kualiti makanan dan penyenaiaan makanan yang diderma); dan
- b) sama ada “good Samaritan Laws” akan dikuatkuasakan menerusi ketiga-tiga fasa ini.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

(a) Kementerian telah menubuhkan Yayasan Food Bank Malaysia yang diperbadankan di bawah Seksyen 2, Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] sebagai ‘kenderaan’ untuk menggerakkan Program Food Bank Malaysia (PFBM) ke seluruh negara. Yayasan Food Bank Malaysia ini dikawal selia oleh KPNDHEP dan berperanan untuk memastikan setiap operasi pelaksanaan *food bank* berjalan dengan baik.

Kementerian dan Yayasan Food Bank Malaysia sering menjalankan lawatan berkala ke tapak pengumpulan lebih makanan dan tempat penyimpanan makanan bagi memastikan Rakan Strategik Kementerian sentiasa mengutamakan keselamatan dan kualiti makanan. Selain itu, pihak Kementerian dan Yayasan juga masih menetapkan senarai makanan yang diderma adalah makanan seperti roti, kek, biskut, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Selain daripada mengumpul makanan kering, Rakan Strategik Kementerian juga mengumpul lebih makanan di hotel-hotel melalui perjanjian dengan Persatuan Tukang Masak yang melatih para sukarelawan bagaimana untuk mengendalikan makanan yang telah dimasak supaya sihat dan tidak tercemar. Kementerian memberi jaminan bahawa makanan yang dikumpulkan adalah masih segar dan boleh dimakan. Sehingga kini, Kementerian tidak menerima satu pun aduan makanan yang diagihkan itu tercemar.

(b) 'Good Samaritan Law' tidak akan menguatkuasakan ketiga-tiga fasa tersebut (pelaksanaan pendermaan makanan, penyeragaman kualiti makanan dan penyenaian makanan yang diderma). Rang Undang-Undang yang sedang digubal oleh KPDNHEP adalah khusus untuk memberi perlindungan kepada penderma makanan daripada dikenakan tindakan undang-undang sekiranya berlaku kesan terhadap makanan yang didermakan. RUU ini akan bertujuan menggalakkan penderma daripada pihak industri untuk menyumbangkan lebih makanan kepada Program Food Bank Malaysia (PFBM).

Kemudian, satu garis panduan berkenaan pelaksanaan *food bank* yang sudah ada akan diperkemas bagi memastikan setiap fasa tersebut mengikut piawaian dan peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM). Antara lain, Garis panduan ini memperincikan setiap peranan dan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh pihak penderma makanan, Rakan Strategik Kementerian dan penerima sumbangan makanan bagi memastikan PFBM berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN
RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (RABU)

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan dan usaha bagi menyiarkan lebih banyak dokumentari tempatan berkaitan budaya dan adat serta amalan masyarakat kaum Melayu dan Islam yang merupakan penduduk majoriti di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini menerusi Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) sentiasa komited dalam memastikan semua genre rancangan dapat disiarkan bagi manfaat segenap peringkat penonton di negara ini. RTM walau bagaimanapun tidak menetapkan kuota pembahagian sesebuah genre dan bahasa bagi rancangan yang disiarkan.
2. Namun begitu, rancangan yang berunsurkan keagamaan setakat ini mendominasi rating rancangan disiarkan RTM, seperti rancangan diskusi ilmu Forum Perdana yang bersiaran setiap malam Khamis pada jam 9.00 malam. Manakala di TV Okey, RTM banyak menyiarkan rancangan berbentuk majalah dan travelog yang berunsur keagamaan.
3. Permintaan ke atas rancangan-rancangan ini bertambah meningkat setiap tahun. Sebagai contoh di TV Okey, rancangan berkaitan agama Islam, budaya dan adat melayu pada 2018 meningkat sebanyak 1.4 peratus dari tahun sebelumnya dan terus meningkat sebanyak 3 peratus daripada keseluruhan jam siaran pada tahun 2019 ini.
4. Manakala di TV1 pada tahun lepas dan tahun ini, rancangan agama mewakili 10 peratus atau 17 jam siaran dalam seminggu. Ia termasuk rancangan yang diterbitkan JAKIM bagi siaran RTM. Sementara itu, rancangan majalah yang mempunyai unsur budaya dan adat melayu Islam disiarkan sebanyak 19.5 jam manakala telemovie berunsur sama 16 jam setahun pada 2018.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD
[MERSING]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 33

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah ketetapan Kementerian mengenai kemasukan (import) bahan buangan terjadual (*scrap metal*) dan *e-waste* daripada luar negara yang mana pemprosesan bahan buangan tersebut berkemungkinan mencemarkan alam sekitar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. *Scrap metal* adalah dikategorikan sebagai bahan bukan buangan terjadual di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan kemasukan *scrap metal* adalah dikawal dengan mengenakan syarat seperti berikut:
 - a. logam terpakai yang diimport hendaklah *homogenous* dan tidak bercampur dengan bahan-bahan lain serta tidak tercemar dengan mana-mana buangan terjadual;
 - b. pengimport hendaklah mempunyai kilang yang dilengkapi dengan teknologi yang boleh memproses logam terpakai yang

diimport;

- c. premis hendaklah dilengkapi dengan semua komponen sistem kawalan pencemaran alam sekitar yang beroperasi dengan baik dan sentiasa disenggara dengan mematuhi standard yang ditetapkan dalam AKAS 1974 seperti Alat Kawalan Pencemaran Udara (AKPU);
 - d. pengimport hendaklah tidak dikategorikan sebagai *traders* atau pihak ketiga;
 - e. premis perlu mengutamakan bekalan domestik terlebih dahulu sebelum mempertimbangkan untuk mengimport logam terpakai;
 - f. premis hendaklah mempunyai Orang Yang Berwibawa (*Competent person*) selaras dengan Seksyen 49A, AKAS 1974; dan
 - g. tapak premis hendaklah mematuhi *Environmental Essential for Siting of Industries in Malaysia* (EESIM) dan sentiasa mengamalkan *good housekeeping*.
2. *Manakala* kemasukan (import) *e-waste* (Kod: A1180) dari negara luar adalah dikawal mengikut prosedur yang ditetapkan di bawah *Basel Convention on the Control of Transboundary Movements of Hazardous Wastes and Their Disposal*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
(AYER HITAM)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN :

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) berapa jumlah pendapatan yang diperoleh oleh Ultra Kinara Sdn. Bhd. melalui “One Stop Centre”nya di China untuk perkhidmatan visa lawatan sosial ke Malaysia dari tahun 2015-2018; dan
- (b) mengapa perkhidmatan syarikat ini tidak ditamatkan selepas Pakatan Harapan mengambil alih tampuk kepimpinan Kerajaan Pusat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

- (a) *One Stop Centre* (OSC) berfungsi untuk menerima permohonan visa Malaysia, menyemak dokumen-dokumen berkaitan dan menguruskan dengan pegawai imigresen di Pejabat-pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara. Kerajaan tidak menanggung sebarang implikasi kewangan dan sebagai timbal balas, pihak syarikat dibenarkan mengutip caj perkhidmatan sebanyak RMB200 (~RM120) bagi setiap permohonan visa Malaysia di OSC Republik Rakyat China (RRC).

Jumlah pendapatan yang diperoleh oleh Ultra Kirana Sdn. Bhd. (UKSB) melalui OSC di RRC untuk perkhidmatan pemprosesan visa lawatan sosial ke Malaysia dari tahun 2015 hingga 2018 adalah berdasarkan jumlah permohonan visa seperti berikut:

Tahun	Jumlah Permohonan	Jumlah Kutipan (RM120/ pax)
2015	1,375,758	165,090,960
2016	1,881,692	225,803,040
2017	1,754,247	210,509,640
2018	1,267,302	152,076,240
Jumlah	6,278,999	753,479,880

- (b) Kementerian telah memutuskan untuk menamatkan kontrak bagi pelaksanaan Sistem Visa Luar Negara (VLN) dan pengendalian OSC di RRC oleh pihak syarikat UKSB. Bagi tujuan tersebut, Kementerian telah menubuhkan satu Pasukan Bertindak (*Taskforce*) untuk mengenalpasti dan memperincikan penamatan perjanjian sedia ada antara Kerajaan dengan pihak syarikat serta mekanisme pengambilalihan sistem VLN bagi memastikan perkhidmatan imigresen kepada pengguna di seluruh dunia tidak terjejas.

Kerajaan juga dalam proses rundingan terma-terma bagi penyediaan Perjanjian Penyelesaian Sistem VLN yang akan dimeterai bagi memuktamadkan penamatan perkhidmatan syarikat UKSB kepada Kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]**
TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah terkini yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan terhadap Pusat Kualiti Alam di Sendayan, dengan mengambil kira pembangunan di sekitar kawasanya. Apakah benar sisa toksid/ sisa yang merbahaya daripada Sungai Kim Kim, Johor dan Lynas, Pahang akan dilupuskan di Kualiti Alam ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk makluman, Kualiti Alam Sdn. Bhd hanyalah bertanggungjawab dalam menguruskan bahan buangan berjadual sahaja. Sehingga kini, Kualiti Alam Sdn.Bhd masih beroperasi seperti biasa dan mematuhi semua peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. JAS sentiasa melaksanakan pemantauan secara bulanan ke atas pematuhan syarat-syarat pelesenan.

2. Semua sisa bahan kimia dari Sungai Kim Kim, Johor telah diuruskan oleh 5E Resources Sdn.Bhd dan dirawat di Kualiti Alam Sdn. Bhd. Manakala sisa terjadual dari Lynas Sdn. Bhd akan dirawat di tapak pelupusan selamat di dalam premis Lynas.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TAN SRI NOH BIN OMAR (TANJONG
KARANG)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah 4 suspek yang ditahan di bawah Seksyen 307 Kanun Keseksaan dalam kes Adib masih berada di dalam negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Siastan kes tersebut dibuat di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan bagi kesalahan membunuh dan seksyen 427 Kanun Keseksaan kerana melakukan perbuatan khianat.

Pihak polis telah membuat tangkapan ke atas empat orang suspek dan rakaman percakapan kesemua suspek telah diambil bagi tujuan siasatan. Kesemua suspek telah dibebaskan dengan jaminan polis kerana hasil siasatan mendapati tiada keterangan atau petunjuk untuk mengaitkan mereka dengan kes ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tiada keperluan untuk pihak polis memantau pergerakan keempat-empat individu yang dibebaskan itu kerana mereka tidak lagi berada dalam siasatan pihak polis. Namun sekiranya ada petunjuk baharu yang boleh mengaitkan keempat-empat atau mana-mana individu ini dengan kes ini maka pihak polis akan mengambil tindakan sewajarnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan untuk mengkaji semula harga lantai dan harga siling belian padi seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah melaksanakan penyeragaman harga lantai belian padi atau kadar minima bagi Semenanjung Malaysia daripada RM650.00 setiap tan kepada RM1,200.00 setiap tan pada pada 1 Mac 2014. Bagi harga siling belian padi pula, pada masa ini, Kementerian tidak menetapkan sebarang harga siling dan pengilang-pengilang dibenarkan untuk membeli padi dengan harga melebihi RM1,200.00 setiap tan tertakluk kepada keupayaan kilang dan kualiti padi yang dihasilkan. Sebagai contoh, secara purata harga padi di negeri Selangor adalah sekitar RM1,250.00 setiap metrik tan berbanding dengan negeri-negeri lain.

Sebarang cadangan kenaikan harga lantai belian padi akan memberikan implikasi terutamanya kepada pengilang dan pemborong memandangkan margin keuntungan perniagaan yang semakin mengecil kesan daripada kawalan harga beras di peringkat runcit. Kenaikan harga siling belian padi akan dapat dilaksanakan sekiranya harga beras runcit dinaikkan. Dalam hubungan ini, Kementerian akan melaksanakan kajian pasaran secara terperinci terlebih dahulu sebelum mengemukakan cadangan harga baru padi dan beras bagi memastikan impak peningkatan kos tidak membebankan pengguna dan rakyat keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN
MOHAMED [KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 38

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan faktor dan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menangani kemelesetan prestasi perdagangan pada Suku Pertama 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Jumlah perdagangan Malaysia pada suku pertama tahun 2019 menyusut sebanyak 1.5% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018 kepada RM236.06 billion. Ini disebabkan oleh penurunan eksport dan import masing-masing sebanyak 0.7% dan 2.5%..
2. Antara faktor penyumbang utama kepada penurunan jumlah eksport adalah pengurangan nilai eksport bahan berkaitan komoditi seperti petroleum mentah, keluaran petroleum dan minyak sawit & keluaran berasaskan sawit yang mengalami penurunan harga di pasaran global.
3. Selain itu, faktor ketidaktentuan ekonomi global yang antaranya berpunca daripada konflik perdagangan yang berlanjutan di antara Amerika Syarikat dan China menyebabkan tekanan bagi permintaan

produk pembuatan Malaysia yang terbabit di dalam rantai bekalan global (*global supply chain*) sebagai 'intermediate products' dengan izin.

4. Penurunan prestasi perdagangan Malaysia pada suku pertama tahun 2019 bukanlah spesifik kepada Negara tetapi sejajar dengan prestasi negara serantau seperti Singapura, Taiwan, Jepun dan Indonesia yang turut mengalami penurunan prestasi perdagangan.

5. Walau bagaimanapun, prestasi perdagangan ini dilihat berada pada landasan pemulihan, di mana prestasi perdagangan pada bulan Mei 2019 meningkat sebanyak 2% berbanding bulan Mei 2018. Jumlah perdagangan untuk 5 bulan pertama tahun ini meningkat sebanyak 0.1% kepada RM753.88 bilion di mana lebih dagangan meningkat kepada 4.3%.

6. Dalam usaha mempertingkatkan nilai eksport barangan dan perkhidmatan Negara, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), telah merancang pelbagai strategi yang merangkumi pelaksanaan program-program promosi pasaran dan pembangunan pengeksport.

7. Bagi merencanakan aktiviti promosi barangan buatan Malaysia ke luar negara, MATRADE telah menganjurkan program-program untuk syarikat-syarikat tempatan seperti Pameran Perdagangan Antarabangsa, Misi Perdagangan dan Pelaburan, Misi Akselerasi Eksport, dan Program Penyumberan Antarabangsa. Program-program promosi seumpama ini telah menghasilkan impak yang tinggi serta berkesan sebagai platform yang sesuai dalam mempromosikan produk dan perkhidmatan buatan Malaysia ke luar negara.

8. Bagi tahun 2019 pula, MATRADE telah mengatur sebanyak 42 aktiviti promosi perdagangan antarabangsa termasuk Pameran Perdagangan Antarabangsa (17 aktiviti), Misi Akselerasi Eksport (17), Program Penyumberan Antarabangsa (7) dan Misi Perdagangan & Pelaburan (1).

9. Selain itu, MATRADE turut melaksanakan program-program pembangunan pengeksport yang terbuka kepada syarikat bumiputera dan bukan bumiputera dengan bertujuan melahirkan serta memantapkan usahawan-usahawan dan syarikat-syarikat Malaysia sebagai pengeksport yang lebih berdaya saing dan berkemampuan terutamanya dalam penerokaan pasaran antarabangsa.

10. Kerajaan juga menyediakan dana bantuan kewangan kepada syarikat penyedia perkhidmatan bagi mengembangkan eksport perkhidmatan dan menjalankan aktiviti-aktiviti penerokaan masing-masing ke pasaran luar negara. Program bimbingan secara *hands-on* dengan izin, juga disediakan bagi membantu PKS khususnya milik Bumiputera/Wanita/Belia untuk mengeksport. Program termasuk menilai sumber, kepakaran, kesediaan, keperluan dan kemampuan untuk mengeksport, termasuk dari segi komitmen pengurusan dan kedudukan kewangan.

Yang di-Pertua,

11. Program-program yang dirancang oleh MATRADE ini memberikan pendedahan, menyediakan ruang dan memperkemaskan syarikat dalam mengeluarkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti. Ini membolehkan banyak syarikat tempatan berada di barisan hadapan di pasaran global dengan melibatkan diri secara aktif di dalam program promosi pasaran serta program berimpak tinggi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapa bilangan Persatuan Nelayan Negeri di seluruh negara yang telah ditubuhkan demi untuk merealisasikan perikanan sebagai sumber penting ekonomi negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 13 buah Persatuan Nelayan Negeri (PNN) yang ditubuhkan di seluruh negara dan menjadi ahli kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) selaras dengan Akta Persatuan Nelayan 1971 (Akta 44). PNN tersebut adalah:

- (i) Persatuan Nelayan Negeri Perlis (PELARIS)
- (ii) Persatuan Nelayan Negeri Kedah (NEKAD)
- (iii) Persatuan Nelayan Negeri Pulau Pinang (PEN MUTIARA)
- (iv) Persatuan Nelayan Negeri Perak (PENGGERAK)
- (v) Persatuan Nelayan Negeri Selangor (PENEGOR)
- (vi) Persatuan Nelayan Negeri Sembilan (PENNS)
- (vii) Persatuan Nelayan Negeri Melaka (PENAMA)
- (viii) Persatuan Nelayan Negeri Johor (JOSFA)
- (ix) Persatuan Nelayan Negeri Pahang (PERNEPA)
- (x) Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (PENENTU)
- (xi) Persatuan Nelayan Negeri Kelantan (PENEKA)
- (xii) Persatuan Nelayan Negeri Sabah (PENGASAH)
- (xiii) Persatuan Nelayan Negeri Sarawak (PENESA)

2. PNN diwakili oleh 89 buah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) dengan keahlian seramai 96,558 orang. Objektif penubuhan persatuan nelayan ini adalah bagi memajukan kepentingan ekonomi dan sosial ahlinya serta merealisasikan perikanan sebagai sumber penting ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE[SANDAKAN]
TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 40

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah rancangan jangka panjang untuk menangani masalah kekurangan penjanaan kuasa di pantai timur Sabah, yang kini mempunyai margin simpanan sebanyak -33%.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa ini, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah sedang dalam proses memuktamadkan Pelan Pembangunan Penjanaan bagi Pantai Timur Sabah.
2. Keputusan berkenaan Pelan Pembangunan Penjanaan bagi Pantai Timur Sabah ini juga adalah bergantung kepada hasil proses *due diligence* yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG KAH WHO [IPOH TIMUR]
TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 41

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan memastikan penempatan ke IPTA untuk pelajar STPM tidak akan terjejas pada kemasukan sesi akademik tahun 2020 memandangkan sebanyak 15,000 tempat tambahan telah ditawarkan di pusat matrikulasi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip meritokrasi dalam pengambilan pelajar. Berdasarkan prinsip ini, semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian di institusi pendidikan tinggi awam (IPTA). Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas program pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon.

Proses pemilihan pelajar bergantung kepada pengiraan markah merit 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Markah akademik bagi kedua-dua lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan Matrikulasi adalah berdasarkan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) yang diperolehi oleh calon yang memohon.

NO. SOALAN : 41

Kejayaan mendapat tempat di universiti awam bergantung sepenuhnya kepada markah merit, tempat yang disediakan serta kelayakan calon dan bukannya bergantung kepada kategori calon tersebut.

Dalam tempoh dua tahun (2017-2018), lepasan STPM telah menunjukkan pertambahan penawaran sebanyak 4,242 tawaran (21.07 peratus) manakala lepasan Matrikulasi meningkat sebanyak 1,981 tawaran (10.83 peratus) pada sesi 2018/2019. Pertambahan sebanyak 15,000 tempat untuk program Matrikulasi yang diputuskan oleh Jemaah Menteri baru-baru ini, tidak akan menjejaskan proses pemilihan pelajar secara keseluruhan kerana mereka terdiri daripada kalangan pelajar yang sama. Bilangan tempat yang boleh ditawarkan bergantung kepada prasarana dan kapasiti universiti awam.

Sekian, terima kasih.

RJM 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TEH KOK LIM (TAIPING)

TARIKH : 09 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status kanak-kanak yang dilahirkan tanpa kewarganegaraan Malaysia, apakah rancangan pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah yang semakin mencabar ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa prihatin dengan isu dokumentasi dan pengenalan diri dalam kalangan penduduk negara ini dan antara usaha yang sedang diambil dalam menangani isu seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

1. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan; dan
2. Pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan bagi individu berkecukupan.

Berhubung dengan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan, ditegaskan bahawa kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan

dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran. Oleh itu, kaedah perekodan taraf kewarganegaraan individu yang dilahirkan di Malaysia iaitu sama ada dengan taraf Warganegara atau Bukan Warganegara oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahataran anak, peraturan imigresen dan lain-lain. Ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf Bukan Warganegara bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

Berhubung dengan pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan pula, terdapat dua kaedah pemerolehan kewarganegaraan bagi individu bertaraf Bukan Warganegara iaitu sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian. Pada masa ini, KDN sedang giat menjalankan penambahbaikan komprehensif terhadap prosedur pengendalian standard (SOP) agar ia bersesuaian dengan hala tuju negara dan seimbang daripada aspek kemanusiaan tanpa mengabaikan keselamatan negara serta kesejahteraan warganegara sedia ada.

Bagi memastikan tiada isu berbangkit pada masa hadapan serta membentuk masyarakat yang bermoral dan patuh kepada perundangan yang berkuat kuasa, Ahli Yang Berhormat diseru untuk membantu memperkukuhkan usaha Kerajaan dalam menangani isu kewarganegaraan dengan menyebarkan pengetahuan berkaitan dengan kepentingan mendaftarkan perkahwinan serta mendaftarkan anak bertaraf Bukan Warganegara di kedutaan negara asal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN : 43

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan :-

- a) apakah dasar Kementerian kepada syarikat-syarikat telekomunikasi dalam melaksanakan strategi penguatkuasaan bagi mengsifarkan jenayah siber dalam semua kategori yang semakin membimbangkan di negara kita; dan
- b) apakah usaha yang telah dan akan dilaksanakan Kementerian dalam menjamin Jaringan Komunikasi Atas Talian Negara tidak dapat diceroboh dan digodam supaya rakyat Malaysia dapat melakukan sebarang urusan harian atas talian dengan selamat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Soalan (a)

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tindakan membanteras jenayah siber merupakan suatu usaha kolektif yang melibatkan pelbagai Kementerian dan Agensi. Secara khusus bagi pihak penyedia perkhidmatan komunikasi, pihak tersebut telah diarahkan untuk mengemaskini pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar bagi

SOALAN NO : 43

mengelakkan ianya disalahguna untuk tujuan penipuan dan seumpamanya. Sehingga Mei 2019, sebanyak **1,128,385** talian prabayar yang didaftar secara meragukan telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **67%** talian telah ditamatkan perkhidmatannya dan baki **33%** telah dikemaskini dengan maklumat yang sah.

2. Selain itu, Kementerian juga menggalakkan para pengguna Internet mengamalkan kaedah kawalan sendiri. Contohnya, kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan Penyedia Perkhidmatan Internet (*Internet Service Provider*) di Malaysia seperti Celcom, UMobile, Digi, Maxis, Telekom Malaysia (TM), TIME, Tune Talk dan sebagainya, telah melancarkan inisiatif aplikasi kawalan ibu bapa (*Parental Control Tools*) bagi mengawalselia aktiviti anak-anak mereka di alam maya sekaligus melindungi keluarga mereka daripada terdedah kepada risiko-risiko dan anasir yang negatif.

Soalan (b)

1. Tahap keselamatan siber negara sentiasa berada dalam ranking terbaik dunia dan diiktiraf oleh badan global dengan kedudukan ke-tiga (3) terbaik telah direkodkan dalam Global Cybersecurity Index 2017 yang dikeluarkan oleh *Telecommunication Union (ITU)* dan *ABI Research*. Mahupun demikian, Kerajaan masih tetap terus berusaha memperbaiki dan memastikan tahap keselamatan siber negara sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan terkawal.

2. Pihak Kementerian melalui SKMM, menjadi peneraju utama bagi sektor “informasi dan komunikasi” yang merupakan salah satu sektor kritikal di bawah *Critical National Infrastructure; CNII*. SKMM adalah salah satu agensi yang terlibat di dalam inisiatif NC4 di mana SKMM memainkan peranan khusus di dalam memantau dan seterusnya melindungi infrastruktur kritikal komunikasi dan maklumat negara.

3. Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM juga bertindak sebagai pusat setempat pengurusan ancaman makro siber, serta pusat koordinasi dan kerjasama sektor awam dan pihak swasta bagi sektor informasi dan komunikasi.

4. Selain itu, Kerajaan juga telah menetapkan keperluan dengan izin *baseline*, keselamatan siber yang perlu kepada agensi-agensi infrastruktur maklumat kritikal melalui pelaksanaan pensijilan MS ISO/IEC 27001 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dengan izin, Information Security Management System (ISMS).

5. Melalui CyberSecurity Malaysia (CSM) pula, Kementerian telah memberi tumpuan kepada 4 aspek utama iaitu dari segi keupayaan ramalan (*predictive*), keupayaan pencegahan (*preventive*), keupayaan tindak balas (*responsive*) dan keupayaan pembetulan (*corrective*) bagi menjamin keselamatan siber dan jaringan komunikasi dalam talian tidak dapat diceroboh dan digodam.

6. Di antara langkah yang diambil oleh CSM adalah dengan membangunkan aplikasi *big data analytics* (BDA) yang berupaya meramalkan trend ancaman siber dari semasa ke semasa. CSM turut terlibat dalam program kesedaran dan latihan kepada pengguna internet mengenai aspek keselamatan siber melalui penganjuran program CyberSAFE (*Cyber Security Awareness for Everyone*).

7. CSM turut menyediakan Perkhidmatan Amaran Awal Siber (Cyber999) yang berperanan sebagai pusat koordinasi setempat bagi membolehkan pengguna Internet menghubungi Pusat Bantuan Cyber999 untuk melaporkan insiden-insiden keselamatan siber seperti pencerobohan siber, kecurian identiti, pembulian siber, penipuan siber dan sebagainya.

8. Selain itu, jika serangan siber telah berlaku CSM turut melaksanakan perkhidmatan CyberDEF yang bertujuan untuk mengesanan, membasmi dan menyediakan penyiasatan forensik bagi pencurian data atau serangan siber.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2019

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (Selasa)

SOALAN

Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah program NKEA di bawah syarikat peneraju akan diteruskan selepas akan tamat pada tahun 2020.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan peruntukan yang diterima oleh Kementerian ini, **tempoh pelaksanaan projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pertanian khususnya yang melibatkan inisiatif syarikat-syarikat peneraju akan berakhir pada 31 Disember 2020**, dimana syarikat-syarikat peneraju perlu melaksanakan dan menyiapkan projek sebelum tempoh tersebut. Manakala projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh jabatan dan agensi Kementerian ini seperti projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), projek penanaman padi di kawasan MADA dan pembangunan herba bernilai tinggi akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia ke-12 sebagai projek pembangunan biasa kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED
SADIQUE [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 45

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkaji kaedah - kaedah lain yang difikirkan bersesuaian selain daripada memusnahkan kapal nelayan sebagai hukuman untuk nelayan-nelayan asing yang menceroboh perairan negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pelupusan vesel nelayan asing yang menceroboh perairan negara dibuat berdasarkan kepada ketetapan di bawah Seksyen 52(2) Akta Perikanan (1985). Kaedah pelupusan vesel nelayan asing yang telah dilucuthakkan dilaksanakan seperti berikut:
 - (i) Ditenggelamkan sebagai tukun tiruan; atau
 - (ii) Dipecah-pecah atau potong-potong dan dilupuskan di tapak pelupusan sampah yang sesuai.

2. Pada masa ini, pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengkaji kaedah pelupusan yang lain seperti penjualan semula vesel rampasan kepada nelayan tempatan. Ianya selari dengan usaha Kementerian dalam pelaksanaan Dasar Pemodenan Vesel yang mematuhi standard piawaian *International Maritime Organization (IMO)*, *International Conventions* dan *International Association of Classification Societies (IACS)*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN
MOHD YUNUS [HULU LANGAT]**
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 46

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan dan usaha Kementerian menambah Kemudahan Kelas Aliran Agama (KAA) harian untuk Tingkatan 1-3 di semua sekolah menengah di W.P. Kuala Lumpur (WPKL) dan menggalakkan lagi pelajar-pelajar meneruskan kesinambungan pembelajaran Bahasa Arab di sekolah menengah harian kerana jumlah KAA di WPKL amat berkurangan bagi menampung pelajar-pelajar yang tidak layak untuk melanjutkan pembelajaran di asrama agama terpilih selepas tamat PT3.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat sebanyak 633 buah sekolah menengah di seluruh Malaysia melaksanakan Kelas Aliran Agama (KAA). Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bilangan sekolah menengah yang melaksanakan KAA adalah sebanyak 18 buah sekolah.

Peluasan KAA ke peringkat menengah atas adalah berdasarkan kepada permintaan dan permohonan pihak ibu bapa dan verifikasi oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dengan mengenal pasti keperluan dan kesediaan pihak sekolah untuk melaksanakan KAA.

KAA sentiasa mendapat permintaan dan perhatian daripada ibu bapa. Bagi tahun 2019, KPM telah menerima sebanyak 2,588 permohonan

NO. SOALAN : 46

baharu untuk kelas KAA Tingkatan 1 dan 158 permohonan untuk KAA Tingkatan 4 di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun hanya 535 pemohon yang layak dan ditawarkan ke Tingkatan 1, manakala sebanyak 201 permohonan ditawarkan untuk Tingkatan 4. Tawaran dikeluarkan kepada pemohon yang layak dan berdasarkan kepada kekosongan tempat.

KPM sentiasa komited menyediakan peluang-peluang pendidikan kepada pelajar yang berminat untuk meneruskan pembelajaran Bahasa Arab. Pada masa kini, KPM dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sedang menjalankan kajian bagi mengenal pasti elemen-elemen pemerksaan dan penambahbaikan pelaksanaan KAA agar kualiti pelaksanaan KAA di sekolah harian biasa dapat ditingkatkan di samping memberi keyakinan kepada masyarakat terhadap pelaksanaan KAA ini.

Sekian, terima kasih.

RJM 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 47

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah status terkini rundingan serta pendirian Malaysia ke atas Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian CPTPP telah ditandatangani oleh 11 negara anggota termasuk Malaysia, pada 8 Mac 2018, dan perjanjian ini telah mula berkuatkuasa, *entered into force* (dengan izin) pada 30 Disember 2018 bagi 6 negara, iaitu Australia, Kanada, Jepun, Mexico, New Zealand dan Singapura. Manakala bagi Viet Nam pula, mulai 14 Januari 2019.

2. Bagi Malaysia dan 3 negara lain yang belum meratifikasikan CPTPP, perjanjian ini hanya akan berkuatkuasa 60 hari setelah negara-negara ini melengkapkan proses domestik dan mengemukakan instrumen ratifikasi kepada New Zealand (yang bertanggungjawab sebagai *depository*).

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan masih belum memutuskan sama ada Malaysia akan meratifikasi perjanjian CPTPP atau tidak. CPTPP adalah suatu perjanjian yang kompleks dan komprehensif di mana komitmen yang

SOALAN NO : 47

dipersetujui di bawah CPTPP mempunyai impak yang besar kepada sebahagian undang-undang, dasar, peraturan dan amalan semasa Kerajaan, termasuk yang melibatkan bidang kuasa Kerajaan-kerajaan negeri. Justeru, Kerajaan memerlukan lebih masa untuk menilai perjanjian ini.

4. Sebagai sebuah negara perdagangan, Kerajaan menyedari bahawa penyertaan Malaysia dalam perjanjian-perjanjian perdagangan antarabangsa adalah amat penting untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih baik bagi produk-produk tempatan serta menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelaburan pilihan kepada rakan-rakan dagang.

5. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan agar setiap FTA yang disertai oleh Malaysia adalah bebas dan adil, serta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara demi memastikan manfaat ekonomi negara dapat diagihkan kepada golongan sasaran dalam mencapai dan menjamin kesejahteraan sosio ekonomi negara.

Tuan Yang Dipertua,

RCEP

6. Perjanjian Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau atau dengan izin, *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) merupakan satu usaha negara-negara ASEAN meningkatkan integrasi ekonomi rantau ASEAN dengan 6 rakan-rakan dialog ASEAN iaitu Republik Rakyat China, India, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand. Peningkatan integrasi ekonomi dapat meningkatkan nilai perdagangan serantau serta membantu dalam fasilitasi perdagangan. Secara umumnya, prinsip rundingan RCEP dibuat berlandaskan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas (FTA) sedia ada antara ASEAN dengan rakan-rakan dialog yang berkenaan bertujuan menambahbaik akses pasaran dan fasilitasi perdagangan.

7. Sejak Mei 2013 sehingga Jun 2019, sebanyak 27 pusingan rundingan telah diadakan. Sehingga kini, rundingan RCEP telah berjaya memuktamadkan 7 daripada 16 kumpulan kerja iaitu:

SOALAN NO : 47

- i. prosedur kastam dan fasilitasi perdagangan (CPTF);
- ii. kerjasama ekonomi dan teknikal (ECOTECH);
- iii. perusahaan kecil dan sederhana (SME);
- iv. Kumpulan Kerja *standards, technical regulations and conformity assessment procedures* (STRACAP), dengan izin;
- v. *sanitary and phytosanitary* (SPS), dengan izin;
- vi. perolehan kerajaan (GP) yang tidak melibatkan akses pasaran dan hanya bertujuan untuk berkongsi maklumat dan ketelusan; dan
- vii. *Institutional Provisions*.

8. Untuk makluman, masih wujud sebilangan isu-isu tertunggak bersifat teknikal dan dasar yang memerlukan rundingan dan perbincangan yang lebih mendalam. Secara prinsipnya, apa-apa perjanjian perdagangan bebas yang ditandatangani Malaysia perlu bebas dan adil, memberikan dengan izin, *mutually beneficial outcomes* serta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara demi memastikan manfaat ekonomi negara dapat diagihkan kepada golongan sasaran dalam mencapai dan menjamin kesejahteraan sosio ekonomi negara.

9. Menurut data Bank Dunia pada tahun 2017, RCEP akan membolehkan Malaysia mengakses 47.5 peratus saiz pasaran atau hampir separuh jumlah penduduk dunia iaitu 3.5 bilion orang. Nilai KDNK gabungan pada tahun 2017 pula ialah AS\$25.5 trilion atau 31.6 peratus daripada nilai KDNK dunia. Nilai dagangan barang atau *merchandise trade*, dengan izin, dicatatkan sebanyak AS\$10.4 trilion atau 30% daripada jumlah dagangan barang dunia. Negara-negara tersebut merupakan pelabur terbesar rantau ASEAN dengan aliran Pelaburan Asing (FDI) sebanyak AS\$34 bilion atau 25 peratus daripada jumlah FDI iaitu AS\$135.6 bilion.

10. Antara faedah-faedah lain RCEP kepada Malaysia adalah:

- (i) Pertama, peraturan-peraturan dan prosedur yang berbeza di bawah setiap FTA ASEAN dapat diseleraskan dengan lebih teratur. Sektor swasta berpandangan bahawa perbezaan ini akan merumitkan perdagangan memandangkan mereka perlu mengikut

SOALAN NO : 47

prosedur yang berlainan bagi setiap FTA ASEAN, seterusnya mengenakan kos tambahan serta menambah masa yang lebih panjang dalam urusan perniagaan;

(ii) Kedua, peluang memperoleh bahan mentah yang berkualiti pada harga yang lebih murah dari pelbagai negara sumber yang boleh diserapkan dalam perkiraan pematuhan Peraturan Tempasal atau dengan izin, *Rules of Origin* (ROO). ROO merupakan kaedah yang menentukan sama ada sesuatu produk yang dihasilkan menggunakan bahan mentah dan input daripada negara-negara ahli RCEP. Hal ini penting untuk memastikan aktiviti pengeluaran dilaksanakan dalam negara-negara anggota RCEP membolehkan produk tersebut mendapat layanan keutamaan atau dengan izin, *preferential treatment*;

(iii) Ketiga, RCEP akan membantu integrasi syarikat-syarikat di rantau ini dalam rangkaian bekalan sedunia atau *global supply chain*, dengan izin, agar lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa dan seterusnya berkembang menjadi syarikat bertaraf global (*global players*);

(iv) Keempat, rundingan RCEP melibatkan Republik Rakyat China dan India yang kini mengamalkan dasar ekonomi terbuka akan memberi peluang kepada Malaysia serta negara-negara ASEAN lain memperluas peluang eksport barangan dan perkhidmatan di kedua-dua pasaran berkenaan. Pada masa ini, belum ada sebarang perjanjian perdagangan bebas yang di antarakedua-dua negara besar ini kecuali melalui RCEP; dan

(v) Kelima, Malaysia akan menikmati capaian dan liberalisasi pasaran yang lebih baik berbanding dengan komitmen yang sedia ada di bawah kerangka FTA ASEAN. Bagi Malaysia, ini adalah amat penting kerana masih terdapat peluang pasaran eksport produk-produk berkepentingan Malaysia yang masih lagi belum diakses sepenuhnya.

11. Negara-negara RCEP komited untuk memuktamadkan rundingan RCEP pada hujung tahun 2019 namun perkara ini bergantung kepada perkembangan rundingan dan fleksibiliti setiap negara perunding.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI BIN GHAZALI
[BAGAN SERAI]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 48

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) Kementerian Pendidikan berjaya dalam menghasilkan pemimpin universiti awam dan bagaimana AKEPT melihat strategi masa depan pendidikan tinggi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) menjalankan program pengurusan dan pembangunan bakat bagi staf akademik universiti terpilih secara tersusun berdasarkan tema *Competency-based Framework* kepimpinan universiti. Kesemua Naib Canselor dan Timbalan Naib Canselor universiti awam yang terlantik telah mendapat manfaat dengan mengikuti program latihan di AKEPT secara berterusan. Untuk mengenal pasti calon-calon bagi lantikan jawatan-jawatan utama universiti bagi masa akan datang pula, AKEPT menggunakan kaedah profiling bagi calon-calon yang dikenal pasti dari seluruh negara. Sehingga kini, AKEPT telah memprofil seramai 494 calon-calon yang dikenalpasti berpotensi tinggi dan berada di bawah program *National Top Talents* (NTT) di mana 89 peratus calon-calon Naib Canselor dan

NO. SOALAN : 48

Timbalan Naib Canselor universiti awam telah diprofil oleh AKEPT. Senarai ini dikemaskini dari masa ke semasa dan proses profiling dibuat secara berterusan.

Dalam pada itu, AKEPT juga mengadakan program dan kursus untuk meningkatkan kompetensi yang direka khusus bagi NTT, bakat-bakat muda (*Emerging Talent* yang terdiri dari staf akademik dan staf pengurusan, professional dan pelaksana - PPP), termasuk warga akademia dari institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dan politeknik secara umum. Dalam mendepani cabaran masa hadapan dalam pendidikan tinggi, program di AKEPT turut memberi pendedahan kepada Industrial Revolution 4.0, MOOCs, *Digital Leadership* dan *Global Megatrends*. Program pemantapan kepimpinan untuk kelestarian kewangan, minda keusahawanan, keterlihatan antarabangsa, pengurusan strategik dan kepimpinan berasaskan nilai dilaksanakan bagi memantapkan barisan kepimpinan IPT.

Sekian, terima kasih.

RJM 51

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 49

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan: -

- a. apakah perancangan dan penyelesaian Kementerian bagi menyelesaikan masalah kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang lengkap, di mana mereka tidak dapat diterima masuk ke sekolah rendah untuk meneruskan sesi pembelajaran terutamanya di kawasan luar bandar; dan
- b. nyatakan langkah-langkah dan strategi Kementerian dalam meningkatkan kualiti dan mutu pembelajaran sekolah-sekolah di kawasan luar bandar yang serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur dan keadaan sekolah yang sering dilanda bencana banjir serta jumlah peruntukan tahunan yang dikhaskan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti tahunan dan menaiktarafkan kemudahan infrastruktur terutamanya bagi sekolah di kawasan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM hanya menerima kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen pengenalan diri memasuki sekolah-sekolah kendalian KPM bukan kanak-kanak tiada warganegara atau *stateless children*. Kementerian berusaha menyelesaikan masalah kanak-kanak tanpa dokumen untuk diterima

masuk ke sekolah rendah bagi meneruskan sesi pembelajaran. selari Sehubungan dengan itu, KPM telah mengeluarkan surat pekeliling dan surat siaran seperti berikut:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1 Tahun 2009 bertarikh 11 Mac 2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen.
2. Surat Siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2018 bertarikh 15 Januari 2018: Permohonanan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara.

KPM bersedia menerima permohonan masuk kanak-kanak bukan warganegara daripada kategori kanak-kanak bukan warganegara yang telah diambil sebagai anak angkat oleh warganegara Malaysia atau kanak-kanak bukan warganegara hasil perkahwinan tidak mengikut undang-undang Malaysia sekiranya bapa adalah warganegara dan ibunya bukan warganegara dengan mengemukakan beberapa dokumen yang ditetapkan.

Bagi tujuan tersebut, KPM turut menetapkan bahawa keluarga, penjaga atau mana-mana badan atau pihak yang bertanggungjawab dalam penjagaan kanak-kanak bagi kedua-dua kategori kanak-kanak yang dinyatakan tadi perlulah mematuhi dua perkara berikut, iaitu:

1. Menyelesaikan semua dokumen pengenalan diri kanak-kanak tersebut dalam tempoh dua (2) tahun bermula daripada tarikh kanak-kanak mula masuk persekolahan; dan
2. Membayar fi yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sebagai langkah strategik, KPM turut menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi membantu murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan mendaftarkan kelahiran kanak-kanak tersebut. Bagi memudahkan urusan dan perancangan,

KPM turut mengumpul data murid tanpa dokumen dan perkara ini sentiasa ditambah baik dari masa ke masa.

- b. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyemak secara terperinci sekolah-sekolah yang perlu dibaik pulih dan diselenggarakan di seluruh negara. Bagi pembangunan semula sekolah daif pada tahun 2019, Kementerian telah membuat penambahbaikan melalui penggunaan skala impak, kaedah pelaksanaan yang bersesuaian serta skop pembinaan yang lebih menyeluruh.

Bagi memastikan semua sekolah daif dapat dibangunkan semula, Kementerian telah mengambil strategi untuk melaksanakan pembangunan sekolah daif secara berfasa berdasarkan skala impak yang telah dibangunkan. Keutamaan untuk pelaksanaan pembangunan semula dan naik taraf diberikan kepada sekolah yang telah mendapat pengesahan tidak selamat daripada pihak JKR dan teknikal KPM.

Kementerian juga telah menyalurkan peruntukan antara RM50,000 sehingga RM250,000 kepada setiap Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta sebanyak RM50,000 kepada setiap Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi menangani kerosakan di sekolah-sekolah akibat bencana dan sebagainya yang memerlukan pembaikan segera.

Sekian, terima kasih.

RJM 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 50

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan asrama SMK Pinggan-Pinggan Pitas dapat dimulakan memandangkan kemudahan ini amat dinantikan oleh para ibu bapa dan pelajar yang tinggal jauh dari kawasan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek SMK Pinggan-Pinggan, Pitas ini merupakan projek baharu yang diluluskan dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) tahun 2019. Skop projek ini merangkumi pembinaan baharu dua (2) blok asrama murid lelaki dan perempuan bagi kapasiti 200 orang murid lelaki dan 200 orang murid perempuan, lapan (8) unit rumah warden, dewan makan untuk 400 orang murid, surau, perabot dan lain-lain kemudahan mengikut piawai di Sekolah Menengah Kebangsaan Pinggan-Pinggan, Pitas, Sabah.

Projek ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku agensi teknikal kerajaan. Status semasa projek adalah berada di fasa prapelaksanaan iaitu pihak JKR sedang melaksanakan kerja-kerja awalan di tapak. Bagi projek ini juga, JKR akan menggunakan kaedah konvensional perunding dalam pelaksanaan projek. Proses lantikan perunding dijangka akan dilaksanakan pada Ogos 2019. Manakala kerja-kerja pembinaan akan dimulakan sebaik sahaja proses rekabentuk, perolehan dan lantikan kontraktor selesai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
[HULU RAJANG]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 51

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk memindahkan SK Long Busang ke tempat yang lebih tinggi akibat sekolah tersebut selalu dilanda bencana banjir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin berkenaan keadaan sekolah terutamanya apabila melibatkan bencana dan kejadian yang tidak diingini berlaku. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang mengkaji beberapa aspek untuk tujuan pemindahan sekolah-sekolah di Sarawak yang terlibat dengan bencana banjir. Keutamaan akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang kerap mengalami banjir serta berada berhampiran sungai untuk dipindahkan ke tapak baharu yang lebih tinggi dan dilaksanakan melalui projek pembangunan sekolah di Sarawak.

Bagi SK Long Busang, sekolah ini telah dicadangkan dalam projek RM1billion dan sekiranya terdapat keperluan untuk memindahkan sekolah, pembinaan bagi projek ini akan dilaksanakan di tapak baharu yang bersesuaian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, KPM telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM250 ribu kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak dan RM50 ribu kepada setiap Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) termasuk PPD Belaga di Negeri Sarawak pada 11 Februari 2019 bagi membiayai keperluan pembaikan-pembaikan segera dan mendesak melibatkan sekolah-sekolah di Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

RJM 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **PUAN WONG SHU QI [KLUANG]**
TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**
SOALAN : **52**

PUAN WONG SHU QI [KLUANG] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan pencegahan berita palsu yang tular di media sosial selain daripada tindakan undang-undang yang diambil oleh orang difitnah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah mengambil langkah proaktif bagi menangani gejala ini dengan menjalankan kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan agensi penguatkuasaan seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membendung penyalahgunaan Internet, khususnya kegiatan penyebaran kandungan atau maklumat tidak sahih/ palsu yang boleh menggugat kestabilan dan keharmonian negara. Kerjasama ini meliputi aspek-aspek kerjasama pemantauan, pengesanan, perkongsian maklumat dan forensik digital.

2. Peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) adalah antara instrumen perundangan yang tergunapakai di dalam mengawal perekaan, penerbitan dan penularan kandungan atau berita tidak benar.

3. Antara tahun 2018 sehingga Mei 2019, pihak SKMM telah menerima sejumlah 641 aduan awam berkaitan berita palsu. Dalam tempoh yang sama, sejumlah 51 kertas siasatan telah dibuka oleh pihak SKMM berhubung penyebaran berita palsu, dan 5 daripadanya telah dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman. Usaha yang dijalankan SKMM ini akan diteruskan selaras laporan dan aduan awam yang diterima, terutamanya bilamana melibatkan berita palsu yang boleh menjejaskan keharmonian perhubungan antara berbilang kaum dan agama di dalam negara.

4. Portal Sebenarnya.my yang diwujudkan pada Mac 2017 juga menjadi sumber rujukan bagi orang ramai menentusahkan sesuatu berita yang tular. Selain itu, pelbagai program advokasi dan kesedaran turut dijalankan di media dan di lapangan bagi memupuk kesedaran awam mengenai gejala berita palsu serta pembudayaan amalan menyemak dan menentusahkan sesuatu berita.

5. Jalinan kerjasama antara berbilang agensi (20 agensi Kerajaan dan lebih daripada 130 agensi, organisasi dan syarikat berkaitan Kerajaan) turut dilaksanakan melalui Jawatankuasa Operasi Pengurusan Berita yang Tidak Ditentusahkan Dalam Talian yang bertindak menyelaras koordinasi dalam menguruskan kandungan atau berita palsu. Melalui jalinan kerjasama tersebut, agensi yang terlibat memainkan peranan dengan mengesan dan memantau penularan berita/ maklumat yang tidak benar yang timbul atau menular (*viral*) dan seterusnya mengeluarkan kenyataan menjelaskan atau menafikan sebarang berita palsu/ mengelirukan yang melibatkan agensi dan Kementerian masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD
FAKEH [SABAK BERNAM]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 53

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam membantu pesawah padi khususnya dari segi pemberian baja subsidi dan racun makhluk perosak bagi memastikan pengeluaran padi yang berkualiti dan hasil padi yang tinggi serta apakah langkah Kementerian bagi menyekat aktiviti sindiket penjualan baja subsidi dan racun makhluk perosak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 Kerajaan telah memperuntukan RM232.5 juta bagi pembekalan baja di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan RM281.5 juta bagi pembekalan komponen di bawah Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP) seperti baja Tambahan NPK serta racun makhluk perosak. Dalam membantu pesawah padi khususnya dari segi pemberian baja subsidi bagi memastikan pengeluaran padi yang berkualiti dan hasil padi yang tinggi; antara langkah yang diambil oleh Kementerian adalah dengan memastikan baja yang dibekalkan tersebut memenuhi spesifikasi mutu yang bersesuaian dengan keperluan tanaman. Hal ini dilakukan menerusi ujian analisa kualiti sampel baja yang dibekalkan secara berterusan setiap kali pembekalan dilakukan; dengan mengambilkira elemen-elemen seperti nisbah peratusan kandungan nitrogen (N), fosforus (P_2O_5), dan potassium (K_2O) dalam sesuatu baja tersebut selaras yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal Baja Subsidi Kementerian. Kementerian melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga telah membangunkan suatu Manual Pelaksanaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) yang menggariskan secara terperinci berhubung kaedah pengendalian baja SBPKP termasuk pendaftaran pesawah yang layak, keperluan baja, kaedah terimaan, pengedaran, dan pelupusan, serta kawalan baja.

Selain itu, Kementerian melalui Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga telah membangunkan suatu Manual Pelaksanaan Insentif Meningkatkan Pengeluaran Beras Negara bagi Sub-Program Kawalan Makhluk Perosak dan Rumpai bagi memastikan pengeluaran padi yang berkualiti dan hasil padi yang tinggi. Manual ini menggariskan secara terperinci pengendalian kawalan makhluk perosak dan rumpai bagi membantu mengawal dan mengurangkan kerosakan akibat serangan musuh dan penyakit yang mengancam pengeluaran padi. Di samping itu, pembekalan input pertanian bagi

kawalan makhluk perosak dapat membantu mengawal dan mengurangkan infensi padi angin dan rumput rampai.

Kerajaan juga menyedari bahawa adalah amat penting untuk dilaksanakan kaedah pertanian secara tepat (*precision farming*) yang antaranya bagi memastikan aplikasi baja dan racun dapat dilakukan secara berkesan dan optimum berdasarkan keperluan sebenar ke atas tanaman bagi meningkatkan produktiviti. Untuk tujuan itu, ketika ini Kementerian sedang giat melaksanakan program pemulihan tanah (*soil profiling*) melalui pemetaan profil tanah pertanian bagi memastikan tahap kesuburan tanah yang akan menentukan kesesuaian serta kuantiti bantuan baja yang dibekalkan.

Kementerian juga amat memandang serius aktiviti sindiket penjualan baja subsidi yang berlaku. Kementerian melalui PPK sentiasa mengambil langkah-langkah pengawalan bagi mencegah berlakunya penyelewengan dan ketirisan sepanjang aktiviti pengedaran dilaksanakan. Sepertimana yang telah dinyatakan tadi, Manual Pelaksanaan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) telah dibangunkan untuk digunapakai dalam aktiviti pengedaran baja subsidi Kerajaan. Kementerian juga sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) serta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dalam memantau isu penyelewengan dan ketirisan ini selain melakukan risikan dan gerak gempur terhadap mana-mana pihak yang melakukan penyelewengan sekiranya aduan diterima. Selain daripada mengawasi kaedah pengagihan, Kementerian juga sedang giat melakukan usaha pemutihan pesawah bagi memastikan hanya golongan sasaran yang sebenar layak menerima subsidi berkenaan selain pengagihan juga adalah berdasarkan keperluan sebenar penanaman yang diusahakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 54

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan kepada Lynas untuk terus beroperasi seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri dan bilakah lesen tersebut akan dikeluarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Lesen operasi Lynas masih berkuatkuasa sehingga 2 September 2019. Permohonan perbaharuan lesen boleh dipertimbangkan apabila Lynas membuat permohonan lengkap dan mematuhi syarat-syarat lesen yang ditetapkan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom. Pada masa ini, Lynas belum lagi memohon untuk pembaharuan lesen.
2. Syarat-syarat yang dikenakan oleh Lembaga Perlesenan Tenaga Atom kepada Lynas (Malaysia) Sdn Bhd untuk beroperasi akan mengambilkira semua peruntukan Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304), syarat pelaburan yang dikenakan oleh pihak MITI serta syor oleh *Parliament Select Committee (PSC)* 2012 dan syarat-syarat lain yang akan diputuskan oleh Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 55

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. berapa jumlah peminjam PTPTN hingga Mac 2019 yang langsung tidak membayar pinjaman mereka; dan
- b. apakah Kementerian berhasrat untuk mendapatkan balik pembayaran dengan memotong gaji mereka yang mendapat pendapatan lebih dari RM4 ribu sebulan terus dari majikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Mac 2019, seramai 350,528 orang peminjam tidak pernah membuat bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN yang melibatkan amaun tunggakan berjumlah RM2.86 bilion. Dasar bayaran balik secara potongan gaji mandatori kepada peminjam PTPTN merupakan salah satu idea/cadangan yang disenaraikan di dalam Kertas Konsultasi Rakyat (KKR) untuk dipertimbangkan oleh Kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dapatan daripada KKR ini akan diperhalusi oleh satu Jawatankuasa Penasihat Bebas bagi mengenalpasti cadangan terbaik yang akan digunapakai sebagai mekanisme pembayaran balik PTPTN, seterusnya akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
(PASIR MAS)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah individu yang sedang ditahan di bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) pada hari ini dan bilakah Kerajaan akan bertindak memansuhkan akta ini sebagaimana yang dijanjikan di dalam manifesto Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Sejak Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) dikuatkuasakan pada 31 Julai 2012 sehingga 15 Jun 2019, seramai 974 orang telah ditangkap. Daripada jumlah tersebut, 452 tangkapan membabitkan sindiket penyeludupan manusia dan pemalsuan dokumen, 467 tangkapan ke atas anggota kumpulan militan Daesh @ IS, 49 anggota kumpulan pengganas yang lain dan enam (6) orang lagi ditangkap berkaitan kes pencerobohan di Lahad Datu di bawah Ops Daulat.

Berhubung soalan perancangan Kerajaan untuk memansuhkan SOSMA pula, Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses bagi mendapatkan mandat daripada Jemaah Menteri sebelum ia dibawa ke Parlimen. Dalam hal ini, sebuah Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara (AGC), Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah ditubuhkan bagi menilai dan memperhalusi setiap peruntukan dalam undang-undang berkenaan dengan terperinci.

Memandangkan proses bagi mendapatkan mandat Jemaah Menteri sedang dilaksanakan, maka saya belum boleh menyatakan di dewan yang mulia ini, sama ada undang-undang tersebut perlu dipinda atau dimansuhkan atau undang-undang yang baru perlu diwujudkan. Perkara ini juga perlu mengambil kira pelbagai fakta termasuklah daripada segi kelompangan undang-undang sekiranya SOSMA ini dimansuhkan secara mutlak.

Walau bagaimanapun, Kerajaan memberi jaminan bahawa pindaan atau pemansuhan terhadap undang-undang berkenaan ia tidak akan menjejaskan usaha kerajaan dalam memelihara keselamatan negara daripada pelbagai ancaman termasuklah ancaman daripada kumpulan pengganas dan jenayah terancang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN
BIN TUN HUSSEIN [SEMBRONG]**

TARIKH : 9.7.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 57

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA** menyatakan apakah faktor yang memberi kesan terhadap
kestabilan kos barangan asas berikutan wujud dakwaan berlakunya
monopoli bekalan dan pengeluaran barangan oleh orang tengah.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Barangan asas seperti minyak masak, gula dan tepung gandum adalah **komoditi yang diperdagangkan di pasaran antarabangsa**. Sehubungan itu **penurunan dan kenaikan kos barangan asas** ini sangat **bergantung kepada kadar pertukaran matawang dan penawaran harga daripada negara pengeksporth**.

Selain itu, **faktor-faktor lain** yang menyumbang kepada kestabilan kos barangan berkenaan termasuklah **kadar pengeluaran dan permintaan (*supply and demand*) yang seimbang, kos pengangkutan, tenaga dan lain-lain kos operasi yang berkaitan**.

Di samping itu, Kementerian mengakui bahawa **pelakuan anti persaingan di dalam sesebuah pasaran juga boleh mengakibatkan ketidakstabilan kos barangan asas**. Kartel atau pakatan antara syarikat dan **penyalahgunaan kuasa pasaran yang wujud di mana-mana peringkat rantai bekalan** secara tidak langsung boleh **mengganggu pasaran, dengan mengurangkan persaingan dan menjadikannya hanya tertumpu kepada beberapa pemain pasaran sahaja**. Tingkah laku ini akan mengakibatkan kenaikan kos barangan asas.

Oleh yang demikian, Kementerian, melalui Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan menyiasat kes-kes anti persaingan ini dan sekiranya terbukti bersalah, pihak yang terlibat akan diambil tindakan undang-undang yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN
MOHAMED SAID [KUALA KRAU]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 58

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan tentang kenaikan kadar tarif elektrik secara mendadak, yang menyebabkan bil elektrik pengguna melambung tinggi khususnya menjelang perayaan Aidilfitri.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kenaikan bil elektrik secara mendadak yang berlaku menjelang perayaan Aidilfitri adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) dan bukannya disebabkan oleh kenaikan kadar tarif elektrik. Tiada sebarang kenaikan kadar tarif elektrik yang dikenakan kepada pengguna pada tempoh tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
[PADANG SERAI]
TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelajar-pelajar yang tamat pendidikan STPM dan memperolehi keputusan yang baik, apabila mereka memohon untuk ke jurusan dalam Bahasa Inggeris di universiti tempatan didapati permohonan mereka ditolak. Apakah kelayakan sebenar untuk jurusan tersebut dan mohon penjelasan yang terperinci.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengamalkan prinsip meritokrasi dalam pemrosesan pemilihan kemasukan pelajar ke Universiti Awam (UA). Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal diberi peluang untuk mengikuti pengajian. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan pertimbangkan berdasarkan kepada pilihan program pengajian yang dipohon.

Strategi dan kebijaksanaan calon dalam membuat pemilihan program pengajian dan institusi juga memainkan peranan dalam menentukan kejayaan walaupun pencapaian akademik di tahap sederhana berbanding pelajar cemerlang. Kejayaan calon untuk memperolehi tempat juga bergantung kepada susunan merit selain kecemerlangan dalam proses temu duga yang dilaksanakan di UA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan kompetensi. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 60

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah sistem pendidikan negara peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi menyediakan bakal-bakal graduan untuk menghadapi pekerjaan masa hadapan lebih-lebih lagi dengan Revolusi Industri ke-4 yang telah dan akan terus mengubah landskap pasaran kerja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menyedari kepentingan serta keperluan persediaan KPM bagi menghadapi gelombang revolusi industri 4.0 (IR4.0) dan usaha tersebut bermula dari peringkat sekolah sehingga ke peringkat pengajian tinggi. Bagi tujuan tersebut, pelbagai inisiatif dalam usaha memastikan sistem pendidikan sentiasa maju ke hadapan dan selari dengan kepantasan perkembangan dunia teknologi masa kini telah dirangka. Inisiatif-inisiatif ini juga dilaksanakan bagi memastikan murid-murid di sekolah serta graduan institusi pendidikan tinggi (IPT) yang dilahirkan kekal relevan dan memenuhi keperluan negara IR4.0.

Di peringkat sekolah rendah, melalui pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dilaksanakan mulai tahun 2017, mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) telah mula mendedahkan murid kepada elemen asas IR4.0 terutamanya dalam aspek asas

pengaturcaraan mudah meliputi *algorithm*, *pseudocode* dan carta alir dengan penggunaan perisian seperti *Scratch*, *Arduino*, *Microbits* dan sebagainya. Murid juga didedahkan kepada elemen robotik dalam pembelajaran mereka.

Di peringkat menengah rendah pula, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang mula dilaksanakan pada tahun 2017 turut memberi pendedahan kepada murid mengenai pengaturcaraan yang lebih kompleks melalui mata pelajaran RBT. Murid perlu menghasilkan projek elektronik menggunakan pengaturcaraan serta diperkenalkan dengan sistem kawalan. Murid juga diberi peluang mempelajari mata pelajaran Asas Sains Komputer yang memberi lebih penekanan kepada kemahiran pemikiran komputasional melalui pengekodan atau pengaturcaraan.

Pada peringkat menengah atas, murid boleh memilih salah satu mata pelajaran elektif yang menjurus kepada bidang teknikal dan vokasional berdasarkan kepada minat dan kecenderungan murid. Antara mata pelajaran yang ditawarkan adalah seperti Sains Komputer, Reka Cipta, Automotif, Pengajian Kejuruteraan Eklektrik, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal dan Pengajian Kejuruteraan Awam.

Dalam menongkah kepesatan teknologi yang dinamik serta arus IR4.0, KPM juga sentiasa memastikan program akademik yang ditawarkan di institusi pendidikan tinggi (IPT) adalah terkini dan mempunyai elemen-elemen abad ke-21 dalam masa yang sama memenuhi keperluan guna tenaga negara.

Bagi memastikan program yang ditawarkan bersifat adaptif kepada perubahan, Kementerian amat memberikan penekanan kepada universiti awam (UA) untuk menyemak semula kurikulum secara berkala agar program yang ditawarkan relevan dan memenuhi keperluan industri. Penyemakan kurikulum oleh UA akan mengambil kira pandangan panel daripada pelbagai pihak termasuklah pakar bidang pengajian, pengamal industri dan badan-badan profesional.

Melalui semakan kurikulum UA akan mengenal pasti program akademik yang tidak mempunyai permintaan yang tinggi, tidak menepati kehendak

pasaran dan industri, tidak berdaya saing, kadar kebolehpasaran graduan yang rendah serta tidak bersifat *nation building*, akan dijumlahkan atau dilupuskan. Manakala, program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah program yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan dan tiada duplikasi program.

KPM dan UA melaksanakan transformasi penawaran program akademik universiti awam bagi memastikan program akademik yang hendak ditawarkan merupakan program yang relevan, terkini dan mempunyai kadar kebolehpasaran graduan yang tinggi seperti 2u2i, *Work Based learning* dan sebagainya.

KPM juga terus memperkasakan institusi TVET dalam melatih dan menyediakan tenaga kerja mahir bagi keperluan negara dalam jangka masa yang panjang. Dengan komitmen tujuh (7) kementerian yang melaksanakan program TVET, KPM yakin keperluan tenaga kerja yang bakal dilahirkan pada 30 tahun akan datang dapat dipenuhi. Bagi menghadapi IR4.0, langkah strategik yang perlu diambil adalah meningkatkan latihan *upskilling* dan *reskilling* kepada graduan agar mereka bersedia menghadapi gelombang teknologi ini. Berkaitan dengan trend perniagaan atas talian (*Business on-line*), KPM berpandangan trend tersebut telah menjadi suatu kemestian dalam dunia perniagaan pada masa sekarang.

Sekian, terima kasih

RJM 58

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT (SRI AMAN)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah kerajaan mempunyai statistik peyeludupan dadah melalui sempadan Sarawak - Kalimantan dari tahun 2015 - 2018. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi tempoh empat tahun mulai tahun 2015 hingga 2018 seramai 17 orang warganegara Malaysia dan 10 orang warganegara Indonesia telah berjaya ditangkap di sempadan Negeri Sarawak dengan Kalimantan Barat Indonesia atas kesalahan memiliki dan mengedar dadah di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Kerajaan memandang serius isu penyeludupan dadah menerusi sempadan negara termasuklah sempadan Negeri Sarawak dengan Kalimantan Barat Indonesia. Kerajaan melalui agensi-agensi di bawah KDN seperti PDRM dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sentiasa mempertingkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan dalam dan luar negara bagi berkongsi dan bertukar maklumat risikan dalam usaha mengekang aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah di sempadan negara.

SOALAN NO : 61

Antara langkah-langkah yang dilaksanakan dalam usaha menyekat aktiviti pengedaran dadah di sempadan Negeri Sarawak dengan Kalimantan Barat Indonesia adalah seperti berikut :

- a) Menjalinkan hubungan kerjasama yang berterusan dengan agensi penguatkuasaan dadah Indonesia melalui perkongsian maklumat risikan serta kerjasama operasi;
- b) Menjalankan pemantauan dan operasi di kawasan yang dikenal pasti merupakan laluan haram yang dipercayai digunakan oleh sindiket dadah bagi menjalankan aktiviti penyeludupan dan pengedaran dadah;
- c) Menempatkan pegawai perhubungan sekolah di sekolah-sekolah bagi tujuan pemantauan penglibatan pelajar-pelajar dalam aktiviti jenayah termasuk penyalahgunaan dadah; dan
- d) Cadangan untuk pengoperasian AKSEM di Negeri Sabah dan Sarawak bagi meningkatkan lagi tahap penguatkuasaan di sempadan darat Sabah dan Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
(SERIAN)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan bilangan anggota RELA di seluruh negara.**

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Sehingga hari ini, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah berjaya menarik minat pelbagai latar belakang kaum, lapisan umur, pendidikan dan pekerjaan sebagai anggota. Berdasarkan rekod, keanggotaan RELA sehingga 19 Jun 2019 adalah seramai 3,102,598 orang di seluruh negara.

Daripada jumlah tersebut, negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai keanggotaan RELA tertinggi iaitu sebanyak 492,415, diikuti negeri Sarawak 358,038 orang dan negeri Sabah 294,660. Manakala mengikut jantina seramai 1,837,219 orang adalah Relawan manakala 1,265,379 orang pula adalah Relawati.

Golongan belia yang berumur 18 sehingga 40 tahun merupakan jumlah terbesar keanggotaan RELA iaitu seramai 1,939,497 orang iaitu bersamaan 62%. Manakala selebihnya iaitu seramai 1,163,101 berumur 40 tahun dan ke atas.

Di samping itu juga, daripada jumlah keanggotaan tersebut, kaum Melayu merupakan kaum majoriti yang menjadi anggota RELA iaitu sebanyak 68% atau 2,121,131 orang. Kaum-kaum utama yang lain seperti kaum Cina sebanyak 12.43% iaitu seramai 385,473 orang diikuti kaum India seramai 136,799 iaitu mewakili 4.42% manakala penyertaan lain-lain kaum pula sebanyak 15% iaitu 459,195 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI MOHD. SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 63

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha-usaha baharu untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu serta Bahasa Inggeris di kalangan murid yang mendapatkan perkhidmatan pendidikan di Sekolah Kerajaan, Sekolah Bantuan Kerajaan dan Sekolah Swasta.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberikan keutamaan yang sama antara bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Pelbagai usaha telah dan akan diteruskan bagi memastikan dasar ini dilaksanakan meliputi semua jenis sekolah sama ada Sekolah Kerajaan, Sekolah Bantuan Kerajaan dan Sekolah Swasta.

Bagi memperkukuhkan kedudukan bahasa Melayu dalam sistem, selain daripada Dasar MBMMBI, KPM terus mengambil langkah memperkukuh kedudukan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan melalui usaha seperti berikut:

1. Penyediaan Pelan Hala Tuju Memartabatkan Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025;

2. Pelaksanaan Kurikulum Mata Pelajaran Bahasa Melayu persekolahan peringkat rendah dan menengah turut menyokong ke arah menjaga dan memartabatkan bahasa Melayu; dan
3. Penggubalan Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) untuk menyetarakan penguasaan dan pemerolehan bahasa Melayu dalam kalangan penutur. KSBM digunakan sebagai sandaran untuk membina instrumen kompetensi penguasaan bahasa Melayu bukan sahaja dalam bidang pendidikan tetapi juga dalam semua jenis bidang pekerjaan.

Pelan Hala Tuju Memartabatkan Bahasa Melayu 2016-2025 menyenaraikan sembilan (9) strategi pelaksanaan seperti berikut:

1. Memperkasakan Bahasa Melayu Melalui Kurikulum di Semua Sekolah.
2. Memperkasakan Kesusasteraan Melayu.
3. Memperkasakan Pentaksiran Bahasa Melayu.
4. Memperkukuh Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Kokurikulum.
5. Meningkatkan Keterampilan Berbahasa Guru Bahasa Melayu.
6. Menginstitusikan Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu Sebagai Peneraju Kecemerlangan Guru Bahasa Melayu.
7. Memperluas Jalinan dan Jaringan Dengan Semua Pihak Luar.
8. Meningkatkan Publisiti Penggunaan Bahasa Melayu Standard.
9. Memperkayakan Khazanah Ilmu BM Melalui Penyelidikan dan Inovasi

Bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris pula, KPM telah menyediakan satu pelan ***English Language Education Reform in Malaysia–The Roadmap 2015-2025*** iaitu perancangan 10 tahun untuk memastikan program Bahasa Inggeris di Malaysia dari peringkat prasekolah ke peringkat institusi pendidikan tinggi (IPT) yang merangkumi peringkat pendidikan guru sejajar dengan piawaian antarabangsa iaitu *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR).

KPM juga sentiasa komited dalam usaha untuk meningkatkan taraf penggunaan bahasa Inggeris dalam sistem pendidikan Malaysia. Usaha

yang telah diambil adalah tertumpu kepada empat (4) keberhasilan utama berikut iaitu;

1. Penjajaran silibus dengan piawaian antarabangsa

KPM telah memulakan usaha sama dengan *Cambridge English UK* bagi tempoh lima tahun dari tahun 2016 hingga 2020 dalam penjajaran silibus Bahasa Inggeris (BI), sumber pengajaran dan pembelajaran dan pentaksiran kepada kerangka standard CEFR.

2. Meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris

Perkara ini dilaksanakan melalui dua program iaitu *Highly Immersive Programme (HIP)* dan *Dual Language Programme (DLP)*. Program yang dilaksanakan untuk memberi peluang kepada murid meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris.

3. Meningkatkan kemahiran Bahasa Inggeris guru Bahasa Inggeris

Perkara ini dilaksanakan melalui tiga (3) program iaitu:

- a. *Professional Up-skilling of English Language Teachers (Pro-ELT)*.
- b. Program Intervensi Tambah Opsyen Bahasa Inggeris, dan
- c. Program *English for Preschool Teachers*

4. Menyediakan intervensi bersasaran kepada sekolah mengikut keperluan murid

KPM melaksanakan beberapa program untuk meningkatkan keberhasilan murid dalam bahasa Inggeris dan mengupayakan murid untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan yakin dan berkesan. Dua (2) program yang dilaksanakan di bawah keberhasilan utama tersebut ialah;

- a. Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris Di Sekolah (PPKBIS); dan
- b. *Literature (English) International General Certificate Of Secondary Education (IGCSE)*.

NO. SOALAN : 63

Selaras dengan pelaksanaan DLP di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan pada tahun 2016, sekolah swasta yang melaksanakan Kurikulum Kebangsaan turut melaksanakan DLP di sekolah masing-masing berdasarkan permohonan yang telah diluluskan oleh KPM.

Sehingga tahun 2019, terdapat 35 buah sekolah rendah swasta dan 35 buah sekolah menengah swasta yang telah diluluskan untuk melaksanakan DLP bagi mata pelajaran yang telah ditetapkan oleh KPM. Pelaksanaan DLP di sekolah swasta adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh KPM termasuklah melaksanakan program khusus Bahasa Melayu kepada murid yang terlibat dalam DLP bagi memastikan kemahiran Bahasa Melayu murid dipertingkatkan.

Berdasarkan pemantauan yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 dan 2018 ke atas 19 buah sekolah yang melaksanakan DLP mendapati semua sekolah melaksanakan program pemantapan Bahasa Melayu kepada murid yang terlibat dalam DLP melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang seperti program Minggu Bahasa Melayu, kelas pemulihan Bahasa Melayu, sudut pengucapan awam dan pelbagai aktiviti lain.

Sekian, terima kasih.

RJM 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 64

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian berhasrat memberhentikan atau merubah kursus matrikulasi yang dikendalikan Kementerian sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih belum berhasrat untuk menamatkan Program Matrikulasi KPM. Sehingga kini, jurusan yang ditawarkan di Program Matrikulasi KPM masih relevan dengan kehendak pemegang taruh terutamanya universiti awam di Malaysia.

Program Matrikulasi KPM terbahagi kepada dua sistem iaitu Sistem Dua Semester (1 tahun) dan Sistem Empat Semester (2 tahun). Sistem Dua Semester menawarkan empat jurusan iaitu Jurusan Sains, Jurusan Kejuruteraan, Jurusan Perakaunan dan Jurusan Perakaunan Profesional.

Jurusan Sains dan Perakaunan telah ditawarkan semenjak Program Matrikulasi KPM bermula iaitu pada tahun 1999. Manakala Jurusan Kejuruteraan pula bermula pada tahun 2009, hasil cadangan Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik Program Matrikulasi KPM. Hal ini bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan di mana-mana universiti dan mewujudkan satu lagi saluran kemasukan pelajar sekolah menengah teknik ke

pengajian tinggi. Jurusan Perakaunan Profesional pula bermula pada tahun 2018 untuk memberi lebih akses pendidikan kepada bumiputera lepasan SPM menyambung pengajian dalam bidang profesional selaras inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025.

Kurikulum Program Matrikulasi KPM digubal, disemak dan diperaku oleh panel pakar UA mengikut bidang untuk memenuhi keperluan tahun pertama ijazah sarjana muda di UA. Standard kurikulum dan pentaksiran Program Matrikulasi KPM diperaku oleh Jawatankuasa Penasihat Akademik Program Matrikulasi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia dan dianggotai oleh semua Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UA, Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik Sektor Pengajian Tinggi dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Kurikulum Program Matrikulasi KPM juga digubal dan disemak berteraskan Pendidikan Berasaskan Hasil (*Outcome-Based Education*, OBE) selaras keperluan Standard Kursus Asas (*Foundation*) 2014, Kod Amalan Akreditasi Program 2.0, Garis Panduan Amalan Baik: Rekabentuk dan Penyampaian Kurikulum dan Garis Panduan Amalan Baik: Penilaian Pelajar yang ditetapkan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Penyemakan kurikulum Program Matrikulasi KPM adalah hasil pemetaan antara kurikulum Program Matrikulasi KPM dengan kurikulum STPM, Pusat Asasi Sains Universiti Malaya (PASUM), Pusat Asasi UiTM, Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Institut Pendidikan Guru, United Kingdom (UK) A-Level, *International Baccalaureate* dan Singapore A-Level. Penandaarasan standard kurikulum dan pentaksiran telah dilaksanakan dengan program A-Level UK-Pearson Edexcel bagi memastikan Program Matrikulasi KPM setanding dengan peringkat A-level. Selain itu, Program Matrikulasi KPM telah melalui proses penandaarasan oleh Pusat Asasi Universiti Malaya (PASUM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
(PASIR MAS)**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan peranan yang dimainkan oleh Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan industri pertahanan tempatan, dan setakat mana Kerajaan berminat untuk beralih kepada produk tempatan sekiranya ada firma tempatan yang didapati mampu mengeluarkan sesuatu produk secara "*home grown*".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) ditubuhkan sebagai jabatan yang bertanggungjawab di atas segala aktiviti sains dan teknologi pertahanan di peringkat nasional merangkumi:

1. Dasar Sains dan Teknologi Pertahanan;
2. Perancangan Pelaksanaan dan Penyelarasan Sains dan Teknologi Pertahanan;
3. Perkhidmatan Teknikal kepada ATM;
4. Rakan Teknologi kepada Industri Pertahanan Tempatan;
5. Kerjasama Sains dan Teknologi Pertahanan Antarabangsa; dan
6. Pusat Rujukan Sains dan Teknologi Pertahanan.

STRIDE melaksana dan mengurus Program Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan Produk (RDI&C) dalam bidang Sains dan Teknologi Pertahanan. STRIDE juga melaksanakan Projek *Research and Development* (R&D) berskala jangka panjang di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMK) bagi menghasilkan produk R&D yang lebih inovatif dan berimpak tinggi serta boleh dikomersialkan untuk kegunaan pihak ATM.

STRIDE juga bertanggungjawab dalam menyediakan kepakaran dan perkhidmatan teknikal kepada ATM seperti melaksanakan pengujian di makmal atau di lapangan, penilaian teknikal dan penyiasatan. Pembangunan dan pengesahan spesifikasi secara komprehensif bagi memastikan keupayaan ATM dari segi teknologi dan aset pertahanan berada di tahap kesiagaan yang tinggi. Selain itu, STRIDE juga menyediakan kepakaran dan khidmat nasihat perundingan kepada agensi kerajaan dan industri pertahanan tempatan.

Kerajaan menggalakkan produk "*home grown*" (*indigenous product*) dan tiada halangan serta memberi sokongan penuh kepada industri tempatan sekiranya produk tempatan tersebut memenuhi (*comply*) spesifikasi pertahanan serta kriteria yang berkaitan dengan *capability*, *functionality* dan *operability* ATM. STRIDE mempunyai kepakaran untuk membantu produk yang dibangunkan oleh industri tempatan melalui pengujian dan pengesahan kualiti dalam menentukan kesesuaian produk sama ada boleh digunapakai oleh ATM atau sebaliknya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN MOHAMED @
HASHIM (KUALA TERENGGANU)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan siasatan kes rusuhan yang berlaku di kuil Sri Maha Mariamman bagi jenayah-jenayah lain dalam Kanun Keseksaan yang tidak membabitkan kematian Allahyarham Muhammad Adib seperti jenayah khianat dengan api, merusuh, melakukan khianat dan pencerobohan jenayah.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius kes rusuhan yang berlaku di kuil Sri Mariamman. Berdasarkan laporan-laporan yang diterima, Pihak PDRM telah membuka sebanyak 68 kertas siasatan termasuk kes kematian Allahyarham Muhammad Adib. Susulan itu, sebanyak 106 orang tangkapan telah dibuat dan seramai 7 orang telah pun dituduh di Mahkamah.

Kertas siasatan dibuka berdasarkan pelbagai seksyen kesalahan di bawah Kanun Keseksaan seperti Seksyen 147/148 KK (Merusuh), Seksyen 447 KK (Menceroboh), Seksyen 427 KK (Khianat), Seksyen 435 KK (Khianat dengan api), Seksyen 324/326 (Mendatangkan kecederaan parah), Seksyen 186 KK (Menghalang penjawat awam menjalankan tugas), Seksyen 506 KK (Ugutan Jenayah) dan Seksyen 393/395/397 (Samun). Selain itu juga kertas siasatan di bawah Akta Hasutan 1948 dan Akta Bahan-Bahan Kakisan Dan Letupan Dan Senjata Berbahaya 1958 (ABKLSB) turut dibuka.

Daripada 68 kertas siasatan yang telah dibuka, sebanyak 4 kertas siasatan telah dibuat pertuduhan manakala sebanyak 28 kes masih dalam tindakan lanjut dan sebanyak 36 kertas siasatan telah di *Non Further Action* (NFA) / Kemas Untuk Simpan (KUS) oleh Pihak Jabatan Peguam Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' HJ SALIM SHARIF (JEMPOL)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perancangan jangka panjang bagi mengatasi kes penculikan kanak-kanak, remaja dan warga emas yang semakin membimbangkan serta keberkesanan aplikasi National Urgent Response Alert (NUR Alert) bagi mengekang gejala tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) memandang serius kes penculikan yang berlaku sama ada melibatkan kanak-kanak atau orang dewasa kerana boleh menimbulkan kebimbangan dan keresahan kepada masyarakat. Justeru itu, PDRM mempunyai Cawangan dan Operasi yang khusus (Ops Scorpions) untuk mengendalikan sebarang kes penculikan yang berlaku dalam negara.

Selain itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) menasihatkan orang ramai agar menutup segala ruang dan peluang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah dengan mengambil langkah pencegahan seperti tidak membiarkan anak-anak mereka untuk bergerak atau bermain bersendirian atau bercakap dengan orang yang tidak di kenali ketika berada di luar rumah. Sentiasa mengingatkan anak-anak tentang keselamatan diri dan tindakan-tindakan yang perlu diambil jika berlaku keadaan kecemasan.

Selain itu, laporan kehilangan kanak-kanak yang berumur bawah 12 tahun akan turut disebarkan melalui medium *National Urgent Response Alert (NUR Alert)* bagi mendapatkan bantuan orang ramai di dalam usaha mengesan keberadaan kanak-kanak tersebut. Maklumat kehilangan kanak-kanak berkenaan akan dikongsikan kepada beberapa agensi yang lain seperti pihak bank, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), penyedia perkhidmatan telekomunikasi (*service provider*) dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Medium *NUR Alert* ini adalah kerjasama antara Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 68

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini kajian yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa khas pengumpulan maklum balas berhubung dengan pengiktirafan UEC oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Petugas Dasar Unified Examination Certificate (PPDUEC) masih dalam proses menjalankan kajian mengenai isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Pasukan ini telah mula menjalankan tugas secara rasmi pada 21 November 2018 dan diberi tempoh selama enam (6) bulan, iaitu sehingga akhir Julai 2019 untuk jawatankuasa khas ini meneliti dan menyediakan syor-syor berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC kepada pengurusan tertinggi KPM.

Sehingga kini, pasukan petugas tersebut telah melaksanakan sesi libat urus dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai aspek bagi memuktamadkan isu ini. Pasukan petugas ini telah menjalankan libat urus dengan 17 orang tokoh individu (bidang pendidikan, politik dan sosial), 24 buah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), tiga (3) buah parti

NO. SOALAN : 68

politik dan lapan (8) agensi kerajaan bagi memastikan pandangan dan cadangan berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC sebagai syarat am kelayakan untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam (IPTA) bersifat menyeluruh.

Jawatankuasa tersebut kini dalam proses kajian dan penulisan akhir laporan mengenai isu UEC. Dapatan dan syor-syor berkaitan akan diteliti oleh pihak Kementerian dan seterusnya akan diangkat kepada Jemaah Menteri untuk keputusan dasar mengenai isu pengiktirafan sijil UEC.

Sekian, terima kasih

RJM 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB ARTHUR JOSEPH KURUP (PENSIANGAN)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah cadangan untuk menaik taraf Pusat Kastam, Immigresen dan Kuarantin (CIQ) di daerah Pensiangan dan Pagalungan dengan sempadan Kalimantan Indonesia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan penaiktarafan Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Pensiangan daripada Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sabah adalah dalam proses penelitian oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Cadangan tersebut melibatkan kesesuaian lokasi pos dengan mengambil kira faktor geografi dan infrastruktur yang menghubungkan daerah Pagalungan dan Keningau bagi kemudahan pelawat dari kedua-dua negara Malaysia dan Indonesia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 70

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peratusan peminjam PTPTN yang menganggur lebih daripada setahun setelah tamat belajar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PTPTN tiada rekod data terperinci mengenai status pekerjaan peminjam memandangkan rekod data peminjam di PTPTN adalah merupakan rekod peminjam semasa memohon pinjaman dan tiada data status pekerjaan.

Namun begitu, berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) Tahun 2018 Kementerian Pendidikan Malaysia, di kalangan graduan peminjam PTPTN yang telah menamatkan pengajian dalam tempoh satu (1) tahun, 8.9 peratus adalah Belum Bekerja. Kadar ini telah menurun sebanyak 11.5 peratus dalam tempoh tiga (3) tahun dari tahun 2016 yang menunjukkan sebanyak 20.4 peratus graduan Belum Bekerja.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 71

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sebab dan alasan membenarkan Lynas Corporation terus beroperasi dan memperbaharui lesennya di Malaysia dan apakah keputusan terkini Kementerian hasil perbincangan dengan pihak Lynas Corporation berhubung sisa bahan radioaktif yang dibuang di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sehingga kini, berdasarkan pemantauan dan kajian pihak ketiga (Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi Lynas Advances Materials Plant (LAMP) di dapati Lynas telah mematuhi semua syarat lesen dan beroperasi mengikut piawaian antarabangsa. Di samping itu, LPTA selaku pengawalselia juga melakukan pemeriksaan berkala ke atas premis Lynas serta menjalankan pensampelan alam sekitar sebagai verifikasi.

2. Pada masa ini, pihak Lynas telah membuat rayuan ke atas prasyarat pembaharuan lesen iaitu membawa keluar semua residu WLP dari Malaysia sebelum 2 September 2019. Sehubungan itu, Menteri MESTECC telah menetapkan tarikh perbincangan rayuan oleh Lynas pada 28 Jun 2019 selaras dengan Seksyen 32 Akta Perlesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304). Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 72

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan program matrikulasi Kementerian di IPTA, bilangan penyertaan setiap kaum dan usaha untuk menyamaratakan penyertaan antara kaum.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Pendidikan Kebangsaan telah menyasarkan 60 peratus murid dalam aliran Sains dan Teknologi dan 40 peratus murid dalam aliran Sastera. Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Asasi Universiti Awam yang dirangka, merupakan program persediaan bagi pelajar Bumiputera lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang untuk mengikuti pengajian ijazah pertama di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik. Bagi meningkatkan akses pendidikan tinggi kepada semua, program Matrikulasi KPM dan beberapa program asasi Universiti Awam telah juga dibuka kepada bukan Bumiputera.

Pada Sesi Akademik 2019/2020, sejumlah 10,605 orang calon lepasan SPM telah memohon kemasukan ke program asasi di universiti awam melalui UPUOnline dengan pecahan 77.4 peratus (8,206) Bumiputera, 10.1 peratus (1,067) Cina, 12.6 peratus (1,332) India dan lain-lain kaum. Dari jumlah tersebut, sebanyak 4,592 orang telah berjaya ditawarkan tempat pengajian di universiti awam dengan pecahan 51.8 peratus (4,254) Bumiputera, 14.3 peratus (153) Cina, 13.9 peratus (185) India dan 31 peratus lain-lain. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN WONG SHU QI (KLUANG)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada anak kelahiran warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun ke bawah dibenarkan untuk memegang dwi-kewarganegaraan seperti yang dinasihati oleh Kedutaan Malaysia di luar negara dan apakah proses permohonan untuk memperolehi kewarganegaraan Malaysia sekiranya mereka mempunyai kewarganegaraan negara bapa.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mengiktiraf pemilikan dwi-kewarganegaraan. Perkara 24 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa mana-mana warganegara Malaysia yang telah memperolehi kewarganegaraan asing boleh dikenakan tindakan pelucutan kewarganegaraan. Peruntukan tersebut terpakai bagi semua peringkat umur termasuklah individu berumur bawah 21 tahun.

Berhubung dengan pemerolehan kewarganegaraan bagi individu berumur bawah 21 tahun yang dilahirkan hasil perkahwinan antara wanita warganegara Malaysia dengan lelaki warga asing, permohonan boleh dikemukakan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan. Permohonan dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh kelahiran boleh dikemukakan di Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara. Sekiranya melebihi tempoh tersebut, permohonan perlu dikemukakan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Bagi dengan anak yang telah memegang kewarganegaraan asing mengikut bapanya, anak berkenaan perlu melepaskan kewarganegaraan tersebut sekiranya permohonan kewarganegaraan Malaysia mereka diluluskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO : 74

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan peranan yang dimainkan oleh FAMA, senaraikan bantuan dan skim yang dibekalkan oleh FAMA. Nyatakan semua aktiviti dan bantuan yang telah dilakukan oleh FAMA SibU sejak 2015 mengikut tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) 1965, FAMA ditubuhkan bagi tujuan menyelia, menyelaraskan, mengawal selia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian Malaysia termasuk pengimportan dan pengeksportan. Antara peranan FAMA adalah untuk memperluaskan pasaran produk agromakanan, meningkatkan pendapatan pengeluar serta memastikan produk-produk pertanian dan industri asas tani tersedia dan boleh diperolehi pada harga mampu dibayar pengguna.

2. Bagi melaksanakan peranan ini, program/projek FAMA adalah merangkumi aktiviti di sepanjang rantai bekalan daripada peringkat ladang sehinggalah ke peringkat pengguna. Secara keseluruhannya, bantuan/khidmat pemasaran yang diberikan oleh FAMA boleh dikategorikan seperti berikut:

- i. Menyediakan outlet pasaran terus kepada pengguna melalui outlet-outlet yang dibangunkan seperti:
 - Pasar Tani
 - Myfarm Outlet
 - Pasar Tani Kekal
 - Gerai Buah-buahan Segar
 - Agrobazaar Kedai Rakyat
 - Agrobazaar Rakyat
 - Agrobazaar K-Shoppe
 - Karavan Tani
 - Medan Niaga Satok
 - RTC di Kelantan dan di Perak
 - Luang pasaran juga diwujudkan melalui pelaksanaan program Jualan Terus Dari Ladang (JTDL), My Best Buy (MBB) dan Bazar Peduli Rakyat (BPR).

SOALAN NO: 74

- ii. Menyediakan kemudahan infrastruktur seperti:
- Pusat Pengumpulan Ladang;
 - sewaan bilik sejuk di Pusat-pusat Operasi FAMA; dan
 - sewaan Pusat Memproses Buah-buahan Sejuk Beku FAMA.
- iii. Memberikan bantuan menaik taraf premis dan input/peralatan pemasaran seperti:
- papan tanda perniagaan yang seragam;
 - mengecat semula premis (luar dan dalam ruang perniagaan) dengan warna yang seragam;
 - pinjaman pelbagai peralatan yang ditentukan dan berkaitan dengan produk;
 - pembekalan bahan-bahan promosi (gegantung, kain rentang, beg plastik dan lain-lain); dan
 - kanopi kekal/mudah alih.
 - Contoh program: Agrobazaar Rakyat, Agrobazaar Kedai Rakyat, Agrobazaar K-Shoppe.
- iv. Memberikan latihan dan khidmat bimbingan seperti:
- latihan keusahawanan;
 - latihan pemasaran melalui media sosial; dan
 - latihan dan khidmat nasihat meliputi skop pemasaran dan perniagaan, amalan pertanian baik dan kualiti dan gred keluaran pertanian.
 - Contoh program: Kursus Pengendalian Lepas Tuai, kursus upskilling, kursus untuk usahawan IAT.
- v. Menawarkan bantuan jaminan pasaran melalui belian terus dengan berasaskan terma yang dipersetujui (*Forward Agreement*).

SOALAN NO: 74

- vi. Menawarkan bantuan khidmat pemasaran / pengaturan pasaran seperti:
- FAMA menjadi fasilitator kepada peserta yang berurusan terus dengan pemasar; dan
 - berperanan selaku *buyer of last resort*.
- vii. Menyediakan maklumat harga pasaran bagi produk agromakanan terpilih di peringkat ladang, borong dan runcit yang boleh diakses secara percuma melalui laman web FAMA dan aplikasi MyHarga Tani.
- viii. Melaksanakan Program Galakan Pasaran Dalam dan Luar Negara dengan aktiviti seperti berikut:
- membimbing usahawan dalam penyertaan expo dalam & luar negara;
 - ruang untuk menyertai promosi jualan/promosi dalam pasaraya (in-store) anjuran FAMA;
 - membiayai kos untuk khidmat penterjemah dan promoter berbahasa asing ketika menyertai program bersama FAMA di luar negara; dan
 - membiayai kos hantaran sampel produk ketika menyertai program bersama FAMA di luar negara.
 - Contoh program: Pameran Brunei Consumer Fair 2017 dan Gulfood Dubai 2018.
- ix. Menyediakan platform untuk usahawan-usahawan memasarkan produk serta perkhidmatan berasaskan pertanian secara maya kepada pengguna melalui Agrobazaar Online tanpa sebarang bayaran.

SOALAN NO: 74

3. Senarai aktiviti dan bantuan yang telah dilakukan oleh FAMA Sibu sejak tahun 2015 mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN 2015

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	JUMLAH USAHAWAN	JENIS BANTUAN	NILAI BANTUAN (RM)	LOKASI
1.	Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR)	1	Bantuan berbentuk <i>in-kind contribution</i> bernilai RM15,000 (maksimum) i) Rak sayur ii) Pemasangan <i>Signboard</i> dan tunjuk arah iii) Bakul sayur iv) Rak gondola v) Kerja-kerja mengecat premis dan ubahsuai	15,000	Kampung Datu, Sibu, Sarawak
3.	Agrobazaar Kedai Rakyat (AKR)	1	Bantuan berbentuk <i>in-kind contribution</i> bernilai RM15,000 (maksimum) i) Rak sayur ii) Pemasangan <i>Signboard</i> dan tunjuk arah iii) Bakul sayur iv) Rak gondola v) Kerja-kerja mengecat premis dan ubahsuai	15,000	Jln Delta, 1 B, Off Jln Tun Hj. Openg, Sibu

SOALAN NO: 74

4.	Pasar Tani Kekal Permai Jaya	64	Kos binaan RM300,000	300,000	Jalan Permai, Sibul
5.	Pasar Tani Bazaar Ramadhan	20	Bantuan penyediaan kanopi dan tapak	-	
6.	Agrobazaar K-Shoppe	1	Bantuan berbentuk <i>in-kind contribution</i> bernilai RM15,000 (maksimum). i) Pemasangan <i>Signboard</i> ii) <i>Frezeer</i> iii) Rak gondola iv) Kerja-kerja mengecat premis dan ubahsuai	15,000	Mastura Mini Market, Sibul
7.	Urusniaga FAMA (Segar)			29,624	
8.	Pusat Pengumpulan Ladang (David Multifarm)	1	Kos binaan PPL ini adalah bernilai RM47,000	47,000	Kpg. Sungai Lengan
9.	Pusat Pengumpulan Ladang Mudah Alih (En. Juel AkLanting)	1	Kos binaan PPL ini adalah bernilai RM15,000	15,000	Kpg. Sungai Lengan

TAHUN 2016

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	JUMLAH USAHAWAN	JENIS BANTUAN	NILAI BANTUAN (RM)	LOKASI
1.	Urusniaga FAMA Segar		Belian Hasil Agromakanan	32,676	

TAHUN 2017

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	JUMLAH USAHAWAN	JENIS BANTUAN	NILAI BANTUAN (RM)	LOKASI
1.	Agroprenuer Muda (Usahawan Pemprosesan Cili Boh)	1	Bantuan berbentuk <i>in-kind contribution</i> bernilai RM14,828 <ul style="list-style-type: none"> <i>i. Heavy duty stand fan</i> <i>ii. Fan exhaust wall 12"</i> <i>iii. Tong penyimpan air</i> <i>iv. Stainless steel water container</i> <i>v. Invoice printer</i> <i>vi. Bantuan pembungkusan</i> <i>vii. Outdoor water printer</i> <i>viii. Alat timbang 50kg</i> <i>ix. Multiraxpvc heavy duty</i> 	14,828	
2.	Urusniaga FAMA Segar		Belian Hasil Agromakanan	52,059	

TAHUN 2018

BIL	PROGRAM/ AKTIVITI	JUMLAH USAHAWAN	JENIS BANTUAN	NILAI BANTUAN (RM)	LOKASI
1.	Urusniaga FAMA Segar		Belian Hasil Agromakanan	33,074	

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 75

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan proses dan prosedur untuk mendapatkan lesen bagi mengeksport durian ke China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian tidak pernah mengenakan sebarang lesen untuk mengeksport durian ke mana-mana destinasi luar negara termasuk Republik Rakyat China. Namun demikian, setiap konsainan yang bakal dieksport perlulah memohon permit eksport daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Bagi tujuan pengeksportan durian ke Republik Rakyat China, mana-mana syarikat yang berminat perlulah mematuhi prosedur dan keperluan yang dinyatakan di dalam protokol pengeksportan yang telah ditandatangani oleh kedua-dua negara pada 20 Ogos 2018 yang lalu. Setelah syarikat memenuhi kesemua prosedur dan keperluan protokol yang berkaitan, lulus pemeriksaan audit dan diberikan kebenaran mengeksport oleh pihak The General Administration of Customs of the People's Republic of China (GACC), baharulah permit eksport boleh dikeluarkan dan pengeksportan durian sejuk beku ke Republik Rakyat China dapat dijalankan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 76

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah peminjam PTPTN daripada golongan isi rumah B40 dan M40 yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kepujian kelas pertama yang mendapatkan pengecualian bayaran balik dan jumlah peminjam warga emas PTPTN yang berpendapatan RM2,000 hingga RM4,000 sebulan dan konsisten membayar balik dalam tempoh tiga tahun sebelum umur 60 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah insentif belanjawan 2019, kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan dasar pengecualian bayaran balik pinjaman kepada peminjam daripada isi rumah b40 dan m40 yang mendapat ijazah sarjana muda kelas pertama, serta menghapus kira baki hutang kepada peminjam yang berusia 60 tahun dan ke atas yang berpendapatan kurang daripada RM4,000 sebulan, mulai 1 Januari 2019.

Bagi tempoh 1 Januari sehingga 31 Mei 2019, seramai 11 orang peminjam daripada golongan isi rumah B40 dan M40 telah diluluskan pengecualian bayaran balik kerana memperoleh ijazah sarjana muda kelas pertama, daripada keseluruhan 19 permohonan yang diterima. Manakala, terdapat seorang peminjam warga emas PTPTN yang berpendapatan RM2,000 hingga RM4,000 sebulan dan membayar balik secara konsisten dalam tempoh tiga tahun sebelum berumur 60 tahun. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 77

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a. apakah statistik terkini jumlah pelajar yang gagal melengkapkan persekolahan dari Tahun Satu sehingga tamat Tingkatan Lima; dan
- b. apakah usaha Kementerian memastikan semua murid-murid dapat melengkapkan persekolahan sebelum meminda Akta Pendidikan untuk mewajibkan perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Berdasarkan data Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 31 Januari 2019, jumlah keseluruhan murid berumur 13 hingga 17 tahun yang tidak mendaftar di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan adalah seramai 18,421 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 3,077 adalah murid Tingkatan Satu, 2,690 murid Tingkatan Dua, 10,002 murid Tingkatan Tiga, dan 2,651 murid Tingkatan Empat.
- b. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Seksyen 29A, Akta Pendidikan 1996 yang sedang berkuat kuasa hanya memperuntukkan pendidikan rendah (pendidikan 6 tahun persekolahan) adalah menjadi pendidikan wajib. Walau

bagaimanapun, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah mencadangkan pelanjutan pendidikan wajib daripada enam (6) tahun kepada 11 tahun persekolahan. Perkara ini sedang diusahakan oleh KPM mengambil kira kepentingan semua murid serta faktor-faktor lain yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, KPM memberi perhatian dan sentiasa berusaha dalam memastikan semua murid dapat melengkapkan persekolahan dari Tahun Satu sehingga tamat Tingkatan Lima. Pelbagai pendekatan telah diambil oleh KPM antaranya:

1. penubuhan Jawatankuasa Penyiasatan Murid Cicir (JPMC) di setiap sekolah rendah dan Jawatankuasa Peningkatan Enrolmen Menengah (JPEM) di setiap sekolah menengah bagi mengekalkan semua murid bersekolah sehingga tamat Tingkatan Lima;
2. mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 4 Tahun 2018 bertarikh 31 Mei 2018 berkaitan Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC) di sekolah. Garis panduan ini telah diedarkan ke semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan bertujuan membantu pihak sekolah mengenal pasti murid berisiko cicir serta mengurus murid berisiko cicir secara berkesan dan sistematik. Selain itu, ia juga merupakan panduan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah dalam memastikan pemantauan secara berterusan dapat dilaksanakan bagi membantu murid-murid yang berisiko untuk cicir agar mereka kekal bersekolah sehingga tamat Tingkatan 5;
3. bermula Julai 2018, KPM menyediakan Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan program intervensi bagi menangani keciciran murid;
4. pelancaran Program Ziarah Cakna yang dilancarkan pada 28 Januari 2018 bertujuan memperluas konsep sekolah

penyayang bagi memperkukuhkan hubungan antara sekolah dengan ibu bapa/penjaga melalui amalan ziarah guru ke rumah murid untuk bertemu dengan ibu bapa/penjaga. Melalui usaha ini, pihak sekolah dapat mengenali latar belakang murid dan punca sebenar masalah keciciran supaya masalah ini dapat diatasi secara kolektif antara ibu bapa dan pihak sekolah;

5. kerjasama dengan pelbagai pihak, agensi dan komuniti setempat seperti penghulu, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Agama Islam, Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta agensi swasta berkaitan dilaksanakan bagi membantu murid dan keluarga terlibat dalam membantu murid bagi meneruskan pengajian di sekolah menengah;
6. menjalinkan kerjasama yang erat dengan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui Program Jom Ke Sekolah melibatkan kehadiran Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) yang dilantik dalam kalangan pegawai PDRM ke sekolah sekurang-kurangnya dua kali sebulan; dan
7. bagi tahun 2019, KPM dalam perancangan membina Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir 2.0 sebagai panduan yang melibatkan ibu bapa dan komuniti setempat bagi memberi panduan bagi meningkatkan kerjasama sekolah bersama-sama ibu bapa dalam menangani murid berisiko cicir.

KPM juga telah menyediakan pelbagai program bagi memberi peluang kepada semua pelajar di semua peringkat umur bagi melengkapkan persekolahan mereka. Antara program yang ditawarkan di sekolah KPM adalah program berasaskan kemahiran iaitu :

1. Program Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA)
PVMA merupakan program kemahiran yang ditawarkan kepada murid lepasan PT3 di 269 sekolah menengah dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV).
2. Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA)

PIMA merupakan program yang berkonsepkan *Apprenticeship* dan ditawarkan kepada 124 buah sekolah menengah. Program ini ditawarkan kepada murid lepasan PT3 yang mempunyai pencapaian rendah dalam akademik. Di akhir pengajian sekiranya layak murid akan mendapat SPM dan sijil testimoni daripada industri.

3. Program Diploma Vokasional Malaysia

Program DVM dilaksanakan di 85 buah Kolej Vokasional (KV) KPM dan 10 buah institusi latihan kemahiran swasta (ILKS) secara kaedah *buying places*. DVM ditawarkan kepada pelajar lepasan PT3 dan tempoh pengajian adalah 4 tahun 6 bulan.

4. Program Perantisan Sistem Latihan Dual Negara (SLDN) dengan kerjasama *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) dan *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM).

5. Program Kolaboratif

Program kolaboratif dilaksanakan melalui kerjasama dengan Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) seperti GIATMARA dan WISDEC.

Sekian, terima kasih.

RJM 65

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 9.7.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 78

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL
PENGGUNA** menyatakan :-

- (a) bilangan aduan yang diterima daripada orang ramai berkaitan kenaikan harga barang keperluan asas pada musim perayaan baru-baru ini.
- (b) Tindakan yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi menangani aduan tersebut.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

- (a) Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak akan berkompromi dan akan bertindak tegas terhadap aduan yang diterima daripada orang ramai bagi memastikan peniaga tidak mengambil kesempatan mengeksploitasi harga dan menjejaskan kepentingan pengguna terutamanya pada musim perayaan.

Sepanjang **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Tahun Baru Cina** yang bermula pada **30 Januari 2019** hingga **8 Februari 2019** kementerian ini telah menerima aduan sebanyak **10 aduan** bagi seluruh negara dimana aduan yang diterima terdiri daripada **9 aduan menjual melebihi harga maksimum (Musim Perayaan)** dan **1 aduan tidak menggunakan tanda harga merah jambu (Musim Perayaan)**. Skim kawalan harga ini melibatkan **13 jenis barangan** seperti ayam, telur ayam, bawang putih (China), udang putih besar dan daging babi.

Manakala jumlah aduan yang diterima sepanjang **SHMMP Hari Raya Aidilfitri** yang dikuatkuasakan pada **21 Mei 2019** hingga **19 Jun 2019** adalah sebanyak **25 aduan** bagi seluruh negara dimana aduan yang diterima terdiri daripada **8 aduan menjual melebihi harga maksimum (Musim Perayaan)**, **4 aduan tidak menggunakan tanda harga merah jambu (Musim Perayaan)** dan **13 aduan berkenaan tiada tanda harga** yang melibatkan **27 barangan** keperluan asas seperti ayam, telur gred A, cili kering, kacang panjang dan ikan kembung.

Jumlah aduan yang diterima sepanjang **SHMMP Pesta Keamatan di Sabah dan Labuan** yang bermula pada **23 Mei 2019** hingga **5 Jun 2019** adalah sebanyak **13 aduan** yang melibatkan negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Aduan yang diterima adalah berkenaan **10 aduan menjual melebihi harga maksimum (Musim**

Perayaan), 1 aduan tidak menggunakan tanda harga merah jambu (Musim Perayaan) dan 2 aduan berkenaan harga mahal. Barangan kawalan yang terlibat adalah sebanyak 14 jenis barang. Antara barangan yang terlibat adalah seperti ayam hidup, telur ayam gred A, cili kering dan bawang merah kecil (India).

Manakala jumlah aduan yang diterima bagi SHMMP Hari Gawai pada 25 Mei 2019 hingga 7 Jun 2019 di Sarawak adalah berjumlah 2 aduan iaitu 1 aduan menjual melebihi harga maksimum (Musim Perayaan) dan 1 aduan berkenaan harga mahal. Terdapat 14 jenis barangan yang terlibat sepanjang SHMMP ini seperti ayam hidup, daging babi (perut), bawang putih (China) dan telur ayam (Gred A).

- (b) Sebanyak 50 keseluruhan aduan yang diterima sepanjang empat (4) musim perayaan iaitu Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Keamatan dan Hari Gawai. Daripada jumlah keseluruhan aduan tersebut, sebanyak 13 kes telah dihasilkan iaitu tidak menggunakan tanda harga merah jambu (Musim Perayaan) yang disiasat dibawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Panandaan Harga Barangan Harga Terkawal) 2019. Penghasilan kes ini dihasilkan daripada 1 kes SHMMP Tahun Baru Cina, 11 kes SHMMP Hari Raya Puasa dan 1 kes SHMMP Pesta Keamatan.

Kementerian ini mempunyai pelbagai saluran aduan bagi memudahkan orang awam menyampaikan aduan kepada kementerian. Saluran aduan sedia ada yang terdapat di kementerian ini adalah aplikasi whatsapp KPDNHEP 019-2794317, Portal E-Aduan, aplikasi telefon pintar Ez Adu, talian hotline KPDNHEP 1-800-886-800 dan hadir sendiri ke mana-mana pejabat/cawangan KPDNHEP yang berhampiran.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN HAJI WAN HASSAN
BIN MOHD RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN NO.79

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan **sebab-sebab kesilapan teknikal** berasaskan kenaikan mendadak bayaran bil TNB, **adakah berpunca daripada meter digital** dan **bagaimanakah jalan penyelesaiannya**.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kejadian bil elektrik tinggi yang dialami oleh sebilangan pengguna-pengguna Tenaga Nasional Berhad (TNB) dalam tempoh 15 hingga 20 Mei 2019 kebanyakan adalah disebabkan oleh gangguan teknikal terhadap sistem pengebilan *Billing and Customer Relation Management* (BCRM) TNB.
2. Kerajaan melalui pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) telah mengambil tindakan untuk menangani aduan rakyat dengan mengeluarkan notis segera kepada TNB pada 29 Mei 2019 supaya memberi perhatian serius dan mengambil tindakan penyelesaian segera berkaitan aduan bil elektrik yang tinggi serta melaporkannya kepada ST.

NO. SOALAN : 79

3. Setakat 3 Julai 2019, sebanyak 98 peratus daripada 18,965 pertanyaan dan aduan kepada TNB telah diberi maklum balas, disiasat dan diselesaikan oleh TNB. Sehingga 3 Julai 2019 juga seramai 1,800 pengguna terlibat telah menerima bayaran balik lebihan caj bil elektrik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAJ]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 80

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan dalam bidang kemahiran tinggi yang masih menganggur dan apakah usaha yang diambil untuk memanfaatkan kemahiran mereka daripada terus terbiar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2018, terdapat seramai 100,424 orang graduan bidang Perubatan, Pergigian, Farmasi, Kejuruteraan, Perakaunan, Senibina dan Undang-undang. Daripada jumlah tersebut, seramai 60,016 orang graduan (59.8 peratus) telah bekerja pada tahun konvokesyen. Manakala, 16.2 peratus graduan sedang melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi, 1.5 peratus sedang meningkat kemahiran dan 6.3 peratus sedang menunggu penempatan pekerjaan. Hanya 16.2 peratus iaitu 16,290 orang yang masih belum mendapat pekerjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi sentiasa memastikan bahawa pengisian pembelajaran di peringkat universiti adalah selari dengan permintaan pasaran pekerjaan dan keperluan industri bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Pelbagai program

SOALAN NO. 80

kerjasama yang terjalin antara pihak industri dan KPM dengan bermatlamat ke arah meningkatkan kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan dan berfokus kepada program berimpak tinggi. Beberapa inisiatif jalinan kolaborasi antara akademik dan industri telah dilaksanakan demi melahirkan graduan yang sesuai dengan pasaran pekerjaan semasa adalah seperti:

1. Engineering@UM-Industrial *Innovation Centre* di kampus UM melibatkan syarikat-syarikat yang terlibat merangkumi lima (5) syarikat global iaitu Motorola Solutions bagi bidang *wireless technology*, Daikin bagi bidang *air-conditioning*, Ossur bagi bidang *orthopedic*, Rohde & Schwarz bagi bidang *wireless communication* dan Proton bagi bidang *automotive*.
2. Kerjasama antara Samsung Malaysia dengan Universiti Teknikal Melaka (UTeM) menubuhkan Samsung '*Internet of Things*' (IoT) *Academy*.
3. *CIMB Investment Bank* dengan kerjasama UiTM Segamat Johor telah menyediakan *CIMB Trading Room* dan *CIMB Big Data Lab* untuk digunakan sebagai pusat latihan pelajar berkenaan Analisis Data Raya.
4. Firma perakaunan Salihin Associates dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu dan Universti Teknologi MARA mewujudkan *Teaching Accounting Firm* (TAF) di dalam universiti.
5. Pelaksanaan program Pusat Kecemerlangan Industri (*Industry Centre of Excellence*, ICoE) bagi meningkatkan kolaborasi antara IPT dengan pihak industri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan hasil laporan Kajian Pengesanan Graduan 2018 yang dijalankan KPM, kadar kebolehpasaran graduan untuk politeknik dan kolej komuniti menunjukkan peningkatan secara berterusan sehingga mencecah melebihi 95 peratus pada tahun 2018.

SOALAN NO. 80

Walau bagaimanapun, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah mengambil beberapa inisiatif , antaranya:

- (a)Memperluas serta menambah baik Program *Graduate Employability (GE)* sebagai intervensi untuk melengkapkan graduan dengan *soft skills* seperti kemahiran komunikasi, kerja berpasukan, pemikiran kritikal serta menerapkan semangat keusahawanan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan;
- (b)Menerapkan *Graduate Employability Attribute Skills* di dalam struktur kurikulum. Atribut kompetensi teknikal, bersifat progresif dan dinamik, ketrampilan diri yang hebat dan global citizen dipupuk bagi melahirkan graduan yang holistik dan mempunyai set kemahiran yang diperlukan oleh industri untuk menepati kehendak pasaran kerja;
- (c)Bekerjasama bersama agensi keusahawanan dengan menyertai program-program keusahawanan yang dianjurkan oleh agensi-agensi keusahawanan seperti MDEC, FAMA, SME Bank, CIMB Bank, MTDC dan lain-lain;
- (d)Mempelbagaikan program keusahawanan yang berimpak tinggi seperti *Siswaprenuer Megasale, incubator classroom, doing business while study*, gerak usahawan kampus;
- (e)Menyediakan platform untuk pelajar menjalankan perniagaan seperti inkubator keusahawanan dan kursus-kursus keusahawanan yang melibatkan perniagaan secara *offline* dan *online*.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 81

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah yang diambil Kementerian bagi mengawal bekalan dan harga beras selepas konsesi beras bersama BERNAS tamat pada tahun 2021 dan adakah mekanisma baru yang bakal dilaksanakan akan mengambil kira kelestarian pengilang dan pemborong beras Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mekanisme baharu selepas tahun 2021 akan mengambil kira strategi dan mekanisme baharu dalam mengawal bekalan dan harga beras untuk keperluan negara. Di antara aspek utama yang diteliti ke arah pengenalan Model Baharu Industri Padi dan Beras ini termasuklah :

- i) mengkaji kesan penamatan Perjanjian Konsesi BERNAS di sepanjang rantai industri terdiri yang terdiri daripada pesawah, pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna bagi memastikan industri ini terus dinamik dan berdaya saing serta memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya;
- ii) mengkaji cadangan penstrukturan semula obligasi sosial yang dilaksanakan oleh BERNAS termasuk pembangunan pengilang dan pemborong bumiputera;
- iii) memperkukuhkan semula rantai industri terhadap petani melalui peningkatan pendapatan petani;
- iv) mewujudkan industri yang lebih kompetitif dan lebih berdaya saing seterusnya memberi manfaat kepada kumpulan pengguna dengan memastikan bekalan beras yang mencukupi, berkualiti dan harga yang stabil; dan
- v) Mengekal dan menambahbaik peraturan dan penguatkuasaan sedia ada dalam mengawal pembangunan industri keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 82

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dengan terperinci dasar program pengangkutan bahan api ke sekolah-sekolah pedalaman di Sarawak serta jumlah peruntukan kewangan yang terlibat dalam tahun 2019 serta purata kos pengangkutan setiap liter bahan api.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Pendidikan 2013 - 2015 dalam anjakan 6 menggariskan setiap sekolah di Malaysia, tanpa mengira lokasi, saiz atau jenis, perlu mencapai tahap keperluan infrastruktur yang minimum bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, bersih, dan kondusif. Keperluan ini termasuklah akses kepada air bersih yang terawat, bekalan elektrik sekurang-kurangnya 12 jam sehari, serta kemudahan-kemudahan asas yang lain.

Antara inisiatif yang telah dilaksanakan bagi menyediakan infrastruktur bekalan elektrik kepada sekolah-sekolah luar bandar adalah penyediaan genset diesel. Inisiatif Ini merupakan penyelesaian sementara sebelum sekolah-sekolah tersebut menerima bekalan elektrik daripada talian grid. Jumlah peruntukan kewangan yang terlibat dalam tahun 2019 adalah sebanyak RM30juta bagi sekolah Kerajaan dan RM5juta bagi sekolah bantuan Kerajaan (SBK) manakala purata kos setiap liter bahan api adalah RM5 termasuk kos pengangkutan.

Sekian, terima kasih. RJM 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
**DARIPADA : DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN
BIN MOHAMAD [LIPIS]**
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 83

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah proaktif Kementerian bagi menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan murid dan masyarakat hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memastikan aspek nilai murni seperti kasih sayang (*love*), kegembiraan (*happiness*) dan hormat-menghormati (*mutual respect*) dititikberatkan oleh semua warga sekolah. Sehubungan dengan itu, beberapa usaha telah dilaksanakan oleh KPM seperti berikut iaitu:

1. melaksanakan Simposium Hal Ehwal Murid (SHEM) peringkat Kebangsaan pada setiap tahun bagi memberikan pengiktirafan kepada sekolah-sekolah yang melaksanakan amalan terbaik disiplin, kaunseling dan hak asasi manusia sebagai perkongsian kepada semua sekolah KPM;
2. melalui SHEM, KPM juga menganjurkan Pertandingan Video Inspirasi Kreatif Nilai dan Sahsiah Murid (ILHAM) yang bertemakan "Sebarkan Kegembiraan, Serlahkan Kasih-Sayang, Semarakkan

Amalan Hormat-Menghormati Ke Arah Kemenjadian Murid Unggul” bagi menyebarkan nilai-nilai murni dalam kalangan murid di sekolah melalui media sosial;

3. KPM telah mengeluarkan Surat Siaran KPPM Bilangan 4 Tahun 2012: Pelaksanaan Amalan Guru Penyayang sebagai usaha agar pihak sekolah membudayakan sikap kasih sayang dalam kalangan warga sekolah. Pelaksanaan amalan guru penyayang ini dilaksanakan secara berterusan melalui aktiviti mengalu-alukan kehadiran murid, memberi penghargaan kepada murid dan Program Mentor Mentee;
4. Intervensi berfokus oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) juga dilaksanakan ke atas murid yang telah dikesan melakukan salah laku disiplin di sekolah. GBK ini berperanan untuk memberikan bimbingan dan panduan berterusan kepada murid tersebut agar murid dapat mengamalkan nilai dan sikap yang positif serta menjauhi salah laku disiplin.
5. Sekolah dengan kerjasama dan Permuafakatan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) merangka program Lawatan ke Rumah (*Home Visit*) bagi membolehkan guru-guru lebih mengenali latar belakang murid dan keluarganya. Pendekatan ini adalah bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan serta kemesraan antara guru-guru dengan ibu bapa. Selain daripada itu, sekolah juga harus menggalakkan program timbal-balik yang meminta ibu bapa berkunjung ke sekolah bagi membincangkan perkembangan anak mereka dengan guru dari masa ke masa;
6. KPM telah mula melaksanakan kaedah Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21) yang berfokuskan penguasaan kemahiran berasaskan standard asas, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreatif dan membina adab dan nilai (4K 1N). PAK21 menerapkan elemen nilai seperti bertanggungjawab, prihatin, patriotik bekerjasama dengan orang lain bagi menyampaikan serta berkongsi pengalaman pembelajaran dan pengetahuan yang dipelajari dalam kalangan rakan sebaya dan guru;

7. Melalui Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 3 Tahun 2003: Ke Arah Membudayakan Nilai Berterima Kasih memperingatkan sekolah agar budaya berterima kasih diterapkan dalam diri murid melalui pendekatan dan penyertaan yang bersepadu daripada semua pihak seperti guru, ibu bapa dan masyarakat; dan
8. Menerapkan konsep amalan baik melalui Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) mulai tahun 2016. Melalui sistem ini, amalan baik yang dilakukan oleh murid boleh direkodkan oleh guru ke dalam sistem sebagai galakan dan usaha untuk menerapkan nilai murni dalam diri murid.

Selain itu, sebanyak 14 nilai murni universal diajar kepada semua murid melalui kurikulum persekolahan semua mata pelajaran sebagai wahana bagi membentuk insan berakhlak mulia. Nilai universal tersebut merupakan nilai murni yang diterima oleh masyarakat Malaysia dan menepati anutan agama atau kepercayaan masyarakat Malaysia. Antara nilai universal yang dipupuk dalam kalangan murid sekolah rendah adalah Kepercayaan Kepada Tuhan, Baik Hati, Bertanggungjawab, Berterima Kasih, Hemah Tinggi, Hormat, Kasih sayang, Keadilan, Keberanian, Kejujuran, Kerajinan, Kerjasama, Kesederhanaan dan Toleransi.

Di samping itu, penerapan nilai-nilai murni tidak hanya berlaku di dalam bilik darjah tetapi turut diterapkan melalui aktiviti kokurikulum dan kesenian seperti badan beruniform/kelab sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan serta antarabangsa. Setiap murid juga adalah digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sukan yang dianjurkan di sekolah selaras dengan Dasar 1Murid 1Sukan. Penyertaan murid dalam aktiviti ini tidak terhad kepada golongan tertentu sahaja malah terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi, agama dan etnik. Program-program ini mampu membentuk kesedaran dalam diri individu dan menjadi platform terbaik dalam usaha memperkukuhkan nilai-nilai murni seperti yang dihasratkan.

Sekian, terima kasih.

RJM 68

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN MARIA CHIN ABDULLAH
(PETALING JAYA)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah untuk merehabilitasikan soft supporter gerakan pengganas yang kini ditahan di bawah SOSMA, POCA atau POTA dan adakah Kerajaan akan menguar-uarkan bahawa memuat turun bendera atau gambar DAESH boleh menyebabkan seseorang itu ditahan oleh polis.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Semua tahanan yang terbabit dengan kegiatan keganasan ini perlu menjalani program deradikalisasi atau proses pemulihan khusus yang melibatkan kerjasama pelbagai agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti PDRM, Jabatan Penjara Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Program pemulihan ini dilaksanakan secara sistematik menggunakan Modul Deradikalisasi Bersepadu yang merangkumi aspek keagamaan, kewarganegaraan, psikologi, kekeluargaan dan nilai-nilai murni.

Bagi memastikan program deradikalisasi yang dijalankan ini sentiasa berkesan dan relevan, modul deradikalisasi sentiasa dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa dengan penglibatan pakar-pakar deradikalisasi dalam pelbagai bidang. Selain program pemulihan yang dilaksanakan di dalam pusat tahanan, PDRM turut memantau kegiatan bekas penganas yang dikenakan perintah sekatan atau yang telah dibebaskan. Pemantauan ini dibuat bagi memastikan bekas penganas ini bebas sepenuhnya daripada sebarang ideologi penganas supaya mereka tidak terlibat kembali dengan aktiviti keganasan.

Berkenaan soalan yang kedua, adalah menjadi kesalahan bagi mana-mana individu untuk memiliki item-item yang berkaitan dengan kumpulan penganas termasuk bendera dan gambar kumpulan tersebut. Kesalahan ini diperuntukkan di bawah Seksyen 130JB (1) (a) Kanun Keseksaan. Hebahan mengenai kesalahan ini sering kali dibuat pihak polis khususnya menerusi media sosial serta program-program penerangan yang diadakan dari semasa ke semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO: 85

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rancangan untuk mengukuhkan rangkaian bekalan utama dan jumlah nilai tahunan yang diimport untuk 10 tahun yang lalu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Secara keseluruhannya, jumlah nilai tahunan bekalan utama yang diimport untuk 10 tahun lalu adalah seperti berikut:

Bil.	Bahan Makanan	Jumlah Import 2009-2018 (RM '000)
1.	Bahan makanan untuk ternakan	62,227,091
2.	Kopi, koko, teh dan rempah	58,576,735
3.	Bijirin dan sediaan bijirin	46,423,006
4.	Keluaran dan sediaan makanan lain	43,606,293
5.	Sayur-sayuran	36,110,927
6.	Gula, sediaan gula dan madu	35,599,428
7.	Ikan, krustasia, moluska dan sediaan	33,368,744
8.	Hasil tenusu	30,342,912
9.	Daging dan sediaan daging	27,875,711
10.	Buah-buahan	25,234,004
11.	Binatang hidup	2,711,185
12.	Telur unggas	158,082

Di antara perancangan yang akan dan sedang dilaksanakan bagi memperkukuh rangkaian bekalan makanan utama adalah seperti berikut:

- i. Meningkatkan produktiviti pengeluaran padi dalam jelapang sedia ada di samping meneruskan pembangunan empat kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) yang baharu iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah. Usaha ini juga disokong oleh inisiatif-inisiatif lain seperti penggunaan varieti padi sah baharu yang berhasil tinggi dan rintang penyakit. Sehubungan itu, hasil pengeluaran padi negara dijangka akan meningkat ke tahap sara diri (SSL) sebanyak 75 peratus pada tahun 2020 dan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada import beras;
- ii. Meningkatkan populasi ternakan ruminan melalui pelaksanaan Projek Ladang Satelit dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan. Kerajaan juga sedang melaksanakan sebanyak lima Lembah Tenusu dengan mensasarkan tambahan susu segar sebanyak 20 juta liter dalam tempoh lima tahun; dan
- iii. Membangunkan industri jagung bijian, mengeluarkan silaj batang dan rumput napier selain mengekalkan 10% pengeluaran *Palm Kernel Meal* (PKM) dalam negara bagi menangani kebergantungan import bahan makanan untuk ternakan.
- iv. Membangunkan projek perikanan atau akuakultur dengan pendekatan secara kluster terhadap projek-projek sedia ada dengan memfokuskan kepada satu spesis di setiap negeri;
- v. Membangunkan industri kelapa, nanas dan durian menerusi pembukaan kawasan baharu, penanaman semula, pemulihan kawasan sedia ada dan sebagainya.

Walaupun defisit Imbangan Dagangan mencatatkan penurunan sebanyak 4.4% pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya, bekalan makanan import masih tetap diperlukan bagi mengatasi kekurangan pengeluaran tempatan dan sumber kepada kegiatan ekonomi lain seperti sektor perindustrian selain memenuhi permintaan dalam negara. Bekalan makanan import tersebut melibatkan produk agromakanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran temperate, gandum, dan gula dan sediaan gula.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' DR. NORAINI AHMAD**
[PARIT SULONG]
TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 86:

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan tindakan dan mekanisme pelaksanaan untuk menaik taraf dan memperkasa penglibatan 30% wanita dalam semua peringkat dasar negara terutamanya dalam bidang politik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah dengan pengumuman Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam pada 24 Ogos 2004. Objektif dasar ini adalah untuk melepasi 30 peratus dan mencapai kesaksamaan gender iaitu penglibatan sepenuhnya dan secara efektif dalam pembangunan negara. Berdasarkan rekod daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), peratus wanita dalam pengurusan tertinggi di sektor awam telah meningkat daripada 33.0 peratus pada tahun 2014 kepada 35.1 peratus pada tahun 2015 dan terkini kepada 36.1 peratus bagi tahun 2018. Terkini, ramai wanita telah dilantik pertama kali ke jawatan kepimpinan tertinggi di Malaysia seperti Ketua Hakim Negara (Datuk Tengku Maimun Tuan Mat), Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (Puan Latheefa Koya), Pengerusi Majlis Amanah Rakyat (Dr Hasnita Hashim) dan Pengerusi Kumpulan Pemodalan Nasional Bhd (Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz). Peningkatan ini diharap akan dapat terus ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang.

Berdasarkan senarai Bursa Malaysia pula, pada tahun 2018, terdapat 24 peratus daripada 100 syarikat tersenarai awam tertinggi (*Public Listed Companies*) yang telah mempunyai wanita sebagai ahli dalam Lembaga Pengarahnya berbanding 19.2 peratus pada tahun 2017.

Selain itu, Dasar Wanita Negara dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita telah menggariskan wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik sebagai salah satu sektor daripada 13 sektor yang disenaraikan. Penglibatan 30 peratus wanita dalam kepimpinan merupakan satu (dengan izin) *critical mass* yang diterima umum oleh masyarakat antarabangsa selain untuk membangun dan mengembangkan potensi wanita.

Berdasarkan *Global Gender Gap Index 2018*, Malaysia berada pada kedudukan ke 101 daripada 149 buah negara dengan skor bagi *political empowerment* adalah 0.072 daripada skor 1. Satu skor yang amat rendah

SOALAN NO. 86

berbanding pendidikan iaitu 1.0 iaitu mencapai gender pariti. Walau bagaimanapun saya percaya kedudukan Malaysia bagi skor ini akan meningkat mendadak memandangkan Malaysia telah buat julung kalinya melantik seorang wanita sebagai Timbalan Perdana Menteri dan ini merupakan jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh wanita Malaysia dalam politik. Di samping itu, jumlah menteri wanita juga telah bertambah daripada tiga orang kepada lima orang menteri berportfolio penuh daripada 27 orang menteri keseluruhannya. Inisiatif bagi meningkatkan peratusan wanita dalam bidang politik adalah satu inisiatif yang harus digalas bersama oleh semua komponen parti-parti politik.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian pada ketika ini turut sedang dalam proses mengkaji semula keberkesanan Dasar dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita Negara (PTPWN) melalui satu kajian *Gender Mainstreaming* yang sedang dijalankan dengan kerjasama *United Nations Development Programme (UNDP)*. Kajian yang sedang dijalankan ini akan membantu Kementerian menyediakan pelan tindakan yang lebih baik dan komprehensif dengan mengambil kira isu-isu yang dihadapi oleh wanita terutamanya dari aspek pembuat keputusan dan juga politik.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya berharap wanita-wanita yang memegang portfolio dalam Kerajaan baru dapat menunjukkan contoh yang terbaik daripada segi prestasi dan integriti supaya Kerajaan dan rakyat akan terus memberi mandat kepada wanita di masa hadapan. Saya menyeru agar Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang Mulia ini turut menyokong agenda wanita negara dan memberikan peluang kepada wanita dalam proses pembangunan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
(SELAYANG)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan bagi menyelesaikan masalah tiada kewarganegaraan setakat ini. Apakah kekangan-kekangan yang dihadapi dalam pemberian kewarganegaraan kepada mereka.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) sentiasa prihatin dengan isu dokumentasi dan pengenalan diri dalam kalangan penduduk negara ini dan antara usaha yang sedang diambil dalam menangani isu seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah seperti berikut:

1. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan; dan
2. Pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan bagi individu berkelayakan.

Berhubung dengan penguatkuasaan undang-undang berkaitan dengan penentuan kewarganegaraan, ditegaskan bahawa kewarganegaraan

seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran. Oleh itu, kaedah perekodan taraf kewarganegaraan individu yang dilahirkan di Malaysia iaitu sama ada dengan taraf Warganegara atau Bukan Warganegara oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) adalah selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahatarafan anak, peraturan imigresen dan lain-lain. Ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf Bukan Warganegara bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).

Berhubung dengan pertimbangan terhadap permohonan kewarganegaraan pula, terdapat dua kaedah pemerolehan kewarganegaraan bagi individu bertaraf Bukan Warganegara iaitu sama ada melalui pendaftaran atau penaturalisasian. Pada masa ini, KDN sedang giat menjalankan penambahbaikan komprehensif terhadap prosedur pengendalian standard (SOP) agar ia bersesuaian dengan hala tuju negara dan seimbang daripada aspek kemanusiaan tanpa mengabaikan keselamatan negara serta kesejahteraan warganegara sedia ada.

Bagi memastikan tiada isu berbangkit pada masa hadapan serta membentuk masyarakat yang bermoral dan patuh kepada perundangan yang berkuat kuasa, Ahli Yang Berhormat diseru untuk membantu memperkukuhkan usaha Kerajaan dalam menangani isu kewarganegaraan dengan menyebarkan pengetahuan berkaitan dengan kepentingan mendaftarkan perkahwinan serta mendaftarkan anak bertaraf Bukan Warganegara di kedutaan negara asal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setakat ini berapakah jumlah persatuan baik di peringkat nasional, negeri dan daerah yang telah didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan oleh petani burung layang-layang dan/atau peniaga sarang burung dengan tujuan untuk mengeluarkan, promosi dan menjalankan penjualan dan perniagaan ke atas sarang burung yang sudah diproses dan belum proses dengan memberikan nama setiap persatuan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPMM) sehingga 17 Jun 2019, terdapat sebanyak 63 buah pertubuhan berkaitan dengan burung layang-layang dan/atau sarang burung di peringkat kebangsaan, negeri dan lain-lain yang telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]. Perincian nama persatuan adalah seperti mana berikut:

1. Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Perak (*Perak Bird's Nest Merchants Association*).
2. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Batu Pahat, Johor.
3. Persatuan Pengusaha Rumah Sarang Burung Walit, Batang Padang, Perak.
4. Persatuan Perkembangan Industri Sarang Burung Walit Malaysia.
5. Persekutuan Persatuan Pedagang Sarang Burung Malaysia.
6. Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Kelantan (*Kelantan Bird's Nest Merchants Association*).
7. Persatuan Pedagang Sarang Burung Hilir Perak, Perak (*Hilir Perak Edible Bird-Nest Merchant Association, Perak*).
8. Persatuan Perdagangan Sarang Burung, Negeri Selangor (*Selangor Bird's Nest Merchants Association*).
9. Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Sabah (*Sabah Bird's Nest Merchants Association*).
10. Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Sarawak (*Sarawak Bird's Nest Merchants Association*).
11. Pertubuhan Perniagaan Dunia Sarang Burung Walit Malaysia.
12. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Walit W.P. Labuan.
13. Persatuan Pedagang Sarang Burung Gua Musang, Negeri Kelantan.
14. Persatuan Pemilik Gudang Burung Layang-Layang Negeri Sembilan.

15. Persatuan Penternak Dan Pengusaha Industri Sarang Burung Walet Daerah Tongod, Sandakan, Sabah.
16. Persatuan Pedagang Sarang Burung Bahagian Sarikei (*Sarikei Division Bird's Nest Merchant Association*).
17. Persatuan Pengusaha Sarang Burung Layang-Layang Kuala Krai, Kelantan.
18. Persatuan Pembekal Sarang Burung Sarawak (*Sarawak Bird's Nest Suppliers Association*).
19. Persatuan Penternak Sarang Burung Walit Sabah (*Sabah Swiftlet Nest Farmers Association*).
20. Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Pahang (*Pahang Bird's Nest Merchants Association*) (SBA).
21. Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Perlis (*Perlis Bird's Nest Merchants Association*).
22. Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Terengganu, Malaysia (*Terengganu Bird's Nest Merchants Association*).
23. Persatuan Pedagang Sarang Burung Muar, Johor (*Muar Bird's Nest Merchants Association, Johor*).
24. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Negeri Johor.
25. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Kluang, Johor.
26. Persatuan Industri Sarang Burung Walet, Perak. (*The Association Of Swiftlet Nest Industry, Perak*).
27. Persatuan Perusahaan Rumah Burung Layang-Layang Dan Sarang Burung, Sabah (*Sabah Swiftlet House And Bird's Nest Industry Association*).
28. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Bandaraya Johor Bahru, Johor.
29. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Pontian, Johor
30. Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Pulau Pinang (*Pulau Pinang Bird's Nest Merchants Association*).
31. Persatuan Pedagang Sarang Burung Walit Bintulu.
32. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Johor Bahru Tengah, Johor Bahru, Johor.
33. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Mersing, Johor.
34. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Segamat, Johor.
35. Pertubuhan Perkilangan Pemprosesan Sarang Burung Walit Malaysia.

36. Dewan Perniagaan Sarang Burung Malaysia.
37. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Kulai, Johor Bahru, Johor.
38. Persatuan Industri Sarang Burung Walit Bumiputera Malaysia.
39. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Kota Tinggi, Johor.
40. Persatuan Pedagang Sarang Burung Layang-Layang, Pantai Remis, Perak.
41. Persatuan Pengimport Dan Pengeksport Sarang Burung Walit Sabah.
42. Persatuan Industri Sarang Burung Walet Kedah Utara & Tengah.
43. Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Melaka. (*Melaka Birds Nest Merchants Association*).
44. Persatuan Pedagang Sarang Burung Tanjung Malim, Perak (*Tanjung Malim Bird's Nest Merchants Association, Perak*).
45. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Muar, Johor.
46. Persatuan Pedagang Sarang Burung Negeri Johor (*Johor Bird's Nest Merchants Association*).
47. Persatuan Penyelidikan Harga Sarang Burung Malaysia (*Malaysia Bird's Nest Price Research Association*).
48. Persatuan Industri Hulu dan Hiliran Sarang Burung Walit Malaysia.
49. Persatuan Pengutip Dan Pedagang Sarang Burung Perak Utara, Perak (*North Perak Edible Bird-Nest Harvesters And Merchants Association Perak*).
50. Persatuan Peniaga Sarang Burung Miri.
51. Persatuan Pengeksport Sarang Burung Malaysia.
52. Persatuan Pengusaha Sarang Burung Walit Bumiputra Negeri Kedah.
53. Persatuan Pengusaha Sarang Burung Walit Negeri Pahang.
54. Persatuan Perusahaan Sarang Burung Sandakan Sabah (*Sandakan Sabah Bird Nest Industry Association - SSBNIA*).
55. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Walit Daerah Jasin, Melaka.
56. Persatuan Sarang Burung Walit Global Mesra Malaysia.

57. Persatuan Pedagang Sarang Burung Wilayah Persekutuan Labuan.
58. Persatuan Pengusaha Sarang Burung Walit Mentah Malaysia.
59. Persatuan Industri Sarang Burung Walet, Kinta, Perak (*The Association Of Swiftlet Nest Industry, Kinta, Perak*).
60. Persatuan Pengusaha Sarang Burung Walit Ulu Sugut Ranau Sabah.
61. Pertubuhan Pengusaha Industri Sarang Burung Walit Pitas (PPISBWP).
62. Persatuan Pengusaha Sarang Burung Walit, Gua Gunung Silabur, Kampung Lobang Batu, Serian.
63. Persatuan Pengusaha Industri Sarang Burung Labis, Segamat, Johor.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
[KOTA TINGGI]**

TARIKH : 9.7.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 89

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah status pelaksanaan kempen pengguna bijak yang pernah suatu ketika dahulu dipromosikan oleh kementerian dan apakah mekanisme baharu bagi melahirkan pengguna yang bijak dan tahu akan hak-hak mereka terutamanya dengan peredaran arus "*Global Internet of Things (IoT)*" dan pembelian atas talian bagi mengelakkan mereka ditipu dan dianiaya.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Kementerian tidak lagi meneruskan kempen pengguna bijak melalui kaedah *roadshow*. Walau bagaimanapun, mekanisme pelaksanaannya dipinda bersesuaian dengan peredaran waktu dan perkembangan teknologi dari semasa ke semasa. Sememangnya menjadi agenda utama Kementerian untuk melahirkan pengguna bijak dan berdaya upaya bagi memastikan persekitaran perniagaan dan perdagangan yang seimbang serta memperkukuhkan kefahaman pengguna terhadap hak-hak mereka sebagai pengguna.

Bagi melahirkan pengguna yang bijak, Kementerian telah memfokuskan penerapan pendidikan kepenggunaan yang lebih interaktif kepada generasi muda khususnya pelajar sekolah menengah dan mahasiswa di universiti dalam membentuk generasi pengguna muda yang berilmu, bijak dan bertanggungjawab. Pendekatan pembelajaran ini merupakan inisiatif yang lebih baik dalam menyebarkan maklumat kepenggunaan kepada generasi muda sekaligus mampu untuk dikongsi bersama rakan, warga sekolah, ahli keluarga dan masyarakat setempat.

Kementerian dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Gerakan Pengguna Siswa (GPS) dan Kelab Pengguna Sekolah (KPS) sebagai usaha membudayakan amalan kepenggunaan dalam kalangan generasi muda. Kementerian juga telah membangunkan modul kepenggunaan untuk melengkapkan generasi muda khususnya ahli-ahli KPS dan GPS dengan pengetahuan asas kepenggunaan. Modul ini meliputi 4 bahagian utama iaitu alam sekitar dan kelestarian, pengurusan makanan, pengurusan kewangan dan perlindungan pengguna.

Penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Kepenggunaan juga adalah amat penting dalam aspek pendidikan kepenggunaan yang berperanan sebagai penyampai maklumat seperti hak-hak pengguna, berbelanja secara berhemah mengikut kemampuan dan keperluan bagi menangani peningkatan kos sara hidup, kelestarian alam sekitar dan elemen perlindungan pengguna bagi mengelakkan pengguna menjadi mangsa penipuan dalam perniagaan terutamanya melalui perniagaan atas talian. Selain itu juga, mereka turut membantu Kerajaan dalam memberikan penjelasan kepada orang ramai berkaitan dasar-dasar Kerajaan.

Kementerian sentiasa mengalu-alukan penglibatan orang ramai yang sebahagiannya merupakan ahli Rakan KPDNHEP untuk menjadi “mata dan telinga” kementerian dalam memantau sebarang salah laku oleh pihak peniaga sama ada secara fizikal mahu pun atas talian dengan menyalurkan aduan melalui pelbagai saluran yang telah disediakan oleh kementerian.

Kementerian juga aktif melaksanakan aktiviti penyampaian dan penyebaran maklumat kepenggunaan melalui platform media baharu yang memberikan pelbagai tips kepada pengguna terutamanya tips membuat pembelian atas talian kerana trend penerimaan aduan menunjukkan bahawa aduan berkaitan transaksi atas talian telah menunjukkan peningkatan yang signifikan pada tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 42.1% berbanding tahun 2017. Ini menunjukkan berlakunya peningkatan penipuan semasa pengguna menjalankan urusan niaga atas talian.

Selaras dengan trend peningkatan tersebut, kementerian telah melaksanakan pelbagai inisiatif advokasi secara digital bagi mewujudkan satu ekosistem perdagangan elektronik yang berdaya mampan dan melindungi kepentingan pengguna serta meningkatkan keyakinan pengguna untuk melakukan aktiviti pembelian secara atas talian. Lima (5) inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian adalah seperti berikut:

- a) penghasilan infografik digital berkaitan panduan yang perlu diketahui oleh pengguna dalam menjalankan transaksi atas talian yang dimuat naik melalui media sosial kementerian seperti *Facebook* dan *Instagram* rasmi kementerian. Bagi mendapatkan capaian yang lebih luas, infografik digital ini turut dipanjangkan kepada agensi Kerajaan, industri dan juga badan bukan Kerajaan bagi membantu kementerian menghebahkan serta membuat perkongsian di platform media sosial mereka;
- b) selain itu, bagi membantu serta mendidik pengguna mengenai tatacara yang betul sebelum membuat pembelian secara atas talian, kementerian telah menerbitkan Buku Panduan Menjalankan Transaksi Elektronik Untuk Pengguna sebagai sumber rujukan kepada pengguna;
- c) melaksanakan kaji selidik untuk mengukur tahap kesedaran pengguna atas talian mengenai hak-hak pengguna e-dagang di Malaysia yang melibatkan seramai 5,016 orang responden daripada kalangan penjawat awam, orang ramai, industri serta juga siswazah pengajian tinggi awam dan swasta. Kaji selidik yang dilaksanakan

juga adalah untuk menilai tahap kesedaran rakyat Malaysia berkaitan kaedah dan saluran perlindungan pengguna yang disediakan oleh kementerian. Melalui kaji selidik ini didapati bahawa 80% pengguna kini lebih mengetahui dan sedar akan hak mereka sebagai pengguna;

d) inisiatif lain yang turut dilaksanakan oleh kementerian melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) adalah dengan memperkenalkan SSM BizTrust kepada peniaga atas talian. SSM BizTrust diperkenalkan untuk membantu peniaga dalam meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pengguna menjalankan transaksi atas talian dengan lebih selamat. Kementerian melalui program advokasinya sentiasa menggalakkan pengguna untuk membeli daripada laman web yang boleh dipercayai dan yang mempunyai tanda percaya seperti BizTrust dalam bentuk pensijilan digital. Inisiatif ini bukan sahaja dapat membantu memberi keyakinan kepada pengguna untuk menjalankan transaksi atas talian, malah mampu membendung pengguna daripada menjadi mangsa penipuan pembelian atas talian; dan

e) Kementerian juga telah menerbitkan buku “Panduan Menjalankan Perniagaan e-Dagang Untuk Peniaga (PP Online)” sebagai rujukan dan panduan kepada peniaga dalam talian. Panduan ini merangkumi undang-undang yang perlu dipatuhi oleh peniaga dalam talian, tips bagi memulakan perniagaan atas talian dan juga maklumat-maklumat umum yang berkaitan dengan perniagaan atas talian. Panduan yang akan disediakan ini bukan sahaja sebagai sumber rujukan kepada peniaga malah boleh dijadikan rujukan kepada pengguna sebagai senarai semak yang perlu ada pada peniaga atas talian tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]
TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 90

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status cadangan membina baru SK Sebemban, Betong yang telah dicadangkan sebelum ini kerana keadaan sekolah yang amat daif, dan bilakah ia akan dilaksanakan

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan dan infrastruktur pendidikan yang kondusif. Untuk makluman, projek pembinaan SK Sebemban, Betong telah diluluskan dalam *Rolling Plan 1* RMKe-11 yang melibatkan skop kerja pembinaan gantian penuh enam (6) bilik darjah, enam (6) unit rumah guru dan lain-lain kemudahan dengan anggaran kos RM15,500,000.00. Projek ini adalah di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Sarawak. Projek pembinaan SK Sebemban, Betong, sudah ditender pada Mac 2019.

Sekian, terima kasih.

RJM 70

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 91

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memperkukuhkan penggunaan Bahasa Melayu yang lebih mantap di kalangan anggota pentadbiran dan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sejak dahulu lagi telah melaksanakan pelbagai program kebahasaan bagi memperkukuhkan penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan anggota pentadbiran dan rakyat. DBP dengan kerjasama badan kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan telah melaksanakan program kebahasaan seperti yang berikut:

1. Program Audit Bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam dan Audit Bahasa Melayu Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang dilaksanakan oleh DBP bertitik tolak daripada Pekeliling Perkhidmatan Awam Bilangan 9 Tahun 2011: Panduan Penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Perkhidmatan Awam.

2. Penguatkuasaan bahasa dengan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
3. Program Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan bagi menilai tahap prestasi PBT dalam pelaksanaan undang-undang, dasar serta garis panduan berhubung penggunaan bahasa kebangsaan.
4. Kursus Peningkatan Bahasa Melayu.
5. Program Munsyi DBP.
6. Wacana ilmu.
7. Program pengembangan melalui Kempen Dekad Bahasa Kebangsaan dan Kempen Membaca Kebangsaan bagi memastikan bahasa Melayu terus dimartabatkan sebagai bahasa kebangsaan.

DBP juga telah menganjurkan pelbagai program bersama-sama dengan masyarakat awam pelbagai sektor, kaum serta peringkat umur. Usaha memupuk semangat cinta pada bahasa kebangsaan sentiasa dilaksanakan oleh DBP melalui penganjuran pelbagai aktiviti pemupukan dan penggalakan daripada peringkat sekolah sehingga kepada masyarakat pelbagai kaum dengan kerjasama pelbagai pihak di sektor awam, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Penerbitan buku-buku ilmiah pelbagai bidang juga giat diterbitkan bagi memperkaya khazanah ilmu dalam bahasa Melayu.

Sekian, terima kasih.

RJM 71

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA DATUK AZEEZ
RAHIM (BALING)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN :

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan inisiatif terkini dalam usaha membantu
meningkatkan peluang pekerjaan kepada bekas penagih dadah yang
telah selesai menjalani hukuman mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) melaksanakan pelbagai pendekatan dalam memberi rawatan dan pemulihan kepada penagih dadah di pusat-pusat pemulihan seperti pendekatan psikososial dan psikospiritual sebelum mereka dibebaskan. Klien-klien ini juga menjalani program kemahiran vokasional yang menerapkan elemen pengetahuan (*knowledge*), kemahiran (*skills*) dan sikap (*attitude*).

Pelbagai kursus dan program telah dilaksanakan untuk klien-klien AADK antaranya Program Latihan Kemahiran Vokasional Jangka Panjang dan Jangka Pendek yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian, Agensi dan syarikat berkaitan Kerajaan seperti Kementerian Sumber Manusia (KSM), Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Akademi Binaan Malaysia (ABM), Institut Kemahiran MARA (IKM), GiatMara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MoA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC). Sepanjang tahun 2018, seramai 382 orang klien telah menerima Sijil Latihan Kemahiran Vokasional daripada pusat latihan kemahiran vokasional bertauliah. Daripada jumlah tersebut 201 orang menerima sijil daripada Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN). Seramai 60 orang terima sijil daripada GiatMara, 110 orang daripada ABM dan 11 orang daripada IKM.

Di samping itu juga, sehingga Mei 2019, seramai 171 orang klien telah menerima sijil latihan kemahiran vokasional. Antaranya 131 orang klien *Cure & Care Vocational Centre (CCVC)* Sepang dalam bidang Bidang Juruteknik Automotif, Jurubina Bangunan, Kimpalan Arka Logam Berperisai, Penyediaan Pastry, Atendan Landskap, Pendawaian Elektrik Domestik dan Jahitan Pakaian Lelaki. Seramai 40 orang klien *Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC)* Kuching tamat latihan dalam bidang *Aluminium Framework Fabrication* Tahap 1.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, AADK telah menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta iaitu Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM) mulai tahun 2019. FMM yang mempunyai 11 cawangan di seluruh negara dan kini sebagai organisasi ekonomi sektor swasta terbesar di Malaysia yang mewakili lebih daripada 3,000 syarikat perkhidmatan pembuatan dan perindustrian yang mempunyai pelbagai saiz. Dengan kerjasama ini, adalah diharapkan agar bekas penagih dadah akan mendapat peluang pekerjaan apabila tamat menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan.

Mengikut rekod AADK sehingga 31 Mei 2019, seramai 1,587 orang klien daripada 1,928 orang klien iaitu sebanyak 82.31% telah mendapat penempatan pekerjaan sebelum pembebasan dari pusat-pusat pemulihan melalui pelbagai usaha dan jalinan kerjasama yang diadakan di seluruh negara. AADK telah menjalankan kerjasama dengan pelbagai Kementerian dan Agensi kerajaan antaranya KSM, KBS, MoA, Jabatan Tenaga Kerja dan pelbagai lagi dalam memastikan klien-klien AADK mendapat pekerjaan sebelum mereka dibebaskan. Mengikut statistik Orang Kena Pengawasan (OKP) yang bekerja, sehingga 31 Mei 2019 menunjukkan 39,987 orang mendapat pekerjaan daripada 53,937 keseluruhan OKP seluruh negara iaitu sebanyak 74.14% keseluruhan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini juga, satu insentif pelepasan cukai pendapatan majikan telah di mula diwartakan oleh Kementerian Kewangan pada 11 Jun 2019. Insentif ini bertujuan memberi galakan kepada majikan-majikan untuk mengambil klien-klien AADK di mana mereka akan mendapat pelepasan cukai pendapatan sebanyak RM4,000.00 setahun daripada pihak LHDN bagi setiap bekas klien yang diambil bekerja. Insentif ini diharap akan membuka lagi ruang dan peluang kepada semua majikan agar sama-sama membantu dalam kepulihan klien selepas mereka dibebaskan kelak.

Pada masa yang sama, Kerajaan turut mengiktiraf peranan badan-badan bukan kerajaan (NGO) seperti Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM), Persatuan Pengasih Malaysia dan Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) serta pemimpin-pemimpin komuniti adalah penting dalam membantu bekas-bekas penagih dadah

yang telah tamat menjalani program rawatan dan pemulihan di institusi untuk menyesuaikan diri dalam masyarakat.

Justeru itu, Kementerian menyeru semua pihak, terutamanya pemimpin-pemimpin komuniti, ahli-ahli komuniti dan juga ahli keluarga klien untuk turut sama membantu Kerajaan dalam proses kepulihan klien kerana masalah penagihan dadah adalah tanggung jawab bersama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DATO' HAJI AHMAD NAZLAN
BIN IDRIS [JERANTUT]**

TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN NO.93

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian bercadang akan memberikan diskaun tambahan bil elektrik daripada 10 peratus pada ketika ini kepada jumlah diskaun yang lebih tinggi kepada rumah ibadat, sekolah kebangsaan dan universiti awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Buat masa ini Kerajaan tiada rancangan untuk menambah jumlah diskaun bil elektrik semasa iaitu 10% kepada rumah ibadat, sekolah kebangsaan dan universiti awam kerana peningkatan diskaun tersebut akan ditanggung oleh pengguna lain melalui kadar tarif yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 94

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan status terkini program *padi variety* PadiU Putra yang diusahakan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan Projek PadiU Putra ini berjaya dan dapat memberikan manfaat kepada pesawah serta mampu untuk meningkatkan taraf sosioekonomi pesawah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Universiti Putra Malaysia (UPM) sedang bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) untuk mendapatkan kelulusan pihak yang berkaitan.

Varieti PadiU Putra1 selesai menjalani ujian percubaan oleh MOA dan telah memberikan hasil yang positif. Varieti ini dijangka dapat dikomersialkan dan digunakan untuk penanaman secara meluas di seluruh negara bermula pada awal tahun 2020. Adalah diharapkan Varieti PadiU Putra1 ini akan dapat membantu negeri Kedah sebagai Jelapang Padi Negara mempertingkatkan pengeluaran padi bagi menampung keperluan domestik negara.

Sekian, terima kasih.

RJM 72

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI [IGAN]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 95

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa jumlah sekolah daif di kawasan Parlimen P.207 Igan. Nyatakan sekolah berkenaan dan bila akan dibina baru serta kos yang terlibat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, terdapat tujuh (7) buah sekolah daif di Parlimen Igan telah dinaik taraf dan dibangunkan semula dengan kos projek berjumlah RM65.31 juta. Perkara ini meliputi enam (6) projek yang dilaksanakan pada tahun 2018 iaitu SK Kpg Pangtray, SK Ulu Daro, SK Nangar, SK Orang Kaya Sergunim, SK Bruan Mapal dan SK Kpg Penasu Daro. manakala sebuah sekolah dinaik taraf pada tahun 2017 iaitu SK Kuala Matu. Kesemua projek ini telah siap sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

RJM 73

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 96

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk melaksanakan semula Dasar PPSMI yang sudah pun dimansuhkan oleh Kerajaan terdahulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) telah digantikan dengan dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) secara berperingkat-peringkat mulai tahun 2010. Namun demikian, Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12/2011 pada 4 November 2011 telah membenarkan kohot murid yang telah mengikuti PPSMI sebelum tahun 2010 meneruskan penggunaan bahasa Inggeris sehingga tamat Tingkatan 5 berdasarkan kesediaan guru dan murid di sekolah.

Di bawah dasar MBMMBI pula, *Dual Language Program* (DLP) pula telah diperkenalkan mulai pada tahun 2016 dengan memberi pilihan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran bidang Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris.

NO. SOALAN : 96

Berkenaan pelaksanaan semula dasar PPSMI, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan mengkaji secara terperinci kewajaran pelaksanaan semula dasar ini dengan menyediakan perincian strategi dan mekanisme yang bersesuaian berhubung pelaksanaan semula PPSMI bagi memastikan semua pihak telah betul-betul bersedia terutama penerimaan oleh semua lapisan pihak masyarakat.

Sekian, terima kasih.

RJM 74

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 97

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tahap capaian dan penggunaan 4G di seluruh Malaysia pada masa kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status liputan jalur lebar 4G/LTE yang terkini adalah sebanyak 80% meliputi kawasan berpenduduk di seluruh Malaysia . Negeri Perlis khususnya, kadar liputan 4G/LTE telahpun menjangkau sehingga 85.4% manakala negeri berhampiran iaitu Kedah, mempunyai kadar liputan setinggi 76.3%.
2. Melalui ujian yang telah dilakukan oleh badan bebas berkaitan perkhidmatan jalur lebar mudah alih, purata kelajuan bagi malaysia telah meningkat kepada 21.26Mbps dengan tersedianya liputan 4G/LTE yang semakin meluas.
3. Pada masa yang sama, pihak Kerajaan terus berusaha untuk menambahbaik dan meningkatkan liputan di seluruh negara sepanjang tempoh pelaksanaan selama 5 tahun (2019-2023) melalui Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara atau National Fiberisation and Connectivity Plan, (NFCP). Antara sasaran yang telah ditetapkan di bawah NFCP adalah sebanyak 98% di kawasan berpenduduk di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 98

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapa kampus Kolej Matrikulasi Labuan begitu ketara sekali tidak terselenggara selama ini dan apakah langkah-langkah yang sudah dirancang untuk RMK-12 ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin dalam memastikan fasiliti yang disediakan di Kolej Matrikulasi sentiasa dalam keadaan yang terbaik agar pelajar dapat belajar serta menikmati kemudahan dalam suasana yang kondusif dan selesa. Untuk makluman, Kolej Matrikulasi Labuan telah beroperasi mulai tahun 1999 dan telah berusia 20 tahun. Kapasiti pelajar di Kolej Matrikulasi Labuan adalah berjumlah 3,000 orang. Sehingga 17 Jun 2019, jumlah enrolmen sesi 2019/2020 di Kolej Matrikulasi Labuan adalah seramai 2,949 orang.

Setiap tahun, penyelenggaraan berkala dan penyelenggaraan pembaikan dilaksanakan bagi memastikan jangka hayat bangunan terpelihara dan mengelakkan kerosakan yang lebih teruk kepada fasiliti di kolej berkenaan. Sepanjang tahun 2015 sehingga 2019, KPM telah membelanjakan sejumlah RM7,279,931.00 untuk penyelenggaraan di kolej berkenaan. KPM juga telah mengemukakan cadangan skop penyelenggaraan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk pertimbangan pelaksanaan pada tahun 2019 melibatkan kos penyelenggaraan sebanyak RM3.952juta. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 99

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**
menyatakan :-

- a. apakah sebab serta punca utama berlakunya kekurangan benih padi seperti yang dialami oleh petani di kawasan Perak Tengah dan kawasan utara Semenanjung; dan
- b. apakah tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah ini pada masa hadapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Antara punca kepada masalah kekurangan benih padi pada musim lalu adalah disebabkan oleh serangan penyakit padi seperti penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB) yang menyerang kawasan penanaman padi di Malaysia. Serangan ini turut terjadi di kawasan Perak Tengah dan kawasan utara Semenanjung; yang mana susulan serangan penyakit tersebut, Kementerian melalui Jabatan Pertanian tidak dapat mengesahkan benih padi yang dihasilkan daripada ladang benih di kawasan tersebut untuk dijadikan benih padi berdasarkan standard yang telah ditetapkan.

Selain daripada masalah serangan penyakit ke atas ladang benih, masalah kekurangan benih padi juga disebabkan oleh permintaan yang tinggi oleh petani terhadap varieti-varieti baharu benih padi yang mana pengeluarannya masih terhad berbanding permintaan. Stok benih padi bagi varieti-varieti sedia ada pula adalah mencukupi tetapi petani lebih berminat dengan varieti yang baharu samada oleh sebab harganya yang lebih murah atau terpengaruh dengan dakwaan keupayaan penghasilannya yang lebih tinggi.

- b) Bagi mengatasi masalah serangan penyakit ini, Kementerian melalui Jabatan Pertanian telah mengenalpasti ladang benih terpilih bagi menggantikan ladang-ladang benih yang telah diserang dengan penyakit. Penyelarasan akan dibuat di antara petani dan pengeluar benih bagi mendapatkan maklum balas varieti yang ingin ditanam oleh petani dengan mengambil kira keperluan sesuatu varieti benih padi semasa.

Selain itu, Kementerian melalui Jabatan Pertanian sedang membuat kajian tentang keperluan mewujudkan stok penimbal (*stockpile*) benih padi sah untuk mengatasi masalah kekurangan benih padi sah akibat serangan penyakit dan bencana. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BT. ANWAR
(PERMATANG PAUH)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pembaharuan sistem penjara seperti yang dinyatakan oleh YB Menteri pada 22 April 2019, terutamanya berikutan pengumuman sasaran Jabatan Penjara untuk menyerap sebanyak 75% banduan tidak ganas ke dalam perkhidmatan komuniti korektif menjelang 2030.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan pelan reformasi penjara akan membolehkan 2/3 banduan sabitan yang layak menjalani pemulihan di luar penjara menjelang 2030. Ini adalah selaras dengan fungsi dan konsep sesebuah penjara yang bertujuan antaranya untuk membangunkan semula insan dan mengintegrasikan semula ke dalam masyarakat.

Berasaskan sasaran tersebut, pencapaian serta proses yang sedang dalam tindakan adalah seperti berikut:

- i. Pada ketika ini pencapaiannya adalah 16.8% dari 22,000 banduan yang layak (2/3 dari banduan yang layak), sedang menjalani program parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Program Reintegrasi Penghuni Industri di luar penjara;
- ii. Berasaskan kejayaan yang dicapai melalui Sistem Parol dan Perintah Kehadiran Wajib yang sedang dilaksanakan, cadangan perluasannya telah dibuat oleh Jabatan Penjara yang melibatkan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Penjara 2000 serta pindaan kepada tempoh hukuman bagi Perintah Kehadiran Wajib;
- iii. Jabatan Penjara Malaysia juga telah mengemukakan cadangan pindaan terhadap Peraturan-Peraturan Penjara melalui pelepasan bersyarat (pelepasan secara lesen) untuk sebahagian besar daripada 16,000 banduan, yang mana hukumannya adalah satu tahun ke bawah. Melalui pelepasan secara lesen tersebut, banduan yang memenuhi syarat pemilihan boleh mengikuti program latihan pekerjaan di mana banyak tawaran telah diterima dari sektor perkilangan, pembuatan, pembinaan, perkhidmatan dan pertanian;

- iv. Memperkasakan latihan kemahiran vokasional, latihan bersijil serta sistem latihan pekerjaan di dalam penjara bagi membolehkan banduan yang layak, dipertimbangkan untuk mengikuti program pekerjaan dan program Reintegrasi Penghuni Industri. Faktor peluang pekerjaan adalah antara faktor utama yang mampu membendung pengulangan kes jenayah dan residivis;
- v. Memperkemaskan sistem pemulihan yang dilaksanakan dari segi ujian psikologi yang bersesuaian dengan kategori banduan berkenaan untuk melihat kesediaan penerimaan pemulihan, kesesuaian bentuk pemulihan dan tahap risiko seseorang banduan;
- vi. Cadangan *Probation* dan *Community Correction* yang melibatkan pelbagai alternatif kepada hukuman pemenjaraan, sedang dalam penilaian oleh institusi perundangan dan kehakiman; dan
- vii. Mengemukakan cadangan pelaksanaan *Prison Supervision* untuk bekas banduan dalam tempoh tertentu bagi membolehkan bekas banduan turut dibantu menyesuaikan diri ke dalam komuniti, serta semasa dalam tempoh penyeliaan tersebut diberi peluang pekerjaan yang bersesuaian.

Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Penjara Malaysia juga sentiasa mengadakan sesi *engagement* dengan Agensi-agensi berkaitan berhubung reformasi penjara bagi memastikan komponen-komponen di bawah inisiatif yang dirangka ini dapat dilaksanakan dalam masa terdekat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN MOHD NIZAR B. ZAKARIA (PARIT)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) adakah Kementerian bercadang untuk melaksanakan transformasi penjara melalui pemasangan litar tertutup CCTV ke seluruh penjara bagi memantau aktiviti banduan di penjara; dan
- (b) apakah terdapat sebarang usaha oleh pihak Kementerian untuk memperbaiki kemudahan dan keperluan banduan di penjara seperti bekalan air, kebersihan tandas dan permakanan yang sihat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Penjara telah melaksanakan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu (SKEB) yang merupakan satu sistem yang diintegrasikan bersama *Closed Circuit Television System (CCTV)*, pagar keselamatan, alat penggera, *guard tour* dan lain-lain peralatan pemantauan. Walau bagaimanapun masih terdapat penjara yang hanya dipasang dengan CCTV. Sehubungan itu bagi mempertingkatkan kawalan keselamatan dan pemantauan kerajaan juga telah meluluskan sejumlah peruntukkan bagi tujuan pemasangan SKEB di penjara-penjara yang belum mempunyai sistem berkenaan.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebersihan merupakan aspek utama yang sentiasa dititikberatkan oleh Jabatan Penjara Malaysia kerana ia amat berkait dengan kesihatan, disiplin diri, layanan dan pemulihan. Usaha bagi memastikan sel dan premis penjara sentiasa bersih dijelaskan melalui langkah yang diambil seperti berikut;
- i. Kebersihan dijadikan salah satu aspek utama dalam pembinaan disiplin diri setiap banduan selaras dengan ketetapan Peraturan Penjara.
 - ii. Pemeriksaan yang dilaksanakan pada setiap hari oleh kakitangan bertugas perlu memastikan antaranya sel, tempat kerja serta tempat beriadah banduan sentiasa bersih, kemas dan selamat digunakan;
 - iii. Pegawai Perubatan Penjara secara berkala akan memeriksa sel dan semua bahagian penjara bagi memastikan kebersihan penjara, kebersihan air, pakaian, makanan, kesihatan banduan dan tentang cukup atau tidak diet dan cara menyediakan diet yang betul; dan

SOALAN: 101

- iv. Pemeriksaan dari semasa ke semasa oleh Jabatan Kesihatan, Lembaga Hakim Pelawat, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) serta *International Committee of the Red Cross (ICRC)*. Di antara aspek utama yang diberikan penekanan semasa lawatan dan pemeriksaan oleh agensi berkaitan adalah berhubung kait dengan kebersihan dan kesihatan;
- v. Makanan yang disediakan untuk banduan adalah berdasarkan kepada skala diet yang seimbang yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
- vi. Bekalan air masak diberikan kepada semua banduan pada setiap hari untuk dijadikan minuman. Selain dimasak kualiti kebersihan air serta makanan turut dipantau oleh pegawai perubatan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 102

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini dasar pengambilan pelajar bagi Program Matrikulasi KPM dan jumlah tempat yang ditawarkan mengikut kaum dan jurusan bagi tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk melaksanakan hasrat Kerajaan dengan memberi akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi KPM dengan memberi keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru, sebanyak 60 peratus tempat di Program Matrikulasi KPM diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 manakala baki 40 peratus diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan M40 dan T20.

Dasar KPM untuk pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi KPM dikekalkan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera dengan pertambahan kepada 40,000 tempat. Walau bagaimanapun, kolej-kolej matrikulasi sedia ada hanya boleh menampung sehingga 30,000 orang pelajar dengan penambahan peruntukan sebanyak RM17,647,550.00 untuk penyelenggaraan dan

NO. SOALAN : 102

pembaikan infrastruktur semua Kolej Matrikulasi KPM di seluruh Malaysia.

Sehingga 17 Jun 2019, keseluruhan 55,324 tawaran telah dibuat bagi kedua-dua jurusan Sains dan Perakaunan. Jumlah ini merangkumi 48,948 bagi bumiputera dan 6,376 bagi bukan bumiputera.

Sekian, terima kasih.

RJM 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 103

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan menjelaskan projek kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Sarawak untuk mengusahakan pertanian berskala besar di Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Jabatan Pertanian Sarawak telah merancang dan melaksanakan pelbagai program pembangunan pertanian di seluruh Negeri Sarawak. Di antara program pertanian berskala besar yang telah dilaksanakan di Sarawak adalah :

1) Program Pembangunan Industri Kelapa;

Melalui peruntukan dalam RMK-11, pembangunan industri kelapa adalah meliputi komponen-komponen seperti berikut:

- i. Tanam Baru Kelapa Berkelompok ;
- ii. Tanam Baru Kelapa Individu ;

iii. Program Pembangunan dan Penguatan Pengeluaran Benih Kelapa Berhasil Tinggi ; dan

iv. Khidmat Sokongan Teknikal & Pemantauan Projek.

Kawasan tumpuan bagi pembangunan industri kelapa ialah Mukah, Betong, Samarahan, Kuching, Bintulu, Miri dan Limbang. Sehingga tahun 2018, kawasan seluas 738 ha telah dibangunkan dengan penyertaan 738 orang peserta. Dan pada tahun 2019, Jabatan mensasarkan 195 ha kawasan baru dengan penglibatan 172 peserta.

2) Pembangunan Pertanian Di Bawah Stesen Bersepadu Tanah Tinggi Ulu Baram

Baram telah dikenalpasti sebagai kawasan yang sesuai dibangunkan dengan tanaman komersil berpotensi seperti tanaman kopi dan pelbagai jenis herba (kacangma, kayu manis dan serai), tanaman nanas, kobis dan tomato serta buah-buahan tempatan. Sebagai permulaan tanaman seperti tanaman kopi lebih diberi keutamaan setelah mengambil kira kekurangan infrastruktur asas terutamanya jalan utama di kebanyakan kawasan Baram.

Sebanyak RM2,000,000 diperuntukkan bagi pembangunan pertanian di Baram dengan kawasan seluas 112ha dan melibatkan 112 peserta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 104

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pendirian Kerajaan berkaitan isu matrikulasi yang menjadi perdebatan baru-baru ini, adakah kuota sedia ada akan dikekalkan atau akan dikaji semula bagi memenuhi tuntutan sesetengah pihak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited untuk melaksanakan hasrat Kerajaan dengan memberi akses dan peluang pendidikan kepada yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi KPM dengan memberi keutamaan kepada golongan berpendapatan rendah (B40). Justeru, sebanyak 60 peratus tempat di Program Matrikulasi KPM diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan B40 manakala baki 40 peratus diperuntukkan kepada pelajar daripada golongan M40 dan T20.

Dasar pengambilan pelajar ke Program Matrikulasi KPM dikekalkan kepada 90 peratus untuk pelajar Bumiputera dan 10 peratus untuk pelajar bukan Bumiputera dengan pertambahan kepada 40,000 tempat selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April 2019. Walau bagaimanapun, kolej-kolej matrikulasi sedia ada hanya boleh menampung sehingga 30,000 orang pelajar dengan penambahan peruntukan sebanyak RM17,647,550.00 untuk penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur semua Kolej Matrikulasi KPM di seluruh Malaysia. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]
TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 105

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan kuantiti terkini sisa toksik radioaktif “*Water Leach Purification*” (WLP) dan ‘*Neutralization Underflow Residue*’ (NUF) yang terkumpul di tapak kilang Lynas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Jumlah kuantiti residu *Water Leach Purification* (WLP) yang dihasilkan oleh Lynas sehingga data terkini iaitu pada 18 Mei 2019 adalah sebanyak 580,362 tan metrik.
2. Manakala *Neutralization Underflow Residue* (NUF) adalah sebanyak 1000854.31MT

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. NURUL IZZAH ANWAR (PERMATANG PAUH)

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 106

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah yang bakal diambil oleh Kerajaan untuk memastikan setiap perjanjian perdagangan dibahaskan di dalam Dewan Rakyat sebelum kelulusan bukan sekadar menerusi persetujuan kabinet.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan amalan semasa, keputusan penyertaan Malaysia dalam setiap perjanjian antarabangsa, *international treaty* (dengan izin), termasuk perjanjian perdagangan bebas atau *free trade agreement (FTA)* adalah di bawah bidang kuasa Jemaah Menteri.
2. Walau bagaimanapun, Jemaah Menteri boleh membuat keputusan untuk membawa dan membahaskan cadangan penyertaan Malaysia dalam perjanjian antarabangsa di Dewan Rakyat sekiranya Jemaah Menteri membuat keputusan sedemikian.

Tuan Yang Dipertua,

3. Secara prinsipnya, apa-apa perjanjian perdagangan bebas yang ditandatangani Malaysia perlu bebas dan adil, memberikan dengan izin,

SOALAN NO. 106

mutually beneficial outcomes serta selaras dengan hasrat Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara demi memastikan manfaat ekonomi negara dapat diagihkan kepada golongan sasaran dalam mencapai dan menjamin kesejahteraan sosio ekonomi negara.

Sebagai sebuah negara perdagangan, penyertaan Malaysia dalam FTA secara dua hala atau di peringkat serantau adalah penting sebagai salah satu platform untuk meningkatkan daya saing syarikat-syarikat tempatan melalui layanan keutamaan atau dengan izin, *preferential treatment*, peningkatan akses pasaran dan fasilitasi perdagangan yang diperolehi melalui FTA tersebut. Kerajaan tidak akan sewenang-wenangnya dan terburu-buru menyertai sebarang FTA yang akan menjejaskan keupayaan Kerajaan untuk melaksanakan dasar-dasar pembangunan negara.

4. Selaku Kementerian yang bertanggungjawab menyelaraskan penyertaan Malaysia dalam perjanjian perdagangan antarabangsa, MITI memastikan bahawa pandangan dan cadangan dari semua pemegang taruh meliputi penggubal dasar, sektor swasta, badan-badan bukan Kerajaan, dan pihak berkepentingan diambilkira dan diteliti sebaiknya melalui proses konsultasi dan perbincangan secara *public forum* dan sesi khusus.

Sebagai salah satu langkah terbaru, MITI telah menubuhkan *Trade and Industry Advisory Council (TIAC)* pada 27 Jun 2019 yang dianggotai oleh wakil-wakil dari pelbagai organisasi yang mewakili pelbagai kepakaran, perspektif dan pengalaman untuk membantu Kerajaan membincang dan menentukan dasar-dasar baharu termasuk dalam isu-isu berkaitan Perjanjian Perdagangan Bebas. Proses-proses ini dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan hak-hak negara dilindungi, manakala peluang-peluang mengembangkan ekonomi, perdagangan dan pelaburan negara di peringkat global dan serantau diterokai sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan warga-warga China, India, Jepun dan Amerika Syarikat tersabit kesalahan dan diambil tindakan undang-undang mengikut pecahan tahun dan jenis kesalahan dari tahun 2010 hingga 2019.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Statistik Jenayah Indeks merupakan petunjuk utama situasi jenayah semasa negara yang dipecahkan kepada 2 kategori iaitu jenayah kekerasan dan jenayah hartabenda. Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menjalankan tindakan penguatkuasaan kepada mana-mana individu yang didapati melanggar undang-undang negara ini tanpa mengira status warga negara mereka.

Berdasarkan statistik jenayah indeks bagi warga China dari tahun 2010 hingga 31 Mei 2019, sebanyak 442 kes jenayah telah dilaporkan di mana jenayah kekerasan adalah sebanyak 178 kes manakala jenayah hartabenda pula sebanyak 264 kes.

Bagi warga India pula untuk tempoh yang sama, sebanyak 3,195 kes telah dilaporkan dengan pecahan jenayah kekerasan adalah sebanyak 957 kes manakala jenayah hartabenda pula sebanyak 2,238 kes.

Untuk jenayah yang dilakukan oleh warga Amerika Syarikat pula, berdasarkan statistik jenayah indeks untuk tempoh yang sama, sebanyak 15 kes telah dilaporkan di mana 6 kes melibatkan jenayah kekerasan manakala baki 9 kes merupakan jenayah hartabenda.

Manakala statistik jenayah indeks bagi warga Jepun untuk tempoh yang sama pula, sebanyak 3 kes telah dilaporkan di mana 2 kes melibatkan jenayah kekerasan dan baki 1 kes lagi merupakan jenayah harta benda.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN
BIN MOHAMAD [LIPIS]**
TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 108

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan hasil rundingan Kementerian dengan Kerajaan Australia berkaitan sisa buangan radioaktif dari kilang Lynas di Kuantan sekaligus memastikan pengoperasian kilang Lynas ini dapat diteruskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Lawatan Kerja Menteri MESTECC ke Australia telah ditunda ke tarikh yang akan ditentukan kemudian.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 109

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah perbelanjaan setiap tahun Institut Kajian China, Universiti Malaya, dari 2004 hingga 2019. Apakah pencapaian dan fungsinya dalam membantu membentuk dasar luar negara terhadap China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Institut Pengajian China (ICS) di Universiti Malaya ditubuhkan pada tahun 2003 hasil lawatan rasmi Perdana Menteri ke negara China ketika itu. ICS merupakan pusat penyelidikan pertama di Malaysia yang memberi fokus kepada negara China. Institut ini berfungsi sebagai sumber rujukan dan penasihat kepada agensi kerajaan, sektor korporat dan diplomatik mengenai isu-isu yang berkaitan dengan ekonomi, politik, perniagaan dan hubungan strategik atau hubungan dua hala.

Bagi tempoh lima (5) tahun kebelakangan ini, ICS telah membelanjakan sebanyak RM817,712.00 bagi membiayai pelbagai aktiviti termasuk penyelidikan, persidangan, seminar dan pengurusan operasi ICS. Sehingga kini pelbagai aktiviti dilaksanakan oleh ICS yang memberi manfaat kepada kedua-dua negara. Antaranya :

1. Penglibatan *Track II / Think Tank* dengan pihak *think tank* di Negara China secara aktif dan berterusan, termasuk *China*

Institute of International Studies, Chinese Academy of Social Sciences, Chinese People's Institute of Foreign Affairs dan sebagainya.

2. Penglibatan dan kolaborasi secara aktif dan berterusan dengan Universiti-universiti di Negara China seperti *Xiamen University* dan *Guangxi University*.
3. Menjadi penghubung antara pemimpin negara dengan pegawai-pegawai di *International Department of the Chinese Communist Party* melalui hubungan diplomasi.
4. Pertemuan *ad-hoc* dengan pegawai dari Kementerian Luar Negeri mengenai hal-hal yang berkaitan dengan Negara China.
5. Kerjasama dengan Kementerian Pertahanan Malaysia dalam menganjurkan dialog strategik dua hala Malaysia-China.

Sekian, terima kasih.

RJM 78

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 110

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan untuk menambah bilangan universiti awam dan menaik taraf universiti sedia ada bagi meningkatkan pengambilan pelajar-pelajar selaras dengan hasrat pelan pendidikan tinggi untuk melahirkan lebih ramai graduan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga kini, terdapat dua puluh (20) universiti awam (UA) di bawah pemantauan dan tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dalam masa terdekat KPM tidak bercadang untuk menambah bilangan UA. Ini memandangkan UA sedia ada adalah mencukupi dan mampu untuk menampung keperluan negara dari segi pelajar, lokasi, tenaga pengajar dan bidang pengajian yang ditawarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 111

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan dasar dan polisi Kementerian berkaitan kemasukan dan lambakan barangan terpakai negara-negara luar yang dieksport masuk ke Malaysia yang bukan sahaja menjejaskan alam sekitar bahkan menjejaskan ekonomi khususnya yang melibatkan hasil pembuatan barangan tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) hanya mengawal selia kemasukan buangan terjadual di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dan Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Buangan Berbahaya Merentasi Sempadan dan Pelupusan, 1989. Pengimportan buangan terjadual hanya boleh dipertimbangkan kepada Premis yang Ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang Ditetapkan) (Kemudahan Pengolahan dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989 yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) sahaja mengikut kriteria yang ditetapkan.

2. Aktiviti ini dilihat dapat menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan sederhana yang terlibat dalam sektor pembuatan atau kitar semula barangan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 112

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada terdapat perancangan untuk memperkenalkan pengajian alam sekitar sebagai satu subjek khusus di sekolah. Jika ya, bila ia akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan tiada keperluan untuk memperkenalkan Pengajian Alam Sekitar sebagai satu mata pelajaran khusus di sekolah pada masa ini. Hal ini kerana, tajuk-tajuk berkaitan alam sekitar telah dimasukkan dalam kurikulum mata pelajaran sedia ada di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah. Tajuk berkaitan alam sekitar dinyatakan secara eksplisit dalam Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran kurikulum mata pelajaran seperti Geografi, Asas Kelestarian, Sains, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

Aspek alam sekitar juga dijadikan sebagai salah satu daripada elemen merentas kurikulum melalui elemen Kelestarian Alam Sekitar dan Kelestarian Global. Kedua-dua elemen ini bertujuan meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang berkaitan dan seterusnya berupaya mengaplikasi dan mengamalkannya dalam kehidupan harian.

NO. SOALAN : 112

Selain itu, tajuk-tajuk berkaitan pengajian alam sekitar sebagai elemen merentas kurikulum dilaksanakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran dalam mata pelajaran seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah.

Sekian, terima kasih.

RJM 80

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan jumlah lebihan penghuni di penjara ketika ini terutama di Selangor dan Kuala Lumpur.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani masalah kesesakan atau kepadatan penghuni di dalam penjara terutamanya di Lembah Klang, Jabatan Penjara tidak mengambil pendekatan semata-mata untuk pembinaan penjara baru dalam mengatasi masalah kepadatan. Sebaliknya, beberapa langkah proaktif diambil untuk menangani atau mengurangkan masalah tersebut:

- i. Melaksanakan pemindahan banduan dari penjara sesak ke penjara yang kurang sesak;
- ii. Mempergiatkan pelaksanaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib dan Pusat Pemulihan Pemasarakatan yang mana kini telah melibatkan seramai 41,274 orang yang telah dan sedang menjalani pemulihan di luar penjara;

- iii. Meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;
- iv. Mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti;
- v. Kerjasama dengan mahkamah dan Jabatan Imigresen bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman; dan
- vi. Meneliti lain-lain bentuk alternatif kepada hukuman pemenjaraan dan pelaksanaan program pemulihan di luar penjara yang mungkin boleh dilaksanakan di Malaysia.

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia sentiasa bekerjasama dalam memastikan inisiatif-inisiatif dalam menangani masalah kesesakan di penjara ini dilaksanakan, bersama-sama dengan Agensi kerajaan lain yang berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 114

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** berapakah jumlah kes tipu atas talian menerusi panggilan telefon yang dilaporkan dari Januari hingga Jun 2019 dan apakah tindakan Kementerian dalam menangani isu jenayah siber.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kegiatan penipuan ataupun 'scam' (dengan izin) sama ada secara dalam talian (*online*) ataupun luar talian (*offline*) adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Bank Negara Malaysia (BNM) atau agensi-agensinya berkenaan; tertakluk kepada bentuk-bentuk penipuan yang dijalankan.

2. Dalam menangani kes-kes penipuan dalam talian, jalinan kerjasama erat antara pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan agensi penguatkuasaan seperti pihak PDRM, KPDNHEP, dan BNM telah pun sedia terjalin meliputi aspek bantuan teknikal berhubung siasatan, pembekalan maklumat, analisa forensik digital, serta pelaksanaan tindakan sekatan berdasarkan permohonan daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

3. Daripada tahun 2018 hingga Mei 2019, pihak SKMM telah menerima sejumlah **1,535** aduan awam berkaitan aktiviti berunsur penipuan, yang seterusnya dirujuk kepada agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan seperti pihak PDRM, KPDNHEP, atau Bank Negara Malaysia (BNM) untuk perhatian dan tindakan lanjut di bawah bidang kuasa mereka.
4. Dalam tempoh yang sama, **831** laman palsu yang dikenali sebagai laman "*Phishing*" telah disekat di bawah AKM 1998 melalui usahasama pemantauan institusi-institusi perbankan yang terlibat dalam *Internet Banking Task Force* (IBTF) yang diketuai oleh Bank Negara Malaysia.
5. Satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadu yang dikenali sebagai "Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-MCMC" telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan tersusun, termasuklah bagi perkara melibatkan isu penipuan dalam talian. Kerjasama dan kolaborasi antara kedua-dua pihak khususnya dalam perkongsian maklumat dan kepakaran adalah bertepatan bagi melancarkan gerak kerja dan penguatkuasaan untuk menangani isu penyalahgunaan media sosial dengan lebih efektif.
6. Selain itu, pihak penyedia perkhidmatan komunikasi juga telah diarahkan untuk mengemaskini pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar untuk memastikan bahawa semua nombor yang aktif disahkan dengan sewajarnya. Ini bagi mengelakkan ianya disalahguna oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan penipuan dan seumpamanya.
7. Sehingga Mei 2019, sebanyak **1,128,385** talian prabayar yang didaftar secara meragukan telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **755,567** talian telah ditamatkan perkhidmatannya dan **372,818** telah dikemaskini dengan maklumat yang sah.
8. Melalui agensi lain seperti Cybersecurity Malaysia (CSM), pelbagai inisiatif lain turut dijalankan bagi membendung ancaman jenayah siber. Antara usaha yang dijalankan ialah dengan membangunkan aplikasi *big data analytics* (BDA) yang berupaya meramalkan trend ancaman siber dari semasa ke semasa, anjuran program CyberSAFE (*Cyber Security*

Awareness for Everyone) serta Perkhidmatan Amaran Awal Siber (Cyber999) yang berperanan sebagai pusat koordinasi setempat. Ini membolehkan pengguna Internet menghubungi Pusat Bantuan Cyber999 untuk melaporkan insiden-insiden keselamatan siber seperti pencerobohan siber, kecurian identiti, pembulian siber, penipuan siber dan sebagainya.

9. Pihak Kementerian turut memberi keutamaan terhadap usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung penipuan dalam talian. Bagi tujuan tersebut, pihak SKMM menggerakkan program-program advokasi pengguna menerusi kempen-kempen kesedaran di seluruh negara, serta melalui hebahan media massa bagi memupuk kesedaran dan kewaspadaan orang ramai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 115

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan situasi pengaksesan pendidikan kepada kanak-kanak tiada dokumen di Sarawak khasnya Parlimen Saratok. Sejauh manakah usaha Kementerian bagi mengalakkan dan membantu mereka untuk berdaftar bersekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyelesaikan masalah kanak-kanak tanpa dokumen untuk diterima masuk ke sekolah rendah bagi meneruskan sesi pembelajaran terutamanya di kawasan luar bandar. Antara usaha yang telah dibuat adalah berdasarkan kepada:

1. Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bilangan 1 Tahun 2009 bertarikh 11 Mac 2009: Kemasukan Kanak-Kanak Warganegara Malaysia Tanpa Dokumen yang menjelaskan penerimaan kemasukan kanak-kanak tanpa dokumen, iaitu anak kepada salah seorang ibu atau bapanya warganegara bersekolah di sekolah kerajaan;
2. Surat Siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2018 bertarikh 15 Januari 2018: Permohonanan Kemasukan Sekolah Murid Bukan Warganegara dengan memberikan tempoh dua tahun kepada ibu bapa atau penjaga menguruskan dokumen pengenalan diri kanak-kanak ini;

3. Menyahut amanat oleh YB Menteri bagi mendaftarkan kanak-kanak tanpa dokumen yang salah seorang ibu atau bapanya adalah warganegara untuk bersekolah; dan
4. Menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Negara bagi membantu murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan mendaftarkan kelahiran kanak-kanak tersebut.

Sehingga 3 Mei 2019, Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM) merekodkan bilangan murid tiada dokumen bagi Parlimen Saratok adalah seramai tiga (3) orang, iaitu seorang murid Tahun Tiga dan dua (2) orang murid Tingkatan Tiga.

Sekian, terima kasih.

RJM 82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG (TANJONG MALIM)

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status laporan berhubung dengan pembelian enam helikopter bernilai lebih RM300 juta pada 2015 yang masih belum diterima oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kontrak perolehan *light attack helicopter* telah diteliti oleh Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) dan laporannya telah diserahkan kepada Kementerian Pertahanan pada 13 Mei 2019.

Pada masa ini, kementerian sedang meneliti opsyen penyelesaian terbaik bagi memastikan kepentingan kerajaan tidak terjejas.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara spesifiknya tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap Haziq Abdul Aziz berkenaan pengakuan beliau di dalam satu rakaman video tular terhadap satu kemungkinan kelakuan jenayah di bawah Kanun Keseksaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kes berkenaan disiasat di bawah seksyen 377B Kanun Keseksaan iaitu melakukan persetubuhan yang bertentangan dengan aturan tabii, seksyen 292 Kanun Keseksaan iaitu menjual dan sebagainya buku-buku dan sebagainya yang lucah, seksyen 504 Kanun Keseksaan iaitu dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan dan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian. Setakat ini, pihak polis telah memanggil seramai 22 orang saksi untuk memberi keterangan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, siasatan bagi kes ini masih lagi diteruskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT (BETONG)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan yang pengedaran dadah diluar bandar dapat dibendung dan nyatakan jumlah kes tangkapan bagi Bahagian Betong Sarawak bagi tahun 2018 hingga sekarang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian melalui PDRM sentiasa komited dalam usaha membanteras kegiatan pengedaran dan penagihan dadah di seluruh negara termasuk di kawasan luar bandar. PDRM sentiasa mengambil pendekatan yang holistik dalam usaha membendung masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di kawasan luar bandar melalui langkah-langkah seperti berikut :-

- i) Bekerjasama dengan masyarakat melalui perkongsian maklumat dengan melaksanakan Program Kepolisan Masyarakat (*Community Policing*). Melalui program ini, platform “*One Stop Committee*” (OSC) digunakan untuk merekodkan maklumat dadah bagi diambil tindakan segera;

- ii) Meningkatkan kerjasama dengan pelbagai agensi Kerajaan/Swasta, Pejabat Daerah, NGO, Persatuan Penduduk, JKKK dan masyarakat dalam perkongsian maklumat serta operasi bersama;
- iii) Menjalankan “Operasi Sarang” selepas mengenalpasti sarang-sarang penagih dan juga pengedar-pengedar dadah di kawasan luar bandar bagi membanteras kegiatan penagihan dan pengedaran dadah;
- iv) Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan dan menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui tindakan undang-undang di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985; dan
- v) Mengadakan ceramah dan pameran berkaitan dadah kepada masyarakat terutamanya di luar bandar bagi memberi pengetahuan dan kesedaran berkaitan bahayanya dadah.

Jumlah keseluruhan kes dan tangkapan dadah di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Racun 1952 di Bahagian Betong Sarawak bagi tahun 2018 adalah sebanyak **153 kes** dengan **166 tangkapan**. Manakala bagi bulan Januari hingga Mei 2019 sebanyak **97 kes** dengan **106 tangkapan** di bawah akta yang sama. PDRM akan terus memantau dan menjalankan aktiviti penguatkuasaan dalam usaha membasmi masalah pengedaran dan penyalahgunaan dadah di kalangan masyarakat di Bahagian Betong Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 119

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membendung kegiatan penyeludupan masuk sisa plastik tercemar ke negara ini. Adakah apa-apa bahan sisa plastik tercemar ini telah dihantar balik ke negara asal dan tindakan mahkamah telah diambil terhadap mana-mana individu dan/atau syarikat pengimportan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Bagi menangani masalah ini secara keseluruhan, Kementerian mengambil langkah-langkah berikut:
 - (i) meneruskan operasi penguatkuasaan di pelabuhan-pelabuhan secara bersepadu dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp) dan Lembaga Pelabuhan;
 - (ii) meneruskan operasi penguatkuasaan di kilang kitar semula plastic termasuk kilang haram secara bersepadu dengan Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal

Negara (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (SWCorp), Tenaga Nasional Berhad dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM);

- (iii) penubuhan Jawatankuasa Induk Pengurusan Skrap Plastik yang diterajui bersama MESTECC dan KPKT diperingkat Menteri dan pegawai kanan Kementerian bagi menangani isu lambakan sisa plastik; dan
 - (iv) menganjurkan program peningkatan kapasiti pegawai-pegawai teknikal dan penguatkuasa berkaitan sisa plastik import.
2. Sehingga kini, sebanyak 7 kontena sisa plastik telah dihantar ke negara asal manakala 18 lagi dalam proses pemantauan penghantaran semula ke negara asal. Terdapat 13 kontena sisa plastik yang masih dalam penyiasatan di Pelabuhan Klang dan 11 kontena sisa plastik telah disiasat di Pelabuhan Pulau Pinang.
3. Tiada tindakan mahkamah diambil setakat ini. Walau bagaimanapun, notis arahan bagi pemulangan semula kontena sisa plastik telah dikeluarkan oleh JAS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD.
NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 120

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :-

- a. perkembangan cadangan bagi memecahkan monopoli BERNAS dalam industri padi dan beras; dan
- b. jangkaan manfaat ekonomi yang akan diterima oleh petani dan pengusaha industri tempatan serta kumpulan pengguna di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a. Terdapat 2 fasa dalam membangunkan Model Baharu Pengurusan Industri Padi dan Beras iaitu fasa 1 (*Soft Landing*) bagi tempoh 2019 sehingga 2020 dan fasa 2 iaitu selepas tamat tempoh konsesi di antara Kerajaan dan BERNAS pada 10 Januari 2021. Pada peringkat fasa 1 ini, fokus Kementerian berhubung pemecahan monopoli BERNAS adalah melihat keseluruhan aspek berhubung Perjanjian Konsesi BERNAS menerusi kajian keseluruhan yang sedang dilaksanakan melibatkan kerjasama juru perunding daripada pihak World Bank dan pakar tempatan (*local expertise*). Kajian ini dijangka akan diselesaikan pada suku pertama tahun 2020.

b. Di antara aspek utama yang diteliti ke arah pengenalan Model Baharu Industri Padi dan Beras ini adalah mengkaji kesan penamatan Perjanjian Konsesi BERNAS di sepanjang rantai industri terdiri yang terdiri daripada pesawah, pengilang, pemborong, peruncit dan pengguna bagi memastikan industri ini terus dinamik dan berdaya saing serta memberi manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Selain itu, kajian juga akan menumpukan peranan obligasi sosial yang dijalankan oleh pihak BERNAS dan cadangan penstrukturan semula obligasi sosial ini. Jangkaan manfaat ekonomi yang diperolehi dengan memperkukuhkan semula rantai industri terhadap petani adalah peningkatan pendapatan petani manakala diperingkat pengusaha industri tempatan akan mewujudkan industri yang lebih kompetitif dan lebih berdaya saing seterusnya memberi manfaat kepada kumpulan pengguna dengan memastikan bekalan beras yang mencukupi, berkualiti dan harga yang stabil. Model Baharu Pengurusan Industri Padi dan Beras ini akan dilaksanakan semasa fasa 2 iaitu selepas tamat Perjanjian Konsesi BERNAS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID (KAPAR)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kumpulan sokongan dan kumpulan Orang Asli disamaratakan dengan kumpulan *regular* dalam perkhidmatan polis.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Skim gaji perkhidmatan PDRM yang digunakan masa kini adalah berdasarkan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Polis Diraja Malaysia Tahun 2016 (Rujukan: Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016). Pihak PDRM menjustifikasikan penugasan hakiki, beban kerja, dan risiko yang ditanggung oleh Pegawai Polis PDRM pada masa kini sejajar dengan kehendak Kerajaan.

Buat masa ini, tiada kajian untuk mengubah syarat-syarat pengambilan bagi skim perkhidmatan bagi jawatan Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Orang Asli (Gred YP1) dan juga Pegawai Rendah Polis dan Konstabel Sokongan (Gred YT1) daripada PMR/PT3 ke Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kementerian berpandangan dengan menaikkan kelayakan pendidikan ini akan mengecilkan peluang dan secara tidak langsung menafikan keistimewaan kepada mereka untuk menyertai PDRM.

Namun begitu, mana-mana di kalangan mereka yang mempunyai kelayakan pendidikan yang lebih tinggi berpeluang untuk menyertai pengambilan di peringkat Konstabel (*Regular*), Sarjan dan Inspektor. Sekiranya di kalangan mereka menunjukkan prestasi yang cemerlang Suruhanjaya Pasukan Polis boleh mempertimbangkan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) mengikut syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABD AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 122

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan setakat ini bagi meningkatkan pendapatan petani, penternak dan nelayan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kementerian melalui Jabatan dan Agensi yang berkaitan bagi meningkat pendapatan petani, penternak dan nelayan di sepanjang rantaian nilai iaitu :

1) Peringkat Pengeluaran (Huluan)

Penggunaan teknologi dan inovasi pertanian melalui kaedah-kaedah pertanian moden seperti fertigasi, *nutrient film technique* (NFT), *vertical farming* dan cantuman dewasa yang dilihat berupaya meningkatkan produktiviti pengeluaran dan pendapatan.

Pelaksanaan program pembiakbakaan melalui kaedah pernianan beradas (*Artificial Insemination*) dalam sektor ternakan, pemerksaan penggunaan teknologi ICT dalam sektor perikanan dengan aplikasi pangkalan data berpusat, dan peralihan kaedah

konvensional kepada fertigasi dalam pengeluaran tanaman seperti cili. Tanaman cili secara fertigasi dengan keluasan 5 ekar di jangka menyumbangkan pendapatan sebanyak RM165,000 semusim.

Penerapan Amalan Pertanian Baik di sepanjang rantai nilai juga penting bagi mendapat produk yang berkualiti dan selamat dimakan pada harga yang berpatutan.

2) Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (Hiliran)

i. Program Geran Pemadanan *Change Upgrade Product* (CUP) dan *High Impact Product* (HIP) yang menawarkan bantuan dalam bentuk perolehan mesin, peralatan dan penambahbaikan premis.

Dijangka nilai jualan produk dapat ditingkatkan ke Tahap 4 dan ke atas (melebihi RM300,000 hingga RM1,500,000). Seramai 166 orang usahawan telah dibantu menerusi geran pemadanan ini. Bagi Pembangunan Pusat Pemprosesan sebanyak 39 buah pusat pemprosesan, pembungkusan dan pemasaran telah ditambah baik.

ii. Rantai Pemasaran. Mewujudkan ruang pasaran bagi hasil-hasil perikanan, produk-produk pertanian dan ternakan untuk dipasarkan secara langsung bagi memberi jaminan pasaran dan pulangan yang lebih tinggi seperti Pasar Tani, Pasar Nelayan dan Program Pengukuhan Bekalan Ladang Kontrak (KUKUH).

3) Kepelbagaian aktiviti ekonomi

Petani, penternak dan nelayan digalakkan untuk mempelbagaikan aktiviti ekonomi bagi meningkatkan pendapatannya melalui keterlibatan dalam bidang *mix farming*, akuakultur, ternakan ikan hiasan, industri asas tani dan agro-pelancongan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KHOO POAY TIONG
(KOTA MELAKA)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pelancong asing dari China yang mempunyai visa pelawat tetapi tidak dibenarkan masuk apabila tiba Malaysia untuk tahun 2015-2018, dan apakah sebab-sebab mereka tidak dibenarkan masuk walaupun visa sudah diluluskan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Notis Penolakan Masuk (NPM) dikeluarkan untuk melarang kemasukan seseorang ke Malaysia berpandukan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), jumlah warganegara Republik Rakyat China (RRC) yang dikeluarkan NPM bagi sepanjang tempoh tahun 2015 hingga 2018 adalah berjumlah 20,987 orang.

Faktor-faktor seseorang warganegara asing dilarang untuk memasuki Malaysia dan dikeluarkan NPM antara lainnya adalah seperti berikut:

- i. tidak memiliki pasport atau dokumen perjalanan yang sah untuk memasuki Malaysia;
- ii. tidak mempunyai visa sah (bagi negara yang memerlukan visa untuk memasuki Malaysia);
- iii. nama tersenarai di dalam Senarai Syak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM);
- iv. tergolong sebagai imigran larangan di bawah Seksyen 8(3) Akta Imigresen 1959/63;
- v. tidak mempunyai 'wang tunjuk' untuk membuktikan keupayaan menanggung kos perbelanjaan sara diri sepanjang tempoh keberadaan di Malaysia;
- vi. pemegang pasport sebuah negara yang tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Malaysia dan tiada kelulusan khas dari KDN untuk memasuki Malaysia; dan

- vii. mana-mana orang yang tergolong sebagai golongan pelawat asing yang dilarang dari memasuki Malaysia oleh sesuatu pihak berkuasa Kerajaan atau oleh sebab-sebab tertentu seperti ditetapkan oleh Ketua Pengarah melalui pemberitahuan semasa.

Bagi warganegara RRC, pelaksanaan *Electronic Travel Registration and Information* (eNTRI) merupakan kemudahan tanpa visa bagi pelawat RRC untuk memasuki Malaysia atas tujuan melancong / sosial. Ia mula dilaksanakan pada 1 Mac 2016 sebelum diperluaskan kepada pelancong warganegara India pada 1 April 2017 dengan pelanjutan dilaksanakan secara tahunan mengikut dasar semasa Kerajaan. Tempoh keberadaan yang dibenarkan adalah selama 15 hari.

Walau bagaimanapun, berdasarkan Seksyen 9A Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) berkaitan kuasa Ketua Pengarah mengehendkan kemasukan ke dalam Malaysia, pihak Imigresen boleh membataskan tempoh mana-mana orang atau golongan orang yang memasuki atau memasuki semula Malaysia untuk berada di Malaysia, atas kepentingan keselamatan awam atau apa-apa keadaan ekonomi, perindustrian, sosial, pendidikan atau keadaan lain.

Berdasarkan *Standard Operating Procedure* (SOP) sedia ada bagi tujuan kawalan di pintu masuk, pegawai imigresen mempunyai kuasa untuk menyemak beberapa kriteria NPM seperti dinyatakan sebelum menentukan kelayakan kemasukan individu dan tempoh keberadaannya di Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 124

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cadangan Kementerian menaik taraf Sekolah Kebangsaan Methodist, Sungai Siput kerana telah usang dan kepadatan pelajar yang tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah penting untuk kita memahami bahawa sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terbahagi kepada dua jenis iaitu sekolah kerajaan (SK) dan sekolah bantuan Kerajaan (SBK). Sekolah kerajaan merupakan institusi pendidikan yang ditubuh, dibina, disenggara dan dibiayai sepenuhnya oleh KPM. Manakala, sekolah bantuan kerajaan merupakan institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh pihak lain yang menjadi pemilik kepada tapak atau bangunan sekolah dan hanya menerima sumbangan bantuan modal dan sumbangan bantuan penuh daripada kerajaan yang merangkumi gaji guru dan kakitangan sekolah.

Untuk Makluman Yang Berhormat Sungai Siput, SK Methodist Sungai Siput merupakan sebuah SBK. Adalah menjadi tanggungjawab pihak yang berkepentingan bagi sekolah berstatus SBK khususnya Lembaga

Pengelola Sekolah (LPS) untuk memastikan keadaan fizikal sekolah sentiasa berada pada tahap yang memuaskan. Namun, KPM turut bersedia membantu meringankan bebanan pihak berkepentingan tersebut demi menjamin kelangsungan pendidikan di sekolah berkenaan tertakluk kepada permohonan serta pertimbangan yang sewajarnya.

SK Methodist Sungai Siput pernah menerima peruntukan di bawah Tabung Penyelenggaraan pada tahun 2015, 2016 dan 2017. Peruntukan yang diterima adalah berjumlah RM20,000.00 bagi tahun 2015, RM26,400.00 bagi tahun 2016 dan RM60,000.00 bagi tahun 2017. Manakala peruntukan bagi tahun 2018 adalah berjumlah RM40,000.00. Jumlah ini ditentukan selepas konsultasi dengan Federation of Councils of Christian Mission Schools Malaysia (FCCMSM).

Sekian, terima kasih.

RJM 83

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
[PETRAJAYA]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 125

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah graduan perguruan yang telah mendapat tempat untuk berkhidmat dan adakah keutamaan diberikan kepada kepada anak negeri untuk berkhidmat di negeri asal masing-masing bagi mengurangkan risiko tekanan akibat berjauhan dari keluarga.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan guru baharu yang diperaku lantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di setiap negeri. Walau bagaimanapun, guru baharu kelahiran Sabah dan Sarawak diberi keutamaan untuk ditempatkan di negeri Sabah dan Sarawak berdasarkan Dasar *Empowerment* 90:10 (Dasar 90:10).

Graduan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dari universiti awam yang ditempatkan di sekolah menengah bagi tahun 2017 sehingga 2019 adalah seramai 7,515 orang, iaitu 3,538 orang bagi tahun 2017, 2,258 orang bagi tahun 2018 dan 1,719 orang bati tahun 2019. Manakala seramai 7,911 orang graduan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dari Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah ditempatkan di sekolah rendah bagi tahun 2017 sehingga 2019. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,374 orang ditempatkan pada tahun 2017, 1,347 orang pada 2018 dan 1,190 orang pada 2019. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ
[TANAH MERAH]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 126

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha yang dilakukan oleh Kementerian dalam usaha menangani masalah mahasiswa terpaksa 'ikat perut' kerana masalah kewangan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat prihatin dan mengambil berat ke atas hal ehwal kebajikan mahasiswa di Institut Pendidikan Tinggi (IPT). KPM dengan kerjasama IPT telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam membantu pelajar melalui pelbagai program bantuan. Antara program tersebut termasuklah :

1. Program Skim Zakat dan Bantuan Kebajikan Pelajar, HEP *Food Coupon*, *Food Pantry* di Kolej/Fakulti/Persatuan, HEP *Emergency Cash*, *Central Kitchen*, *UM Campus Foodbank* dan *FSSS Food Pantry* yang dilaksanakan di Universiti Malaya (UM);
2. Bantuan lain yang juga sedang dilaksanakan oleh Kerajaan ialah Program *Foodbank* Malaysia. Program ini adalah satu inisiatif kerajaan dibawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang telah dilancarkan oleh YAB

Perdana Menteri pada 22 Disember 2018 bagi membantu meringankan beban golongan yang memerlukan termasuklah pelajar IPT. Setakat ini, UM, USM, UKM, UPM, UPM, UMS, UNISZA, UTM, UIAM, UNIMAS, dan UMK telah melaksanakan program ini dan akan diperluaskan kepada semua UA dalam masa terdekat;

3. Program Peluang Perniagaan di UMT; *Job On Campus* di UTM; bantuan sara hidup kepada mahasiswa B40 dari Yayasan Tunku Abdul Rahman dan bantuan kewangan pembiayaan yuran kursus kepada mahasiswa B40 daripada Lembaga Amanah Kolej Islam Malaysia di UIAM dan CIMB *Foundation Be SMART Programme* di UKM;
4. Program bantuan Tabung Sadaqah dan bantuan Tabung Infaq di UniSZA;
5. Skim Mahasiswa Bekerja dan bantuan Tabung Kebajikan Mahasiswa di UPSI; bantuan Sara Diri dan bantuan Yuran Pengajian di UMP dan sebagainya juga turut diperkenalkan bagi memastikan kebajikan pelajar IPT terpelihara;
6. Malahan, Bantuan Pelajar Pendidikan Tinggi (BPPT) berjumlah RM100 telah diumumkan oleh Kerajaan kepada setiap pelajar di IPT pada 28 Mac 2019 berfokus kepada keperluan pendidikan pembelajaran memandangkan pelbagai agensi, badan bukan kerajaan dan Kementerian lain telah menyantuni pelajar dengan bantuan makanan.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM melalui Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) amat prihatin dengan hal kebajikan pelajar khususnya terhadap mereka yang menghadapi masalah kewangan. Sehubungan itu, semua politeknik dan kolej komuniti mempunyai Tabung Kebajikan Pelajar yang melaksanakan program pemberian makanan secara percuma kepada pelajar yang kurang mampu bagi memastikan pelajar dapat meneruskan pembelajaran tanpa halangan daripada segi kewangan. Selain itu,

bantuan kewangan kepada pelajar dihulurkan daripada sumbangan komuniti setempat dengan berkerjasama dengan Jabatan-Jabatan Agama Negeri serta sumbangan zakat bagi membantu pelajar semasa pengajian.

Bersama Majlis Perwakilan Pelajar dan Gerakan Pengguna Siswa, KPM membuat pemantauan secara kerap melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar di politeknik dan kolej komuniti masing-masing untuk mengesan pelajar yang mempunyai masalah kesempitan wang atau apa-apa masalah lain yang dihadapi pelajar. Selain itu, Majlis ini turut memainkan peranan dengan menimbulkan isu harga makanan kepada pihak pengurusan politeknik dan kolej komuniti sekiranya pihak pembekal gagal mematuhi harga yang telah ditetapkan. Pelajar juga boleh membuat sebarang aduan termasuk harga makanan di kafeteria politeknik melalui peti aduan dan e-aduan yang boleh diakses melalui laman web beberapa politeknik dan kolej komuniti.

Beberapa politeknik dan kolej komuniti juga menyediakan kiosk-kiosk di dalam kawasan politeknik dan kolej komuniti bagi Program Keusahawanan Pelajar. Ini akan menggalakkan para pelajar untuk berniaga disamping memberi pendapatan sampingan kepada mereka. Secara keseluruhannya, isu kebajikan pelajar sentiasa di pandang serius oleh politeknik dan kolej komuniti bagi memastikan kebajikan pelajar terjaga.

Lanjutan daripada itu, PTPTN juga telah menetapkan tiga kadar pinjaman iaitu kadar **maksimum** untuk pelajar atau ibubapa dari kalangan penerima BSH (B40), kadar 75 peratus daripada kadar maksimum untuk pelajar daripada ibubapa berpendapatan bawah RM8,000 dan tidak menerima BSH, manakala kadar 50 peratus daripada kadar maksimum kepada pelajar dari ibubapa berpendapatan lebih RM8,000 sebulan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (RABU)

Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan usaha-usaha Kementerian bagi tangani penyebaran meluas berita-berita palsu, sensitif dan kebencian yang boleh mengganggu gugat keharmonian masyarakat berbilang kaum dan kestabilan negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) melalui 4 saluran TV termasuk Saluran Berita Percubaan dan 33 saluran radio serta pelbagai perkhidmatan atas taliannya sentiasa membuat hebahan dan menyebarkan maklumat yang menyeluruh mengenai dasar, aktiviti dan program kerajaan agar rakyat mendapat fakta yang tepat dan sahih. Penyebaran informasi dilaksanakan melalui:

- a. Berita setiap jam melalui Radio & TV.
- b. Berita tebuk (*breaking news*) untuk melaporkan perkara penting semasa dari lapangan secara *real time*.
- c. 60 *crawler* berita sehari dalam semua slot berita sebagai maklumat tambahan.
- d. Rancangan bual bicara di Radio & TV yang disertai oleh penggubal dasar, agensi kerajaan, ahli akademik, pihak berautoriti untuk memberi penjelasan kepada rakyat mengenai dasar, program dan aktiviti kerajaan.

- e. Siaran radio di sepanjang masa menyebarkan maklumat dasar program dan aktiviti kerajaan melalui 'talking points' yang diselitkan di antara lagu-lagu yang disiarkan.
 - f. Aktiviti visual radio yang diadakan di lokasi-lokasi yang terpilih juga menyebarkan luas informasi kepada rakyat melalui kaedah bersemuka.
 - g. Rakaman rancangan bual bicara dimuat naik dalam siaran online RTM supaya rakyat dapat merujuk bahan-bahan yang telah disiarkan.
2. Kesemua langkah ini adalah bertujuan untuk mendorong rakyat mendapat manfaat daripada dasar kerajaan.
3. Kandungan berita RTM yang diterbitkan berdasarkan garis panduan penerbitan berita, garis panduan siaran TV, fakta sebenar dan sumber yang sah, sesuai dengan tagline yang digunakan rancangan berita di TV dan radio iaitu, #YangSahihdiRTM.

Tuan Yang Dipertua,

4. BERNAMA dalam hal yang sama turut memantau berita-berita palsu dan sensitif. Dalam masa sama, BERNAMA telah mengambil inisiatif memberi gambaran sebenar dengan menyebarkan luaskan fakta dan berita sah supaya masyarakat dapat memperolehi berita yang berautoriti. Penghasilan berita dan laporan khas juga dihasilkan berkonsepkan kemakmuran bersama meliputi masyarakat berbilang kaum termasuk kumpulan minoriti dan etnik kaum Sabah dan Sarawak.
5. Laporan berita-berita ini disiarkan menerusi platform konvensional dan media sosial BERNAMA termasuk saluran *Bernama News Channel* (BNC) dan Bernama Radio.

6. Pada masa yang sama, Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) juga sedang giat menjalankan kerjasama dengan kementerian berkaitan bagi menjelaskan sesuatu isu di peringkat akar umbi. Penerangan berkenaan isu dilaksanakan melalui strategi komunikasi yang terancang dan berkesan untuk memastikan pelaksanaan dasar kerajaan dapat meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

7. Skop penerangan ini merangkumi aspek menguar-uarkan inisiatif dan kejayaan kerajaan menerusi program advocacy, engagement dan outreach di seluruh negara.

8. Selain itu, penjelasan berkenaan berita-berita palsu dan sensitif ini akan turut dilakukan melalui infografik, karikatur dan penerbitan video pendek yang dimuat naik ke dalam media sosial.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG (KEPONG)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang ditahan di negara asing kerana terlibat dengan aktiviti keganasan dan adakah wajar Kerajaan membenarkan mereka pulang semula ke negara ini tanpa mereka dikenakan hukuman berat di negara asing yang berkenaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod semasa Polis Diraja Malaysia (PDRM), sehingga 15 Jun 2019, seramai 39 orang rakyat Malaysia telah ditahan di negara asing khususnya di sekitar Syria kerana terlibat dengan aktiviti keganasan yang dinaungi oleh Kumpulan Daesh. Individu-individu ini telah ditahan di tiga buah pusat tahanan di Syria iaitu Idlib, Penjara Al-Hasakah dan Kem Pelarian Al Houli.

Merujuk kepada persoalan tentang kewajaran kerajaan untuk membenarkan mereka pulang adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Malaysia untuk memastikan keselamatan, hak dan kebajikan rakyat yang berada di luar negara terjamin. Dalam hal ini, Kerajaan akan berusaha untuk membawa pulang kesemua mereka yang berada di sana dengan menggunakan pelbagai cara termasuklah melalui hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara berkenaan.

Namun begitu usaha membawa pulang mereka perlulah dilaksanakan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Di samping itu mereka juga perlu mengikut proses perundangan negara ini selain mengikuti program deradikalisasi atau proses pemulihan khusus bagi memastikan mereka ini bebas sepenuhnya daripada ideologi keganasan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 129

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk melancarkan program susu percuma untuk pelajar-pelajar sekolah rendah untuk meningkatkan kesihatan murid-murid dan anggaran jumlah kosnya setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2019 ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan program Menu Susu kepada semua murid penerima Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di seluruh negara. Program ini merupakan perluasan kepada program RMT sedia ada, iaitu susu dijadikan menu minuman tambahan kepada murid-murid penerima RMT.

Murid-murid yang layak menerima susu tersebut adalah semua murid penerima RMT bagi tahun 2019 iaitu murid dari keluarga berpendapatan Ketua Isi Rumah di bawah Paras Garis Kemiskinan Nasional (kategori miskin tegar), murid yang berada di sekolah orang Asli/Penan, dan murid berkeperluan khas dengan syarat ibu bapa/penjaga haruslah menandatangani surat setuju terima tambahan menu susu dalam program RMT ini.

NO. SOALAN : 129

Setiap murid akan mendapat dua (2) kotak susu seminggu. Pembekalan keseluruhan maksimum adalah sebanyak 40 kotak bagi setiap murid bermula 10 Jun 2019 sehingga 31 Oktober 2019. Anggaran jumlah kos bagi program menu susu ini adalah sebanyak RM39 juta sepertimana yang telah diluluskan melalui Belanjawan 2019.

Sekian, terima kasih.

RJM 86

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 130

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana usaha yang diambil oleh Kementerian bagi memberi ruang yang lebih luas kepada para pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti dan dasar menyeluruh yang diambil untuk meningkatkan mutu pendidikan dan menilai semula dasar sedia ada.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dan komited untuk memberi ruang yang lebih luas kepada para pelajar melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti. Selain itu, KPM sentiasa berusaha memastikan kecemerlangan pendidikan Tingkatan Enam bagi membolehkan lebih ramai lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat universiti. Bagi tujuan tersebut, KPM memberi tumpuan kepada enam (6) aspek di dalam Inisiatif Penjenamaan Semula Tingkatan Enam seperti berikut:

1. Memberi fokus kepada info dan infrastruktur dengan mewujudkan Kolej Tingkatan Enam (Mod 1) dan Pusat Tingkatan Enam Mod 2 yang memusatkan murid-murid daripada sekolah-sekolah luar bandar ke premis yang khusus. Sehingga kini terdapat 645 buah

Pusat Tingkatan Enam yang terdiri daripada 21 Kolej Tingkatan Enam, 87 Pusat Tingkatan Enam Mod 2 dan 537 Pusat Tingkatan Enam Mod 3. Menjelang tahun 2025, dijangkakan terdapat 28 Kolej Tingkatan Enam di seluruh negara;

2. Memantapkan kemudahan capaian internet di Kolej dan Pusat Tingkatan Enam bagi tujuan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP);
3. Memberi fokus kepada imej dan anjakan minda yang mana KPM sentiasa memastikan semua murid lepasan SPM yang layak ditawarkan kemasukan ke Tingkatan Enam;
4. Memberi fokus kepada pengurusan dan pentadbiran yang mana pelantikan guru Tingkatan Enam adalah berdasarkan kepakaran guru yang bersesuaian dengan mata pelajaran STPM;
5. Memberi fokus kepada mod pengajaran dan pembelajaran (PdP). KPM sentiasa berusaha meningkatkan kemahiran guru Tingkatan Enam dalam penyelidikan ilmiah supaya dapat membimbing murid melaksanakan kerja kursus/penyelidikan yang merupakan salah satu syarat wajib memperoleh sijil STPM. Untuk tujuan tersebut, KPM telah melaksanakan Kolokium Pendidikan Tingkatan Enam Peringkat Kebangsaan sebagai platform membincangkan hasil penyelidikan dan kajian guru bagi meningkatkan kualiti PdP; dan
6. Memberi tumpuan dalam aspek akademik yang mana semua Kolej dan Pusat Tingkatan Enam di seluruh negara telah menetapkan sasaran pencapaian STPM bagi setiap tahun. Penetapan sasaran ini merupakan hala tuju bagi meningkatkan STPM setiap negeri dan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran pelajar ke institusi pengajian tinggi dan menceburi bidang kejaya pada masa hadapan.

Selain itu, KPM turut memberi akses dan peluang pendidikan kepada pelajar yang layak untuk mengikuti Program Matrikulasi untuk melayakkan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah pertama di peringkat universiti. Sehingga sesi 2018/2019, 15 buah Kolej Matrikulasi Kementerian Pendidikan di seluruh negara mampu menempatkan pelajar lepasan SPM terpilih yang memenuhi syarat

kemasukan dengan kapasiti maksimum sebanyak 25,000 tempat. Manakala bagi sesi 2019/2020 jumlah tempat di Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan telah ditambah kepada 40,000 tempat selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 April 2019.

Kurikulum Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan diiktiraf oleh institusi pendidikan tinggi (IPT) dan dikemas kini secara berterusan agar sentiasa relevan. Pada tahun 2018, kurikulum berteraskan *Outcome-Based Education* (OBE) dilaksanakan dalam inisiatif ke arah pematuhan jaminan kualiti program mengikut Standard Kursus Asas (*Foundation* 2014) dan Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA) Edisi Kedua 2018 oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

KPM juga sentiasa memastikan Program Matrikulasi kekal relevan dengan semua pihak pemegang taruh termasuk institusi pendidikan di luar negara menerusi inisiatif dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025, iaitu Pengakreditan Antarabangsa Program Matrikulasi KPM. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Program Penandaarasan Standard Kurikulum dan Pentaksiran Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan dengan Pearson Edexcel Fasa 1 (*Level 3 Advanced GCE*) di United Kingdom pada 23 hingga 27 September 2013 di Pearson London.

Program pembangunan profesionalisme berterusan bagi pensyarah di Kolej Matrikulasi KPM juga dilaksanakan selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam yang bertujuan untuk menggalakkan pembangunan diri, penguasaan pengetahuan, kemahiran, kreativiti dan inovasi. Program latihan berstruktur dianjurkan dari semasa ke semasa bagi memastikan pensyarah di kolej dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran terkini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci tindakan-tindakan yang telah diambil berkenaan dapatan oleh SUHAKAM dalam suatu inkuiri bahawa anggota polis Cawangan Khas (SB) adalah bertanggungjawab terhadap kehilangan paksa membabitkan pastor Raymond Koh dan Amri Che Mat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jemaah Menteri melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Mei 2018 telah bersetuju supaya Kementerian Dalam Negeri (KDN) menubuhkan Pasukan Petugas Khas bagi menyiasat laporan SUHAKAM berhubung kes kehilangan pastor Raymond Koh dan Amri bin Che Mat.

Sehubungan itu, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas yang berkuat kuasa bermula pada 1 Julai 2019 dengan diberi mandat untuk menjalankan siasatan dalam tempoh enam (6) bulan dan hasil dapatan Pasukan Petugas Khas ini perlu dibentangkan kepada Jemaah Menteri kelak. Pasukan Petugas Khas ini dianggotai seramai enam (6) orang yang terdiri daripada pesara Kerajaan dan Pegawai Kerajaan yang masih berkhidmat dari pelbagai agensi.

Buat masa ini, Pasukan Petugas Khas ini akan menjalankan siasatan terlebih dahulu terhadap kes kehilangan Amri bin Che Mat dan di dalam memastikan ketelusan dan tiada konflik kepentingan, Kementerian Dalam Negeri telah mengarahkan PDRM untuk melantik pasukan Pegawai Penyiasat (IO) yang baharu, tidak pernah terlibat dengan penyiasatan kes ini dan bukan dari Cawangan Khas, PDRM.

Walau bagaimanapun, memandangkan kes Pastor Raymond Koh masih dalam perbicaraan di mahkamah, maka siasatan oleh Pasukan Petugas Khas ini hanya akan dibuat setelah selesai perbicaraan di mahkamah supaya tidak mengganggu kes perbicaraan tersebut.

Dengan tertubuhnya Pasukan Petugas Khas ini, diharapkan agar siasatan yang lebih telus dapat dijalankan dalam memberi keadilan kepada semua pihak khususnya kepada keluarga mangsa serta pihak-pihak yang berkaitan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN PANG HOK LIONG (LABIS)

TARIKH : 09 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) tarikh Zakir Naik membuat permohonan untuk taraf kerakyatan Malaysia dan tarikh beliau diberikan taraf Penduduk Tetap (PR) Malaysia; dan
- (b) tarikh Zakir Naik diberikan taraf Kewarganegaraan Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) telah mengeluarkan Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) kepada Zakir Abdul Karim Naik atau lebih dikenali umum sebagai Dr. Zakir Naik pada 21 April 2016. Pengeluaran MyPR kepada individu tersebut telah dilaksanakan secara teratur dan mengikut prosedur yang ditetapkan iaitu berdasarkan pemilikan Permit Masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM). Berhubung dengan isu permohonan kewarganegaraan Malaysia pula, hasil semakan mendapati bahawa tiada rekod permohonan kewarganegaraan daripada individu tersebut dalam pangkalan data JPN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 133

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status penyaluran dan pelaksanaan terkini peruntukan RM1 bilion untuk kegunaan sekolah-sekolah daif di seluruh Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara dasarnya, Kerajaan Negeri Sarawak bersetuju dengan keputusan Kerajaan Pusat iaitu dana peruntukan RM1bilion daripada Kerajaan Negeri Sarawak sebagai bayaran hutang perlu dimasukkan ke akaun Kumpulan Wang Disatukan di Kementerian Kewangan Malaysia selaras dengan Perlembagaan Persekutuan (PP) Perkara 97(1). Keputusan ini adalah hasil daripada sesi perjumpaan di antara YB Menteri Pendidikan dan Ketua Menteri Sarawak yang telah diadakan pada 24 April 2019.

Oleh yang demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu memohon semula peruntukan menaik taraf dan pembaikan sekolah daif Sarawak melalui permohonan bajet tahunan di bawah Peruntukan Pembangunan (DE). Peruntukan sebanyak RM1bilion ini adalah peruntukan "*over and above*" daripada peruntukan pembaikan sekolah daif sedia ada. Pelaksanaan pembangunan sekolah daif di Sarawak ini dapat dilaksanakan sekiranya penyelesaian perjanjian dan bayaran pinjaman dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak kepada Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 134

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan inisiatif yang diambil bagi menangani masalah kehadiran obor-obor jenis “box jellyfish” di perairan Langkawi dan kini memasuki perairan Pulau Pinang. Agensi mana yang menjadi pemantau terhadap penghijrahan hidupan berkaitan yang dipercayai dari negara jiran itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, masalah kehadiran obor-obor jenis “box jellyfish” di perairan Langkawi yang kini memasuki perairan Pulau Pinang adalah disebabkan beberapa faktor seperti penghijrahan secara semulajadi akibat perubahan suhu laut dan berkemungkinan daripada pelepasan *ballast water* atau air balast dari aktiviti perkapalan. Bagi melindungi orang awam daripada ancaman obor-obor, beberapa inisiatif telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri bersama Jabatan Perikanan Malaysia seperti meletakkan tanda amaran bahaya obor-obor bagi mengingatkan pengguna pantai mengenai kehadiran obor-obor di kawasan berkenaan serta mengadakan kempen kesedaran kepada orang awam mengenai bahaya obor-obor dan panduan bantuan kecemasan yang diperlukan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 09 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 135

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan menaik taraf jalan kampung menuju ke Sekolah Menengah Kebangsaan Libaran memandangkan keadaan jalan adalah kurang baik dan membina bangunan asrama bagi keselesaan pelajar-pelajar memandangkan pelajar-pelajar tersebut ada yang duduk 10–20km jauh dari sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dan sentiasa memberikan perhatian terhadap keselamatan dan keselesaan pelajar-pelajar di kawasan luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan bangunan asrama pelajar di SMK Libaran telah dilaksanakan melalui skop di bawah pelaksanaan projek yang telah diluluskan melalui peruntukan pembangunan *Rolling Plan 1*, Rancangan Malaysia Ke-11 tahun 2016. Kos keseluruhan projek ini adalah berjumlah RM29.6 juta. Sehingga 31 Mei 2019, status fizikal bagi keseluruhan projek SMK Libaran telah berada pada peringkat pembinaan dengan prestasi pelaksanaan di tapak iaitu 43 peratus berbanding 72 peratus berdasarkan jadual.

NO. SOALAN : 135

Memandangkan projek ini telah lewat dari jadual, KPM telah mengemukakan Surat Amaran Kemungkiran kepada pihak kontraktor. Berdasarkan prestasi semasa dan tindakan intervensi yang dilaksanakan, projek pembinaan SMK Libaran ini termasuk asrama dijangka dapat disiapkan selewat-lewatnya pada awal tahun hadapan. Walau bagaimanapun, pihak KPM akan terus memantau projek ini dan akan sentiasa mencari penyelesaian yang terbaik dalam memastikan projek ini dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

RJM 89

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 136

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah jenis bantuan serta usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian dalam mempelbagaikan kegiatan pertanian, keusahawanan tani dan agro-pelancongan desa bagi menarik minat orang muda serta golongan belia untuk kekal menetap di luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bantuan serta usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian dalam mempelbagaikan kegiatan pertanian, keusahawanan tani dan agro-pelancongan desa bagi menarik minat orang muda serta golongan belia untuk kekal menetap di luar bandar adalah seperti berikut:

1. Program Latihan

Pelbagai program latihan kepada golongan belia telah dilaksanakan oleh Kementerian. Antaranya ialah Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) di bawah Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) kepada generasi muda yang berumur di antara 18 hingga 25 tahun yang berkelayakan. PLKPK menawarkan sembilan (9) bidang pembelajaran pada peringkat Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) merupakan satu program yang bertujuan untuk melahirkan pekerja mahir dan pengusaha agromakanan bertaraf komersil dan berskala besar melalui penggunaan teknologi terkini. Sehingga kini, Kementerian telah mengeluarkan seramai 6,092 orang graduan Sijil Kemahiran Malaysian Tahap 3 dan Diploma Kemahiran Malaysia.

Selain itu, Jabatan Pertanian (DOA) telah melaksana kursus-kursus jangka pendek, sederhana dan panjang merangkumi pembangunan projek, teknikal pertanian, dan industri asas tani. Pada tahun 2018, sebanyak 3,002 kursus jangka pendek telah dilaksanakan melibatkan seramai 78,615 orang petani. Tujuan pelaksanaan kursus ini adalah supaya petani dapat menambah dan mengembangkan pengetahuan serta kemahiran dalam pengeluaran hasil tanaman yang berkualiti, selamat dimakan sekaligus dapat menjamin pasaran dan meningkatkan pendapatan. Berdasarkan kepada rekod, sehingga 31 Disember 2018, seramai 9,871 orang pengusaha projek industri asas tani telah dibangunkan meliputi pelbagai jenis kategori produk termasuk projek agropelancongan.

2. Insentif Dana dan Pembiayaan

Kementerian juga menyediakan insentif dana dan pembiayaan kepada golongan muda. Sebagai contoh, Program Agropreneur Muda (PAM) telah menyediakan geran untuk perolehan input pertanian bernilai sehingga RM20,000 bagi setiap projek. Pada tahun 2016 – 2018, seramai 5,013 belia telah menerima geran ini yang menyasarkan kepada projek yang berinovasi dan berteknologi moden. Manakala bagi pembiayaan pula, agensi pembiaya seperti Agrobank dan TEKUN Nasional menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Mudah sehingga RM200,000 untuk projek pertanian kepada golongan belia.

Kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM43.76 juta mulai tahun 2014 bagi pembiayaan Geran Pemadanan untuk meningkatkan lagi keupayaan usahawan ke peringkat yang lebih tinggi. Sebanyak RM28.8 juta telah diperuntukkan bagi pembiayaan geran pemadanan *High Impact Product* (HIP) yang melibatkan 196 usahawan tani. Manakala sebanyak RM18.46 juta bagi pembiayaan geran pemadanan *Change Upgrade Product* (CUP) yang melibatkan sebanyak 1,150 usahawan tani.

Setiap tahun, MOA turut menyediakan bantuan/geran menaiktaraf dan membaikpulih infrastruktur kepada pusat-pusat pelancongan yang diusahakan oleh golongan sasaran bagi meningkatkan jumlah kutipan hasil, pendapatan serta jumlah pengunjung ke pusat berkenaan. Seiring dengan itu juga, pada tahun 2018, satu garis panduan telah disediakan untuk menjelaskan kaedah dan tatacara pelaksanaan menaiktaraf dan membaikpulih infrastruktur pusat agropelancongan di bawah MOA.

3. Teknologi

Kementerian juga telah memperkenalkan penggunaan teknologi digital sebagai langkah untuk memodenkan sektor pertanian. Sebagai contoh, MARDI telah menghasilkan 21 aplikasi mudah alih yang digunakan secara aktif sebagai panduan dan sebagai alat bantuan (*tools*) kepada petani dalam usaha untuk memodenkan pertanian negara dan meningkatkan produktivi petani. Sehingga kini, statistik

SOALAN NO. 136

menunjukkan bahawa sejumlah 52,990 telah dimuatturun di *AppsStore* (iOS) dan *Google Play Store* (*Android*).

Dari segi khidmat sokongan penggunaan teknologi, Jabatan Pertanian (DOA) juga telah memperkenalkan aplikasi yang bertujuan untuk mentransformasi perkhidmatan pengembangan pertanian yang boleh dicapai dengan cepat dan mudah tanpa mengira masa dan tempat. Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dalam subsektor tanaman, sebanyak 3 perkhidmatan secara online dan 5 aplikasi mudah alih telah disediakan di bawah DOA. Sehingga Jun 2019, seramai 5,542 telah menggunakan perkhidmatan online ini manakala sebanyak 22,042 muat turun aplikasi oleh pengguna melalui *AppsStore* (iOS) dan *Google Play Store* (*Android*).

4. Pemasaran

Bagi meningkatkan keupayaan usahawan tani sedia ada dan baru untuk menghasilkan dan memasarkan produk berkualiti tinggi, sebanyak RM5.39 juta diperuntukkan melalui Program Naik Taraf Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran. Sebanyak 35 pusat pemprosesan telah dinaik taraf infrastruktur dengan melibatkan kos sebanyak RM2.19 juta pada tahun 2018 dan dijangka sebanyak 46 pusat pemprosesan akan dinaik taraf pada tahun 2019 melibatkan peruntukan sebanyak RM3.19 juta.

Program *New Breed Marketing Entrepreneur* (NBME) turut diperkenalkan oleh FAMA sebagai program transformasi dalam meningkatkan pendapatan belia dalam bidang pertanian dan industri asas tani. Program NBME ini adalah kerjasama di antara FAMA (portal *AgroBazaar Online*), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bersama ahli Kelab MyAgrosis khususnya dan penuntut amnya serta usahawan industri asas tani (IAT). Sehingga kini, sebanyak 19 Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta terlibat dalam program ini dengan penyertaan seramai 2,265 penuntut. Jumlah transaksi yang dicatatkan setakat ini ialah sejumlah RM211,497.00.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [BARAM]

TARIKH : 9.7.2019 (SELASA)

SOALAN NO. 137

minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah '*Point of Sales*' di kawasan Baram serta jumlah peruntukan kewangan yang terlibat untuk pengangkutan barangan dalam program penyelarasan harga barangan di dalam tahun 2019

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna masih meneruskan inisiatif Program Penyeragaman Harga pada tahun 2019. Seperti tahun sebelumnya, Kerajaan menanggung kos penghantaran barang-barang keperluan asas seperti **beras, tepung gandum, minyak masak paket 1kg, gula pasir, gas petroleum cecair (gas memasak), petrol RON95 dan diesel** ke kawasan pedalaman di Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Pada tahun ini, sebanyak **154 buah *Point of Sales (POS)* di 128 kawasan Baram** telah terlibat dalam Program Penyeragaman Harga. Pelaksanaan Program ini di Sarawak khususnya melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM82 juta. Menerusi peruntukan tersebut, sebanyak **RM12 juta** diperuntukkan bagi pengangkutan barangan ke kawasan Baram, Sarawak.

Melalui Program ini, jurang harga di antara kawasan bandar dan pedalaman Sarawak dapat dikurangkan sekaligus membolehkan penduduk mendapat barangan keperluan asas pada harga kawalan yang seragam seperti di seluruh negara. Di samping itu, keadaan terputus bekalan juga dapat dibendung melalui Program ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS
TANGAU (TUARAN)**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memindahkan pangkalan tentera di Lok Kawi, Kota Kinabalu ke Pantai Timur Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Angkatan Tentera Malaysia tiada perancangan untuk memindahkan Pangkalan Tentera Darat di Lok Kawi, Kota Kinabalu ke Pantai Timur Sabah. Kementerian Pertahanan sentiasa peka akan aspek keselamatan yang mesti dipandang serius dalam memastikan keamanan di seluruh negeri Sabah. Demi keselamatan tersebut, Angkatan Tentera Malaysia telah menempatkan kem-kem seperti berikut:

a) Markas Task Force 450 yang kini dikenali sebagai Divisyen Ke-5 Infantri akan dikekalkan berada di Kem Lok Kawi untuk memerintah semua brigid-brigid di bawah naungannya. Manakala, Brigid Ke-5 Infantri yang sekarang berada di Kem Lok Kawi dirancang ditempatkan di Kota Belud untuk menjaga keselamatan Pantai Barat dan pedalaman Sabah. Untuk keselamatan di Pantai Timur Sabah pula, ianya telah diperkukuhkan dengan penubuhan Brigid Ke-13 (ESSCOM) yang kini dikenali sebagai Brigid Ke-13 Infantri di Lahad Datu.

b) Selain itu, keselamatan negeri Sabah juga dipantau secara bersama oleh ketiga-tiga perkhidmatan dengan adanya Markas Angkatan Tugas Bersama 2 di Kem Kukusan, Tawau. Markas Pemerintahan Armada Timur berada di Kota Kinabalu untuk memerintah Pangkalan Laut di Sabah dan Sarawak serta Markas Wilayah Laut 2 berada di Sandakan bagi memantau Pantai Timur Sabah. Markas Wilayah Udara 2 berada di Labuan dan Pusat bantuan Operasi Udara di Tawau bagi memantau keselamatan udara keseluruhan negeri Sabah.

Di samping itu, bagi keselamatan sempadan daratan dengan negara Indonesia, dua buah pasukan Rejimen Sempadan di bawah naungan Brigid Ke-31 Infantri yang berada di Sarawak diaturgerak secara kekal ke Sabah. Batalion Ke-8 Rejimen Sempadan telah diaturgerak dan ditempatkan secara kekal di Tawau pada Januari 2019 manakala sebuah pasukan lagi dijangka akan diaturgerak dan ditempatkan setelah rancangan pembinaan kem baru di Keningau/Pensiangan dilaksanakan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 9 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 139

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam usaha membawa teknologi pertanian ke kawasan luar bandar selain hanya membekalkan benih tanaman dan baja sahaja.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Dasar Agromakanan Negara telah merangka strategi pemodenan amalan pertanian selaras dengan HalaTuju Kementerian 2019-2020. Kementerian telah mengambil langkah memperkenalkan teknologi-teknologi yang bersesuaian mengikut peredaran masa dan kemampuan petani selain daripada hanya membekalkan benih tanaman, baja dan racun. Teknologi-teknologi pertanian yang diperkenalkan di peringkat permulaan adalah:-

1. Teknologi sumber air menggunakan tenaga solar sebagai sumber kuasa elektrik pam air

Pam air elektrik sedia ada dinaiktaraf dan diintegrasikan dengan panel sel solar supaya ia dapat berfungsi dengan kuasa solar. Pengubahsuaian pam ini dapat menjimatkan kos, cekap dan boleh di pasang dikawasan yang tidak ada punca elektrik atau terpencil jauh di pedalaman.

2. Membina telaga tiub (*tube well*) di kawasan yang tiada sumber air

Sistem telaga tiub merupakan satu sistem yang digunakan untuk mendapatkan air dari sumber bawah tanah (*akuifer*) dengan menggunakan pam air dan air akan disalurkan melalui paip PVC yang ditanam ke dalam tanah.

3. Teknologi Penanaman

Di antara teknologi penanaman yang telah dibangunkan ialah Teknologi Fertigasi, Hidroponik dan Akuaponik. Teknologi Fertigasi merupakan teknik penanaman yang mampu mengoptimumkan hasil pengeluaran dalam kawasan yang terhad. Teknologi Hidroponik merupakan kaedah menanam sayuran tanpa memerlukan penggunaan tanah.

Terdapat juga petani yang menggabungkan antara teknologi fertigasi dan teknologi hidroponik di ladang untuk menjamin pengeluaran mengikut matrik dan juga jaminan kualiti. Akuaponik adalah teknologi penanaman tumbuhan secara hidroponik diintegrasikan dengan aktiviti penternakan ikan.

4. Menggalakkan inovasi pertanian dikalangan petani melalui khidmat pengembangan dan latihan.

Di antara model-model inovasi yang telah dibangunkan adalah alat pemanjat kelapa, mesin pengupas kelapa, mesin pemerah minyak kelapa, alat pembuka durian, mesin pengasing isi durian, mesin pengisar jagung dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selepas perceraian, antara isu utama yang timbul adalah isu penguatkuasaan nafkah, hak penjagaan anak-anak dan harta perkahwinan. Walaupun sudah mendapat keputusan dalam tuntutan nafkah selepas bercerai, namun masih ramai ibu tunggal menghadapi masalah dalam penguatkuasaan nafkah. Bagi menambah baik mekanisme tuntutan nafkah, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah:

- i. Menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada tahun 2008 yang bertanggungjawab bagi membantu mahkamah Syariah menguatkuasakan dan melaksanakan perintah nafkah. Antara fungsi utama BSK adalah menguruskan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah terutamanya nafkah anak yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah, menambah baik sistem pengurusan kes berkaitan nafkah di setiap negeri serta menyalurkan bantuan wang pendahuluan nafkah kepada pemohon yang layak untuk meringankan beban sementara menunggu kes selesai sepenuhnya;
- ii. Mewujudkan sistem e-nafkah oleh JKSM pada tahun 2012 bagi memantau pelaksanaan perintah nafkah yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Sistem ini diintegrasikan dengan sistem e-syariah yang membolehkan pelanggaran perintah nafkah diambil tindakan dengan segera. Melalui integrasi sistem tersebut, BSK dapat memantau mana-mana perintah nafkah yang tidak dipatuhi; dan
- iii. Cadangan pengkhususan pengendalian kes hadhanah dan nafkah di Mahkamah Tinggi Syariah dan pengendalian kes nafkah di Mahkamah Rendah Syariah serta pewujudan Bahagian Penguatkuasaan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP). Pengkhususan pengendalian kes hadhanah dan nafkah ini dijangka akan membantu Mahkamah Syariah sedia ada untuk membuat dan melaksanakan

SOALAN NO. 140

keputusan berhubung isu hadhanah dan nafkah dengan lebih berkesan dan cekap. Cadangan ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 8 Mei 2019 dan pihak JKSM dalam proses libat urus melibatkan pihak-pihak berkepentingan. Perbincangan pertama adalah dengan Kementerian ini telah diadakan pada 20 Jun 2019. JKSM turut bercadang untuk melibatkan Badan bukan Kerajaan (NGO) dalam sesi libat urus berikutnya pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu selepas perceraian bukan sahaja melibatkan orang Islam, hakikatnya terdapat masalah yang serius berkaitan pengurusan selepas perceraian melibatkan orang bukan Islam. Keadaan ini disebabkan oleh faktor-faktor kemiskinan, kejahilan undang-undang, pihak suami yang melarikan diri dan kurangnya pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang.

Kementerian telah melaksanakan Kajian Pemantauan Isu-isu Pasca Perceraian dan Penyelesaiannya bagi mengkaji punca perceraian dan masalah berbangkit di kalangan ibu tunggal bukan Islam selepas bercerai. Kajian tersebut telah mencadangkan penubuhan Agensi Pembangunan Keluarga Bersepadu (APKB) untuk menguatkuasakan perintah-perintah mahkamah, mewujudkan Mahkamah Keluarga, menggabungkan undang-undang berkaitan keluarga bukan Islam dalam satu akta yang komprehensif serta mewujudkan sumber dana bagi membantu pembayaran nafkah kepada ibu tunggal dan anak-anak mereka. Pada masa ini, satu Memorandum Jemaah Menteri sedang disediakan untuk memberitahu Jemaah Menteri akan hasil penemuan kajian tersebut dan cadangan penyelesaian yang boleh diambil dalam menambah baik pengurusan selepas perceraian.

Sebagai sebuah Kementerian yang menjaga kepentingan wanita dan kanak-kanak, pewujudan sebuah agensi bersepadu bagi penguatkuasaan nafkah untuk orang Islam dan juga bukan Islam perlu bagi menjamin kesejahteraan semua pihak yang terlibat dalam perceraian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO. 141

Minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah pandangan Kerajaan Malaysia berhubung dengan projek raksasa China Belt and Road. Apakah Kerajaan Malaysia akan mengambil bahagian dan menyertai projek ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Latar Belakang BRI

1. ***Belt and Road Initiative (BRI)*** yang sebelum ini dikenali sebagai *One Belt One Road (OBOR)*, merupakan suatu aspirasi yang diumumkan oleh Kerajaan Republik Rakyat China (RRC) pada September 2013 untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan hubungan serantau. BRI merangkumi dua komponen utama iaitu **Laluan Jaringan Ekonomi Laluan Sutera** (*Silk Road Economic Belt*) dan **Laluan Maritim Kurun Ke-21** (*21st Century Maritime Silk Road*).
2. Setakat 30 April 2019, sebanyak **131 negara** merentasi 6 benua dan **30 pertubuhan antarabangsa** telah menandatangani dokumen kerjasama (*cooperation document*) dengan RRC dalam usaha membangunkan BRI.
3. Untuk makluman, Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC telah menandatangani 'Memorandum Persefahaman untuk Menggalakkan

Pembangunan Ekonomi Secara Bersama dalam Lalan Sutra dan Lalan Maritim Kurun Ke-21 pada 13 Mei 2017.

Yang di-Pertua,

Projek-projek BRI

4. Kebanyakan projek yang di bawah atau berkaitan dengan BRI adalah projek infrastruktur pengangkutan darat, pembangunan pelabuhan dan infrastruktur penjanaan elektrik. Antara projek-projek yang dilaksanakan di Asia termasuklah Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) Jakarta-Bandung di Indonesia, pembangunan Pelabuhan Muara di Brunei serta pembangunan Bandar Pelabuhan Colombo di Sri Lanka.

5. Kerajaan Malaysia dan Kerajaan RRC belum berkeputusan menyenaraikan projek-projek di Malaysia dan RRC untuk dikategorikan sebagai projek BRI antara kedua-dua negara.

Pendirian Kerajaan Malaysia

6. Kerajaan Malaysia mengalu-alukan cadangan projek atau program dua hala antara Malaysia dan RRC yang dapat **membawa manfaat** kepada negara kita. Antaranya adalah projek atau program yang dapat meningkatkan perdagangan, pelaburan langsung asing, pembangunan kapasiti, pemindahan teknologi kepada industri tempatan dan pembangunan infrastruktur negara. **Implikasi kewangan dan keselamatan negara** (*national security*) juga merupakan antara faktor pertimbangan utama sebelum Kerajaan Malaysia menyokong atau menyertai sesebuah projek, khususnya projek mega yang melibatkan penglibatan kerajaan atau syarikat swasta dari RRC.

7. Dari perspektif makro, Kerajaan berpendapat bahawa projek-projek BRI dalam negara-negara peserta BRI – sama ada berskala besar atau kecil, harus dipandang positif sekiranya projek-projek tersebut menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial pada peringkat global, tanpa mendatangkan risiko seperti ancaman kestabilan fiskal, impak negatif sosioekonomi dan pencemaran alam sekitar.

8. Untuk makluman, **kerjasama tiga pihak** (*tripartite cooperation*) turut digalakkan di bawah rangka kerjasama antarabangsa BRI. Dalam hal ini, Kerajaan Malaysia boleh menjalinkan kerjasama dengan sebuah negara BRI untuk membangun bersama projek di negara hos (*host country*) terpilih. Sehubungan dengan itu, model kerjasama awam swasta (*public-private partnership*, PPP) boleh diterapkan sebagai langkah strategik untuk melibatkan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia yang kompetitif dalam projek tersebut. Usaha ini mampu meningkatkan reputasi dan kompetensi syarikat-syarikat Malaysia untuk membida dan menerajui projek-projek terutamanya di negara/rantau yang kurang diterokai oleh syarikat tempatan.

9. Akhir kata, MITI sebagai kementerian yang dipertanggungjawab untuk perihal pelaksanaan dan pemantauan BRI di Malaysia, akan terus mengambil langkah-langkah proaktif dan sedia bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan dari sektor awam dan sektor swasta untuk menjayakan usaha pelaksanaan BRI serta memanfaatkannya sebagai sebuah platform yang dapat memberikan faedah kepada pembangunan ekonomi dan industri negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MORDI ANAK BIMOL (MAS
GADING)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan RELA terus relevan dan apakah inisiatif Kerajaan dalam membantu RELA agar dapat terus berkhidmat kepada masyarakat setempat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Dalam memastikan kewujudan anggota RELA terus kekal relevan dan perkhidmatan Jabatan ini dapat diperkukuhkan, kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah dan sedang mengambil langkah strategik untuk memperkasakan Jabatan ini. Antara usaha yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Melakukan Kajian Peranan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) untuk mengenalpasti peranan baharu yang sesuai untuk dilaksanakan oleh RELA;
- ii. Melaksanakan penukaran Ketua Perkhidmatan Jabatan RELA kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri berbanding sebelum ini di bawah Ketua Pengarah Angkatan Pertahanan Awam agar urusan pentadbiran Skim Pegawai RELA dapat dibuat dengan lebih efisien;

- iii. Membina sebuah Pusat Latihan RELA di negeri Sarawak dan menaik taraf Pusat-pusat Latihan RELA sedia ada bagi meningkatkan tahap kecekapan pegawai dan anggota RELA;
- iv. Menggunakan khidmat jurulatih luar yang kemahiran untuk melatih pegawai dan anggota-anggota RELA;
- v. Membekalkan sebanyak 109 buah kenderaan yang terdiri daripada 19 buah kereta Persona dan 90 buah kereta Saga untuk kegunaan di seluruh negara;
- vi. Mencadangkan kenaikan kadar elaun baharu anggota RELA dari RM6.00 kepada RM8.00 untuk anggota sukarelawan lain-lain pangkat dan RM7.80 kepada RM9.80 untuk anggota sukarelawan berpangkat pegawai;
- vii. Memperkenalkan aplikasi media sosial *MY RELA MOBILE 2.0* yang antara lain menyediakan perkhidmatan permohonan untuk mendapatkan penugasan anggota RELA dan permohonan keanggotaan secara atas talian; dan
- viii. Melaksanakan Kajian Impak Penugasan Rondaan Keselamatan Anggota RELA bagi mendapatkan maklum balas orang ramai terhadap keberkesanan penugasan tersebut.

Segala perancangan tersebut di atas dijangka akan dapat memastikan Jabatan RELA terus relevan dan dapat memberikan khidmat kepada masyarakat dengan lebih efisien.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara spesifiknya sekiranya Akta Hasutan 1948 akan dimansuhkan seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan dan sekiranya ya, bilakah ia akan dimansuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan tetap menjadi komitmen untuk dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri. Selaras dengan manifesto tersebut, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas untuk melaksanakan kajian ke atas undang-undang berkaitan keselamatan termasuklah Akta Hasutan 1948. Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pihak-pihak berkaitan yang berkepentingan seperti Jabatan Peguam Negara (AGC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Peguam, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan badan bukan kerajaan (NGO) ditubuhkan untuk menilai dan memperhalus setiap peruntukan dalam undang-undang berkenaan berdasarkan piawaian hak asasi manusia selain mengenal pasti implikasi-implikasi keselamatan yang boleh timbul jika undang-undang tersebut dimansuhkan.

Berdasarkan hasil kajian yang dijalankan, Kementerian Dalam Negeri berpandangan bahawa pemansuhan Akta Hasutan 1948 boleh dilaksanakan dengan mengambil kira beberapa peruntukan berkaitan dengan institusi diraja, kaum dan agama diteliti dengan penuh cermat kerana ia merupakan teras kepada perpaduan dan keharmonian rakyat di negara ini. Antara alternatif yang boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan ke arah merealisasikan pemansuhan undang-undang tersebut adalah beberapa peruntukan seksyen mengenai kesalahan-kesalahan yang melibatkan institusi diraja, kaum dan agama dijadikan sebagai antara kesalahan-kesalahan dalam undang-undang lain sedia ada yang berkuat kuasa seperti Kanun Keseksaan.

Kementerian masih meneruskan kajian lanjut berhubung dengan pemansuhan Akta Hasutan 1948 bersama dengan Jabatan Peguam Negara dan agensi-agensi kerajaan yang lain terutamanya ke atas seksyen 3 Akta Hasutan 1948, yang memperuntukkan mengenai Perkara 152, 153, 181 dan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan untuk dipindahkan ke dalam Kanun Keseksaan [Akta 574].

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 9 JULAI 2019 (Rabu)

SOALAN

DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE (BELURAN) meminta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status serta bentuk penyusunan dan penstrukturan semula Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) bagi mempertingkatkan lagi keselamatan di pantai timur negeri Sabah termasuk dari ancaman Kumpulan Abu Sayyaf yang dipercayai berpangkalan di Jolo, Sulu di Filipina.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Sidang Majlis Keselamatan Negara (MKN) Bil.1 tahun 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 12 Mac 2019 antara lain telah bersetuju supaya Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) distruktur semula bagi meningkatkan keselamatan di Zon Selamat Sabah Timur (ESSZONE). Bagi tujuan ini, satu Pasukan Petugas (Task Force) Penyelarasan dan Pengstrukturan ESSCOM yang diketuai oleh MKN, JPM telah diwujudkan bagi menyelaras proses dan tindakan ini.

Task Force ini telah mengadakan beberapa siri mesyuarat, Round Table Talk (RTT) dan Round Table Dialogue (RTD) bersama agensi-agensi termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), ESSCOM, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menyelaras keputusan-keputusan tersebut. Antara perkara yang diperhalusi termasuklah membincangkan rangka asas konsep operasi baharu melibatkan ATM, PDRM dan APMM, penyusunan semula pembahagian Kawasan Tanggungjawab (KTJ) operasi dan kawasan pos-pos keselamatan di daratan dan pulau-pulau antara ATM, PDRM dan APMM dan juga penstruktur semula bahagian awam ESSCOM.

Sidang MKN Bil.2 pada 3 Jun 2019 telah mengambil maklum mengenai kemajuan kajian penstruktur semula ini yang dijangka akan dilaksanakan pada Januari 2020. Walau bagaimanapun, Pihak ESSCOM pada masa kini dengan komposisi PDRM, ATM dan APMM tetap menjalankan kawalan bagi menangani ancaman keselamatan di ESSZONE seperti sedia ada.

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

DARIPADA : **DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]**

TARIKH : **9 JULAI 2019 (SELASA)**

SOALAN : **145**

minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah keterlibatan usahawan tempatan termasuklah Bumiputera dan luar bandar dalam *Digital Free Trade Zone* (DFTZ). Se jauh manakah peluang perniagaan dan pekerjaan telah diwujudkan sejak inisiatif ini dilancarkan pada 3 November 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital atau "*Digital Free Trade Zone*" (DFTZ) merupakan inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan ke luar negara serta menjadikan Malaysia sebagai hab *Fulfilment* eDagang serantau. Sehingga kini, sebanyak 6,229 PKS tempatan yang telah berdaftar serta menyertai pelbagai program bagi tujuan menempatkan produk mereka di dalam platform pasaran maya atau *eMarketplaces* serantau dan global.

2. Inisiatif DFTZ ini juga telah melahirkan banyak PKS Bumiputera yang telah berjaya mempelopori pasaran luar negara. Antara kisah kejayaan PKS Bumiputera tempatan ini adalah seperti:

3. Syarikat Perfume Heaven yang telah berjaya untuk pertama kali mengekport produk mereka pada 2018 dengan nilai eksport sebanyak RM10 juta. Sehingga April 2019, syarikat ini telah mencatatkan nilai eksport sebanyak RM10 juta. Antara pasaran yang telah ditembusi termasuk Jepun, Jerman dan Maldives.

4. Encik Yunus dari Kota Bharu, Kelantan yang menjual alat dan komponen automotif terpakai kini telah mula menawarkan produknya di platform antarabangsa seperti eBay.com melalui eLokal.com.my dan mencatatkan nilai eksport secara purata sebanyak RM25 ribu sebulan.

5. Koperasi Usahawan Groom Big (KUGPIS) dari negeri Perlis yang telah mengeksport produk tempatan seperti kopi dan kuih tradisional ke Ghana, Pakistan, Hong Kong, Mesir, Filipina dan Afrika Selatan dengan nilai eksport lebih RM2.3 juta.

6. Walaupun penyertaan PKS tempatan ini kebanyakannya tertumpu di Selangor dan Kuala Lumpur iaitu sebanyak lebih 70% daripada jumlah keseluruhan; namun penyertaan PKS dari negeri-negeri lain termasuk dari luar bandar masih pada kadar yang baik. Sebagai contoh, penyertaan dari PKS Sabah mewakili sebanyak 6.6%; PKS dari Johor sebanyak 5.1%; PKS dari Perak sebanyak 2.9%; dan PKS dari Kedah sebanyak 1.7%.

7. Dalam usaha menarik lebih banyak penyertaan khususnya di kalangan PKS bumiputera dan luar bandar, melalui kerjasama dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Pembangunan Usahawan, MITI dan agensi terlibat seperti SME Corp dan MATRADE, MDEC telah mengadakan sesi taklimat dan penerangan DFTZ melalui pertubuhan dan persatuan PKS bumiputera dan setempat seperti Persatuan Perniagaan Bumiputera (PPBM) dan rakan teknologi eDagang seperti Jocom.my, eLOKALcom.my, produkSarawak.com dan www.borneokaki.com.

8. Manakala dari segi aspek pengwujudan peluang pekerjaan, melalui inisiatif pembangunan PKS seperti DFTZ, khususnya untuk sektor eDagang, dianggarkan sejumlah 12,441 peluang pekerjaan telah diwujudkan bagi menyokong pertumbuhan sektor ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE (BELURAN)

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO. 146

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah kedudukan terkini jumlah Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Malaysia dan keyakinan pelabur terhadap dasar-dasar baharu yang dibuat oleh Kerajaan serta prestasi terkini pasaran saham Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia sentiasa menjadi destinasi pelaburan utama bagi pelabur-pelabur asing di rantau ini. Kedudukan Malaysia yang strategik serta persekitaran perniagaan yang kondusif menyebabkan Malaysia terus dilihat sebagai sebuah negara yang kompetitif dan berdaya saing.
2. Bagi tempoh 2006 - Mac 2019, prestasi pelaburan keseluruhan yang diluluskan (sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor-sektor utama lain yang meliputi perlombongan, perladangan dan komoditi, dan pertanian) adalah bernilai RM2.3 trillion. Pelaburan langsung asing (FDI) pula berjumlah RM716 billion, iaitu 32% daripada keseluruhan pelaburan yang diluluskan.

3. Pada tahun 2018, prestasi pelaburan keseluruhan yang diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama menunjukkan peningkatan sebanyak 0.5% iaitu RM201.7 billion berbanding RM200.6 billion yang direkodkan pada tahun 2017. Pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang sebanyak 39.9% atau RM80.5 billion iaitu peningkatan sebanyak 48% daripada RM54.4 billion pada tahun 2017.

4. Dari segi pecahan, pelaburan yang diluluskan untuk tempoh Januari hingga Jun 2018 bernilai RM86.1 billion, sementara sejumlah RM115.6 billion pelaburan diluluskan untuk tempoh Julai hingga Disember 2018. Prestasi pelaburan dalam tempoh enam bulan kedua jelas menunjukkan peningkatan yang ketara serta keyakinan pelabur-pelabur yang berterusan untuk membuat pelaburan di Malaysia dengan disokong oleh polisi dan dasar yang jelas oleh pentadbiran baharu.

5. Pada tahun 2018 juga, Malaysia berjaya menarik pelaburan yang tertinggi dalam sektor perkilangan sejak sedekad yang lalu iaitu sebanyak RM87.4 billion di mana RM58 billion atau 66% disumbang oleh pelaburan asing dan selebihnya RM29.4 billion atau 34% oleh pelabur tempatan. Pelaburan asing yang diluluskan ini juga adalah tertinggi sejak 2008. Negara China, Indonesia, Belanda, Jepun dan Amerika Syarikat merupakan penyumbang terbesar kepada aliran masuk pelaburan asing di dalam sektor perkilangan di Malaysia untuk tahun 2018.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Prestasi memberangsangkan ini diteruskan pada tahun 2019 di mana pada tempoh suku pertama 2019, jumlah keseluruhan pelaburan asing yang diluluskan adalah RM29.3 billion atau peningkatan 73% daripada RM16.9 billion yang direkodkan dalam tempoh yang sama pada tahun 2018. Pelaburan asing yang diluluskan di dalam sektor perkilangan juga meningkat sebanyak 127% kepada RM20.2 billion berbanding RM8.9 billion pada tahun 2018.

7. Amerika Syarikat dan China merupakan penyumbang pelaburan terbesar di dalam sektor perkilangan masing-masing berjumlah RM11.5 billion dan RM4.4 billion direkodkan dalam tempoh tersebut.

8. Pelabur asing khususnya yang telah bertapak di Malaysia juga terus melabur, mengembang dan mempelbagaikan projek mereka khususnya dalam projek berteknologi tinggi dan berintensifkan modal. MITI dan MIDA percaya dengan aktiviti promosi yang berterusan dan misi pelaburan yang bersasar, ianya akan mencetuskan keyakinan pelabur dan seterusnya menarik lebih banyak pelaburan berkualiti pada tahun ini.

9. Dasar kerajaan terhadap polisi pelaburan asing terus dipertingkatkan dengan memberi penekanan terhadap aliran masuk modal dan teknologi terutamanya di dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang digalakkan. Sebagai contoh, Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) kini giat menjalankan pelbagai inisiatif untuk menambah baik mutu penyampaian perkhidmatan awam dan memudahcara perniagaan dalam memastikan Malaysia kekal kompetitif sebagai destinasi pelaburan terulung di peringkat global.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Menurut Kementerian Kewangan, indeks penanda aras *FTSE Bursa Malaysia Kuala Lumpur Composite Index* (FBMKLCI) kekal berdaya tahan meskipun pasaran kewangan global berada dalam keadaan tidak menentu. Sehingga 1 Julai 2019, FBMKLCI mencatat pengurangan secara marginal sebanyak 0.4%. Sementara itu, jumlah aliran keluar dana asing bersih mencatat RM4.7 bilion sehingga akhir Jun 2019. Keadaan ini disebabkan oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global, ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, pertumbuhan sektor pembuatan yang lemah, penurunan dalam keuntungan korporat pada suku pertama 2019 serta kebimbangan bon kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

11. Bagi menstabilkan pasaran modal secara berterusan, Bursa Malaysia telah menyediakan pelan perniagaan 4 tahun (2017- 2020) yang memberi tumpuan kepada peningkatan kerancakan aktiviti pasaran saham tempatan bagi menjadikan pasaran Malaysia lebih kompetitif di rantau ini. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah menambah kepelbagaian produk sekuriti dan produk berkaitan yang lain, membangun dan meningkatkan jumlah pelabur, menambah baik dan menyediakan ekosistem yang diperlukan dan mengembangkan pasaran serantau.

12. Dalam jangka masa panjang, prestasi bursa saham secara keseluruhannya akan didorong oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Malaysia akan menumpukan usaha untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber ekonomi, memperkukuh daya saing ekonomi dan kedudukan fiskal negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN TUAN MAN
(KUBANG KERIAN)**

TARIKH : 9 JULAI 2019

SOALAN NO.

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam berhadapan desakan Kerajaan India bagi mengekstradisi pendakwah Dr. Zakir Naik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri tidak menghalang kemasukan Dr. Zakir Naik ke Malaysia kerana kemasukan beliau ke Malaysia sebelum ini adalah mengikut prosedur biasa dan mematuhi peraturan dan undang-undang negara.

Dalam isu Dr. Zakir Naik, Kerajaan tidak memberi layanan yang istimewa kepada beliau seperti yang diwar-warkan oleh pihak media sosial. Beliau memasuki dan keluar dari Malaysia melalui saluran yang sah daripada segi undang- undang.

Mengenai permohonan *provisional arrest* daripada Kerajaan India berdasarkan nota diplomatik pada 29 Disember 2017 dan disusuli permohonan rasmi ekstradisi daripada Kerajaan India pada 19 Januari

2018, terdapat peruntukan dalam Triti Ekstradisi antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik India dan Akta Ekstradisi 1992 (Akta 479) yang memperuntukkan *Restrictions on return of fugitive criminals* termasuk kesalahan yang pemulangannya bersifat politik, tujuan membicarakan, menghukum berdasarkan kesalahan bersifat politik atau dia mungkin terjejas dalam perbicaraannya atau dihukum oleh sebab rasnya, agamanya, kerakyatannya atau fahaman politiknya bagi maksud mendakwa atau menghukum.

Berdasarkan perkara-perkara yang dinyatakan, Malaysia berhak mempertimbangkan untuk tidak memenuhi permintaan ekstradisi tersebut adalah yang bersifat politik seperti dinyatakan Artikel 6 Perenggan (1)(a) Artikel 6 Triti Ekstradisi tanpa menyatakan keperluan sebab penolakan permintaan ekstradisi tersebut. Selain itu, terdapat peruntukan untuk tidak meneruskan proses ekstradisi dengan mengambil kira segala hal keadaan demi kepentingan keadilan jika orang yang dikehendaki tersebut tidak akan mendapat keadilan jika dihantar pulang atau terdapat suatu penindasan atau ancaman nyawa terhadapnya.

Di samping itu, Kementerian juga membuat semakan pada senarai *red notice Interpol* dan mendapati nama Zakir Naik tidak tersenarai sebagai orang yang dikehendaki. Semakan pada senarai entiti pengganas dalam senarai United Nation Security Council Resolutions (UNSCR) juga mendapati nama beliau tidak tersenarai orang yang disyaki.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L
SANTIAGO [KLANG]**

TARIKH : 09 JULAI 2019

SOALAN :

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesudian Kerajaan untuk mengikut penghakiman Mahkamah Rayuan di Perak baru-baru ini. Mahkamah berkenaan memutuskan untuk membenarkan anak-anak luar nikah disahkan melalui perkahwinan ibu bapa mereka selepas mereka lahir. Adakah penghakiman ini akan dimasukkan ke "standard operating procedure" Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pasangan ibu bapa bukan beragama Islam yang telah memperolehi Perintah Deklarasi melalui Mahkamah untuk mengesahartakan anak tidak sah taraf mereka di bawah Akta Kesahtarafan 1961 [Akta 60] boleh mengemukakan permohonan pendaftaran semula kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Dalam hal ini, JPN akan mengeluarkan Sijil Kelahiran baharu bagi anak tersebut. Walau bagaimanapun, taraf kewarganegaraan selepas proses pendaftaran semula Sijil Kelahiran adalah kekal seperti mana taraf kewarganegaraannya semasa kelahiran. Perkara ini adalah kerana kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran.

Bagi anak berumur bawah 21 tahun yang bertaraf Bukan Warganegara, ibu bapa atau penjaga yang sah boleh mengemukakan permohonan kewarganegaraan Malaysia melalui pendaftaran di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan. Pertimbangan adalah tertakluk kepada pematuhan syarat di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, *Citizenship Rules 1964* [LN82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuat kuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, peraturan imigresen dan lain-lain. Berhubung dengan prosedur pengendalian standard (SOP) bagi pertimbangan permohonan kewarganegaraan, Kementerian Dalam Negeri (KDN) sedang memuktamadkan pengemaskinian SOP tersebut dengan mengambil kira pelbagai aspek iaitu kebajikan pemohon tanpa mengabaikan keselamatan dan kesejahteraan warganegara sedia ada.